



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI SELANGOR
SIRI 1**



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI SELANGOR
SIRI 1

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
	PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	PERBENDAHARAAN NEGERI
	JABATAN KERJA RAYA SELANGOR
	JABATAN KERJA RAYA DAERAH KLANG
	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
3	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
17	Pengurusan Perolehan
	MAJLIS PERBANDARAN KLANG
39	Pengurusan Perolehan
	LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR
	PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
58	Pengurusan Perumahan Kuota Bumiputera
	BAHAGIAN II
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
79	Pendahuluan
79	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri
80	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
81	Objektif Pengauditan
81	Skop Dan Metodologi Pengauditan
81	Kawalan Utama
93	Penemuan Audit
99	Pemeriksaan Audit Mengejut
103	Syor Audit
107	PENUTUP




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II – Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Jabatan dan 4 Agensi Kerajaan Negeri. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 14 Jabatan/Agensi dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 42 Jabatan/Pejabat/Agensi.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 17 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

18 Mac 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PERBENDAHARAAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA SELANGOR JABATAN KERJA RAYA DAERAH KLANG MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT - Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri

1.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada jalan persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dikehendaki memberi sejumlah wang pemberian untuk menyenggara jalan Negeri yang dikira mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh. Wang pemberian tersebut bertujuan untuk menyenggara jalan Negeri mengikut maksud yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Pengiraan wang pemberian penyenggaraan jalan Negeri dilaksanakan berdasarkan kepada panjang dan lebar jalan yang berdaftar dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS *Online*), jenis permukaan jalan serta kos kerja penyenggaraan jalan. Berdasarkan rekod MARRIS *Online* sehingga bulan Disember 2015, panjang jalan Negeri yang disenggarakan oleh agensi pelaksana di Negeri Selangor adalah 16,753.25 kilometer. Jalan Negeri tersebut disenggarakan oleh agensi pelaksana termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah Dan Tanah serta Jabatan Pengairan Dan Saliran yang melaksanakan kerja penyenggaraan jalan secara berkala, rutin dan kecemasan.

1.2. Mulai 1 Januari 1994, Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Selangor (Kumpulan Wang). Kumpulan Wang dikawal oleh Pegawai Kewangan Negeri manakala Bendahari Negeri (Perbendaharaan Negeri) mengendalikan semua terimaan dan perbelanjaan. Bagi tahun 2013 hingga bulan September 2015, Kumpulan Wang mengakaunkan terimaan berjumlah RM1.38 bilion dan perbelanjaan berjumlah RM1.23 bilion.

1.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2015 hingga Januari 2016 mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan Negeri daripada aspek prestasi perbelanjaan wang pemberian, kualiti kerja penyenggaraan jalan bagi JKR Daerah Klang dan pendaftaran maklumat jalan dalam MARRIS *Online* oleh agensi pelaksana adalah bertambah baik berbanding dengan penemuan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3. Bagi tahun 2013 hingga bulan September 2015, Kerajaan Negeri telah mencapai 88.9% perbelanjaan berbanding dengan prestasi

perbelanjaan bagi tahun 2010 hingga 2012 yang mencatatkan 56.3%. Daripada aspek kualiti kerja penyenggaraan jalan, kerja yang dilaksanakan oleh JKR Daerah Klang adalah memuaskan. Sehingga 19 November 2015, secara umumnya tidak ada maklumat yang meragukan mengenai ukuran lebar jalan dan lebar bahu jalan dalam MARRIS *Online* bagi JKR Daerah Klang dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL). Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan Negeri seperti yang diringkaskan di bawah:

- Perancangan kerja yang lebih menyeluruh merangkumi penyenggaraan bahu jalan, pembersihan longkang dan mencantas pokok tidak dibuat oleh JKR Daerah Klang dan MDKL.
- Kualiti kerja penyenggaraan jalan bagi MDKL adalah kurang memuaskan melibatkan 40% daripada kerja penyenggaraan jalan yang dipilih untuk pengauditan ini.
- Kerja penyenggaraan bagi 2 dan 3 jalan masing-masing di bawah tanggungjawab JKR Daerah Klang dan MDKL yang diturap pada tahun 2014 dan 2015 telah rosak semula dalam tempoh kurang daripada 2 tahun selepas kerja siap.
- JKR Daerah Klang dan MDKL tidak mengendalikan aduan pengguna dan kejadian kecemasan dengan memuaskan.

1.4. Bagi memastikan wang pemberian penyenggaraan jalan Negeri dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan rakyat Selangor, pihak Audit mengesyorkan Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri/Daerah dan semua Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

1.4.1. Mempertingkatkan pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan memandangkan baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri masih tinggi.

1.4.2. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan bagi memastikan kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan berkualiti untuk mengelakkan pembaziran. Selain itu, mengambil tindakan sewajarnya bagi membina semula jalan yang telah tidak sesuai disenggara secara penurapan semula yang biasa dilaksanakan pada masa ini.

1.4.3. Majlis Daerah Kuala Langat perlu menetapkan piagam pelanggan penyelesaian aduan supaya aduan pengguna jalan dapat diselesaikan mengikut masa yang ditetapkan.

2. MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

- Pengurusan Perolehan

2.1. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ditubuhkan pada tahun 1978 dan tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Akta 171 memberi kuasa kepada MBSA

untuk membuat anggaran dan berbelanja daripada hasil yang diterima untuk melaksanakan aktiviti selaras dengan objektif penubuhannya. MBSA telah meluluskan peruntukan untuk perbelanjaan perolehan berjumlah RM895.30 juta bagi tahun 2013 hingga 2015. Daripada peruntukan perolehan berjumlah RM895.30 juta, MBSA telah membuat perbelanjaan berjumlah RM580.16 juta melibatkan 20,511 perolehan melalui 4 kaedah perolehan iaitu tender, sebut harga, rundingan terus dan pembelian terus setakat bulan Mei 2015.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2015 mendapati berdasarkan sampel perolehan yang diaudit, pengurusan perolehan MBSA adalah memuaskan kecuali bagi aspek pematuan proses pelantikan kontraktor/pembekal, pematuan spesifikasi dan perolehan berkualiti. Penemuan Audit berhubung pelaksanaan perolehan telah diringkaskan di bawah:

- Sebanyak 228 (67.7%) daripada 337 perolehan yang diaudit tidak mematuhi proses pelantikan kontraktor/pembekal yang ditetapkan. Nilai perolehan yang terlibat adalah RM110.99 juta.
- Sungguhpun 284 (84.5%) daripada 336 perolehan yang diaudit telah siap mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, namun masih terdapat 52 (15.5%) perolehan bernilai RM13.35 juta lewat disiapkan. Tempoh kelewatan adalah antara 154 hingga 687 hari.
- Sebanyak 17 (50%) daripada 34 perolehan kerja yang disemak tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau berkualiti. Nilai perolehan adalah RM3.14 juta.
- Sebanyak 331 (98.2%) kontrak perolehan telah ditadbir dengan memuaskan kecuali 6 perolehan kerja bernilai RM3.87 juta yang mana dokumen perjanjian lewat ditandatangani antara 21 hingga 70 hari.
- Sebanyak 5.3% perolehan bernilai RM16.74 juta tidak mematuhi peraturan kewangan/syarat kontrak yang ditetapkan.

2.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, pihak Audit mengesyorkan Majlis Bandaraya Shah Alam mengambil tindakan berikut:

2.3.1. Memastikan kontraktor/pembekal dilantik mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

2.3.2. Meningkatkan pemantauan setiap perolehan semasa pelaksanaan kerja oleh kontraktor/pembekal supaya kerja disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor/pembekal yang gagal berbuat demikian termasuk menyenaraihitamkan kontraktor/pembekal yang terlibat.

2.3.3. Memastikan spesifikasi perolehan disediakan secara terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya mengikut ketetapan dan berkualiti.

Pemantauan secara berkala bagi setiap perolehan juga perlu diberi perhatian sebelum perakuan pembayaran dibuat serta memastikan peraturan kewangan dan syarat kontrak dipatuhi supaya kepentingan kerajaan terjamin dan bayaran yang dilakukan adalah betul.

3. MAJLIS PERBANDARAN KLANG

- Pengurusan Perolehan

3.1. Majlis Perbandaran Klang (MPK) ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Akta 171 memberi kuasa kepada MPK untuk membuat anggaran dan berbelanja daripada hasil yang diterima untuk melaksanakan aktiviti selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi tahun 2013 hingga 2015, MPK telah memperuntukkan antara 68.3% hingga 72.4% daripada peruntukan keseluruhan bagi melaksanakan perolehan. MPK telah melaksanakan 33,513 perolehan secara tender, sebut harga, rundingan terus dan pembelian terus melibatkan perbelanjaan berjumlah RM464.62 juta bagi tahun 2013 hingga bulan September 2015.

3.2. Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan Oktober 2015 hingga Januari 2016 mendapati berdasarkan sampel perolehan yang diaudit, pengurusan perolehan MPK adalah memuaskan kecuali bagi aspek pematuan proses pelantikan kontraktor/pembekal. Penemuan Audit berhubung pelaksanaan perolehan MPK telah diringkaskan di bawah:

- Sebanyak 279 (67.4%) daripada 414 perolehan yang diaudit tidak mematuhi proses pelantikan kontraktor/pembekal yang ditetapkan. Nilai perolehan yang terlibat adalah RM22.71 juta.
- Sungguhpun 366 (88.4%) daripada 414 perolehan yang diaudit telah siap mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, namun masih terdapat 48 (11.6%) perolehan bernilai RM2.05 juta lewat disiapkan. Tempoh kelewatan adalah antara 9 hingga 140 hari.
- Sebanyak 37 (90.2%) perolehan yang disemak semasa pemeriksaan fizikal telah mematuhi spesifikasi manakala 4 (9.8%) perolehan kerja bernilai RM3 juta tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- Sebanyak 82 (19.8%) perolehan bernilai RM5.46 juta didapati tidak mematuhi pentadbiran kontrak berkaitan perolehan yang ditetapkan. Aspek ketidakpatuhan MPK terhadap pentadbiran kontrak adalah seperti dokumen perjanjian lewat ditandatangani, kontrak formal tidak disediakan, spesifikasi perolehan kerja tidak diperincikan dan Arahan Perubahan Kerja melebihi had yang ditetapkan.
- Tahap pematuan peraturan kewangan/syarat kontrak yang ditetapkan perlu ditambah baik kerana masih terdapat 28.7% perolehan kerja bernilai RM1.51 juta dibuat tanpa kelulusan/kelulusan lewat diperolehi dan pesanan tempatan/inden kerja bagi 162 (48.9%) perolehan bernilai RM3.21 juta dikeluarkan selepas barangan/perkhidmatan diterima/dilaksana.

3.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, pihak Audit mengesyorkan Majlis Perbandaran Klang mengambil tindakan berikut:

3.3.1. Memastikan kontraktor/pembekal dilantik mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

3.3.2. Meningkatkan pemantauan ke atas pelaksanaan perolehan bekalan/kerja/perkhidmatan dan memastikan bekalan diterima dan kerja/perkhidmatan disiapkan mengikut tempoh. Tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap kontraktor/pembekal yang tidak mematuhi syarat ditetapkan.

3.3.3. Memastikan spesifikasi perolehan dibuat secara terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya mengikut ketetapan serta memastikan setiap perolehan yang dilaksanakan mematuhi peraturan kewangan dan syarat kontrak supaya kepentingan Kerajaan terjamin.

4. LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

- Pengurusan Perumahan Kuota Bumiputera

4.1. Berdasarkan Teras 4 Pelan Tindakan Dasar Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, antara langkah yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah adalah penetapan perumahan kuota Bumiputera dalam pemilikan kediaman. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) serta Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mewujudkan kuota perumahan Bumiputera antara 30% hingga 80% melalui Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007 yang dikeluarkan pada 30 Mei 2007 dan *Blue Print* Perumahan Negeri Selangor Darul Ehsan (2004-2014) [*Blue Print*] sebagai garis panduan dan penambahbaikan pelaksanaan dasar sedia ada.

4.2. Kelulusan pelepasan unit rumah kuota Bumiputera bagi rumah lain-lain kos akan menyebabkan pemulangan potongan harga Bumiputera sebanyak 7% kepada Kerajaan Negeri yang perlu dibayar oleh pemaju kepada LPHS. Bagi unit rumah kuota Bumiputera yang telah dijual kepada Bukan Bumiputera tanpa kelulusan, pemaju perlu membayar denda sebanyak 7% atau 5% masing-masing bagi Rumah Kos Rendah dan rumah lain-lain kos. Kutipan bayaran pemulangan dan denda ini diakaunkan dalam Tabung Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera Dan Sumbangan Pengecualian Pembinaan Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah Dan Kos Sederhana (Tabung Amanah) yang diuruskan oleh LPHS. Sehingga bulan November 2015, baki Tabung Amanah berjumlah RM245.48 juta.

4.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2015 hingga Januari 2016 mendapati Kerajaan Negeri telah mewujudkan dasar untuk memastikan pemilikan rumah oleh Bumiputera. Bagaimanapun, pencapaian dasar ini tidak dapat diukur kerana Kerajaan

Negeri tidak menyelenggara maklumat pemilikan hartanah Bumiputera. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan dasar perumahan kuota Bumiputera dan pelepasan unit rumah kuota Bumiputera yang memerlukan perhatian dan tindakan penambahbaikan seperti diringkaskan di bawah:

- Pelan tindakan untuk tadbir urus dan mengawal selia perumahan kuota Bumiputera tidak dilaksanakan kerana *Blue Print* tidak diendors oleh MMKN untuk diguna pakai secara menyeluruh kecuali melibatkan penetapan kadar kuota perumahan Bumiputera. Selain itu, sekatan kepentingan dalam suratan hak milik bagi unit rumah kuota Bumiputera tidak dinyatakan dengan jelas untuk mengawal dan menjamin pengekalan pemilikan.
- Pelepasan unit rumah kuota Bumiputera yang dilaksanakan oleh LPHS tidak mematuhi Pekeliling LPHS Bil. 1 Tahun 2011 mengenai Mekanisme Penyelenggaraan Kuota Bumiputera dan Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007. Antara kelemahan adalah aktiviti promosi dan pemasaran kurang memuaskan; pelepasan tidak mengikut peringkat kemajuan projek; pelepasan diluluskan walaupun unit rumah Bukan Bumiputera belum habis dijual serta pengauditan terhadap permohonan pelepasan tidak dibuat.
- Pemulangan potongan harga Bumiputera dan denda tidak diuruskan dengan memuaskan kerana denda tidak dikutip berjumlah RM73,250; denda dikecualikan tanpa keputusan secara kolektif berjumlah RM2.39 juta; pengiraan bayaran pemulangan potongan harga Bumiputera dan denda tidak dibuat berdasarkan harga jualan; penentuan unit rumah kuota Bumiputera tidak mengikut tarikh perjanjian jual beli serta pelepasan peringkat kedua diluluskan sebelum bayaran pelepasan peringkat pertama dijelaskan sepenuhnya.
- Dana dari Tabung Amanah tidak digunakan untuk kepentingan dasar perumahan kuota Bumiputera. Selain itu, hasil pelaburan tidak diakaunkan dalam Tabung Amanah bagi tujuan yang sama.

4.4. Bagi menambah baik pelaksanaan pengurusan perumahan kuota Bumiputera, pihak Audit mengesyorkan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) untuk mengambil tindakan seperti berikut:

4.4.1. Mewujudkan mekanisme untuk mengukur dan menilai pencapaian dasar perumahan kuota Bumiputera. Selain itu, sekatan kepentingan dalam suratan hak milik bagi unit rumah kuota Bumiputera hendaklah dinyatakan dengan jelas untuk mengawal dan menjamin pengekalan pemilikan.

4.4.2. Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai garis panduan yang menetap dan menyeragamkan prosedur kerja. Sehingga SOP disediakan, semua keputusan berkaitan pemilikan perumahan kuota Bumiputera yang tidak dinyatakan atau ditetapkan

dalam Pekeliling LPHS Bil. 1 Tahun 2011 dan Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007 hendaklah dibuat melalui satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan supaya perkara yang diputuskan diteliti dengan terperinci bagi menjamin ketelusan.

4.4.3. Mengemas kini Arahan Amanah supaya wang Tabung Amanah digunakan untuk kepentingan dasar perumahan kuota Bumiputera di samping menetapkan keuntungan daripada pelaburan diambil kira dan dimasukkan dalam akaun Tabung Amanah untuk tujuan yang sama.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. Pada keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan 14 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah baik yang mana 5 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang, 8 Jabatan/Agensi Negeri tahap baik dan satu Agensi tahap memuaskan. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahbaikan diambil oleh Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang perlu diambil adalah menganjurkan program latihan berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.



BAHAGIAN I
AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

PERBENDAHARAAN NEGERI
JABATAN KERJA RAYA SELANGOR
JABATAN KERJA RAYA DAERAH KLANG
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada jalan persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dikehendaki memberi sejumlah wang pemberian untuk menyenggara jalan Negeri yang dikira mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh. Wang pemberian tersebut bertujuan untuk menyenggara jalan Negeri mengikut maksud yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan, viadak atau pemetung yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang berhubung dengannya dengan seberapa hampir yang boleh dengan keadaan asalnya sebagaimana dibina atau dibaiki kemudiannya. Pengiraan wang pemberian penyenggaraan jalan Negeri dilaksanakan oleh Bahagian Senggara Fasiliti Jalan, Jabatan Kerja Raya Malaysia berasaskan kaedah pengiraan yang telah diluluskan oleh Majlis Kewangan Negara. Kaedah pengiraan wang pemberian yang digunakan adalah berdasarkan kepada panjang dan lebar jalan yang berdaftar dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS *Online*), jenis permukaan jalan serta kos kerja penyenggaraan jalan. Berdasarkan rekod MARRIS *Online* sehingga bulan Disember 2015, panjang jalan Negeri yang disenggarakan oleh agensi pelaksana di Negeri Selangor adalah 16,753.25 kilometer. Jalan Negeri tersebut disenggarakan oleh agensi pelaksana termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah Dan Tanah serta Jabatan Pengairan Dan Saliran yang melaksanakan kerja penyenggaraan jalan secara berkala, rutin dan kecemasan.

1.1.2. Pada tahun 1993, Majlis Kewangan Negara memutuskan Kerajaan Negeri mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri mulai tahun 1994 di mana semua wang pemberian ini dicarum terus ke dalam Kumpulan Wang dan perbelanjaan direkodkan melaluinya. Sehubungan itu mulai 1 Januari 1994, Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Selangor (Kumpulan Wang) melalui Arahan Amanah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (Arahan Amanah) di bawah Seksyen 9(3), Akta Acara Kewangan 1957 yang kemudian dipinda kaedah penubuhannya kepada Seksyen 10 pada 15 Januari 2013. Di Negeri Selangor, Kumpulan Wang dikawal oleh Pegawai Kewangan Negeri manakala Bendahari Negeri (Perbendaharaan Negeri) mengendalikan semua terimaan dan perbelanjaan. Bagi tahun 2013 hingga bulan September 2015, Kumpulan Wang

mengakaunkan terimaan berjumlah RM1.38 bilion dan perbelanjaan berjumlah RM1.23 bilion.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada penyenggaraan jalan Negeri yang menggunakan wang pemberian jalan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Bagi menilai pelaksanaan kerja, kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod/dokumen di pejabat Perbendaharaan Negeri, JKR Selangor, JKR Daerah Klang dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) untuk tahun 2013 hingga bulan September 2015. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dalam kerja penyenggaraan jalan serta pemeriksaan tapak ke lokasi yang dipilih juga diadakan pada bulan Disember 2015 dan Januari 2016 untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan. *Exit Conference* bersama Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah JKR Selangor, Jurutera Daerah JKR Daerah Klang dan wakil MDKL telah diadakan pada 19 Februari 2016 yang turut dihadiri oleh Ketua Bahagian Audit Dalam dan wakil Unit Integriti daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang serta wakil Unit Teknikal daripada Jabatan Audit Negara.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2015 hingga Januari 2016 mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan Negeri daripada aspek prestasi perbelanjaan wang pemberian, kualiti kerja penyenggaraan jalan bagi JKR Daerah Klang dan pendaftaran maklumat jalan dalam MARRIS *Online* oleh agensi pelaksana adalah bertambah baik berbanding dengan penemuan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3. Bagi tahun 2013 hingga bulan September 2015, Kerajaan Negeri telah mencapai 88.9% perbelanjaan berbanding dengan prestasi perbelanjaan bagi tahun 2010 hingga 2012 yang mencatatkan 56.3%. Daripada aspek kualiti kerja penyenggaraan jalan, kerja yang dilaksanakan oleh JKR Daerah Klang adalah memuaskan. Sehingga 19 November 2015, secara umumnya tidak ada maklumat yang meragukan mengenai ukuran lebar jalan dan lebar bahu jalan dalam MARRIS *Online* bagi JKR Daerah Klang dan MDKL. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan Negeri seperti yang diringkaskan di bawah dan dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Perancangan kerja yang lebih menyeluruh merangkumi penyenggaraan bahu jalan, pembersihan longkang dan mencantas pokok tidak dibuat oleh JKR Daerah Klang dan MDKL.

- Kualiti kerja penyenggaraan jalan bagi MDKL adalah kurang memuaskan melibatkan 40% daripada kerja penyenggaraan jalan yang dipilih untuk pengauditan ini.
- Kerja penyenggaraan bagi 2 dan 3 jalan masing-masing di bawah tanggungjawab JKR Daerah Klang dan MDKL yang diturap pada tahun 2014 dan 2015 telah rosak semula dalam tempoh kurang daripada 2 tahun selepas kerja siap.
- JKR Daerah Klang dan MDKL tidak mengendalikan aduan pengguna dan kejadian kecemasan dengan memuaskan.

1.4.1. Prestasi Perbelanjaan Wang Pemberian

1.4.1.1. Penyaluran wang pemberian jalan Negeri yang diperuntukkan di bawah Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan adalah bertujuan membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan Negeri untuk memberi keselesaan dan keselamatan kepada pengguna jalan. Sehubungan itu, wang pemberian tersebut hendaklah dibelanjakan secara optimum atau sekurang-kurangnya pada satu tahap berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Pada 8 Julai 2014, Majlis Kewangan Negara telah bersetuju supaya penyaluran wang pemberian kepada Negeri mulai tahun 2016 dibuat berdasarkan prestasi perbelanjaan wang pemberian tahun 2015. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri Bil. 1 Tahun 2015 kemudiannya pada 30 April 2015 telah menetapkan paras prestasi perbelanjaan wang pemberian yang memuaskan adalah pada tahap 85% dan ke atas.

1.4.1.2. Bagi tahun 2013 dan 2014, Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri tidak menetapkan KPI atau sasaran perbelanjaan yang perlu dicapai terhadap wang pemberian jalan Negeri yang diterima. Oleh itu, prestasi perbelanjaan wang pemberian tidak dapat diukur. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sejumlah RM690.80 juta (67.6%) telah dibelanjakan daripada RM1.02 bilion yang diterima bagi tempoh 2 tahun ini. Bagi bulan Januari hingga September 2015 pula, didapati prestasi perbelanjaan adalah sangat baik kerana wang pemberian berjumlah RM538.19 juta (148.9%) telah dibelanjakan daripada RM361.35 juta yang diterima. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Terimaan Dan Perbelanjaan Wang Pemberian Serta Baki Kumpulan Wang
Penyenggaraan Jalan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan September 2015

Tahun	Terimaan Wang Pemberian (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan		Wang Pemberian Yang Tidak/Lebih Dibelanjakan		Baki Terkumpul Kumpulan Wang* (RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	
	[a]	[b]	[c=b/a*100]	[d=a-b]	[e=d/a*100]	[f]
2013	498.03	308.72	62.0	189.31	38.0	820.59
2014	523.49	382.08	73.0	141.41	27.0	962.00
2015	361.35	538.19	148.9	-176.84	TB	785.16
Jumlah	1,382.87	1,228.99	88.9	153.88	11.1	-

Sumber: Perbendaharaan Negeri

Nota: * - Tidak Mengambil Kira Pelarasan

TB - Tidak Berkenaan

1.4.1.3. Merujuk kepada **Jadual 1.1**, analisis Audit selanjutnya terhadap perbelanjaan Kumpulan Wang menunjukkan perkara berikut:

- a. Wang pemberian yang dibelanjakan mencatatkan trend meningkat pada tahun 2013 hingga bulan September 2015 kerana peningkatan dalam pengagihan peruntukan kepada agensi pelaksana untuk kerja penyenggaraan jalan iaitu daripada sejumlah RM207.16 juta (Tahun 2013) kepada RM557.16 juta (Tahun 2014) dan RM668.50 juta (Tahun 2015).
- b. Perbelanjaan wang pemberian bagi tahun 2015 sehingga bulan September melebihi terimaan pada kadar 48.9% yang mana lebihan perbelanjaan ditampung dengan baki Kumpulan Wang tahun sebelumnya. Perkara ini berlaku kerana 2 faktor berikut:
 - i. Kelewatan dalam pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan akibat daripada kelewatan dalam proses perolehan di peringkat agensi pelaksana.
 - ii. Sebahagian perolehan kerja penyenggaraan jalan telah dibuat oleh agensi pelaksana pada hujung tahun 2014 memandangkan berlaku penjimatan sebanyak 20% hingga 30% daripada anggaran Jabatan susulan daripada pelaksanaan Dasar Perolehan Harga Terendah Setelah Melepassi Penilaian Teknikal yang dikuatkuasakan mulai 11 Mac 2014.
- c. Bagi mengatasi masalah kelewatan tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Pentadbir Kumpulan Wang dalam mesyuarat pada 17 September 2014 menyarankan supaya semua agensi pelaksana menyediakan senarai/inventori projek dan mengambil langkah proaktif dengan mengenal pasti jalan dan longkang yang hendak disenggarakan pada tahun 2015. Mulai 1 Januari 2015, Perbendaharaan Negeri juga telah memperkenalkan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* bagi menangani isu berkaitan perolehan. Jawatankuasa Pentadbir Kumpulan Wang pada 23 Januari 2015 juga memutuskan proses perolehan bagi kerja penyenggaraan jalan boleh dilaksanakan setelah mendapat perakuan Jawatankuasa Teknikal Kumpulan Wang tanpa kelulusan oleh Jawatankuasa Pentadbir Kumpulan Wang. Selain itu, **berdasarkan maklum balas bertariikh 18 Februari 2016, Perbendaharaan Negeri memaklumkan kesemua gerak kerja berkaitan pengurusan kerja penyenggaraan jalan telah dijadualkan semula bagi memastikan pelaksanaan kerja di tapak boleh dilaksanakan dalam tempoh bulan Mac hingga September setiap tahun untuk mengelakkan musim tengkujuh yang boleh menjejaskan kualiti turapan jalan. Penjadualan gerak kerja adalah seperti berikut:**
 - i. **Bulan Oktober: menyediakan kertas ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk ketetapan peruntukan Kumpulan Wang tahunan kepada agensi pelaksana.**

- ii. **Bulan November: mengeluarkan Surat Kelulusan Berbelanja kepada agensi pelaksana.**
- iii. **Bulan Disember hingga Februari tahun berikutnya: meneliti senarai kerja penyenggaraan jalan oleh Jawatankuasa Teknikal Kumpulan Wang.**
- iv. **Bulan Mac hingga September: melaksanakan perolehan oleh agensi pelaksana secara berperingkat dan pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan di tapak.**

1.4.1.4. Secara keseluruhannya bagi tahun 2013 hingga bulan September 2015, Kerajaan Negeri telah menunjukkan prestasi perbelanjaan pada tahap yang baik (88.9%) berbanding dengan prestasi perbelanjaan bagi tahun 2010 hingga 2012 yang mencatatkan 56.3% seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3. Bagaimanapun, **pihak Audit berpendapat prestasi perbelanjaan ini perlu dipertingkatkan kerana baki terkumpul Kumpulan Wang sehingga bulan September 2015 adalah tinggi iaitu RM785.16 juta. Berdasarkan maklum balas bertarikh 18 Februari 2016, Perbendaharaan Negeri memaklumkan setakat 31 Januari 2016, perbelanjaan yang disalurkan kepada agensi pelaksana berjumlah RM639.52 juta menjadikan baki Kumpulan Wang berjumlah RM519.27 juta. MMKN pada 28 Oktober 2015 juga meluluskan RM600 juta sebagai peruntukan tahun 2016 yang menggunakan baki Kumpulan Wang dan wang pemberian yang jangka diterima pada tahun tersebut. Sebahagian baki Kumpulan Wang perlu dikhususkan sebagai persediaan sekiranya berlaku kejadian kecemasan seperti keruntuhan cerun, kerosakan jalan akibat bencana alam dan lain perkara yang disifatkan sebagai luar jangka.**

1.4.2. Kerja Penyenggaraan Jalan Yang Diperlukan

1.4.2.1. Kerja penyenggaraan jalan hendaklah dirancang untuk dilaksanakan bagi kesesuaian dan keselamatan pengguna jalan. Bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 119 dan 251 kerja penyenggaraan jalan yang dirancang masing-masing oleh JKR Daerah Klang dan MDKL telah diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Kumpulan Wang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pentadbir Kumpulan Wang untuk dilaksanakan.

1.4.2.2. Selain daripada kerja penyenggaraan yang telah dilulus untuk dilaksanakan, pemeriksaan tapak pada bulan Disember 2015 dan Januari 2016 terhadap jalan di bawah seliaan JKR Daerah Klang dan MDKL mendapati ada mempunyai kerja penyenggaraan jalan berkala dan rutin lain yang perlu dilaksanakan oleh kedua-dua agensi ini kerana keadaan jalan yang tidak memuaskan antaranya kerosakan bahu jalan, longkang tersumbat, longkang dipenuhi sampah sarap dan dahan pokok tidak dicantas. Contoh adalah seperti di **Gambar 1.1, Gambar 1.3, Gambar 1.5, Gambar 1.7, Gambar 1.9, Gambar 1.11 dan Gambar 1.13.** Selepas teguran Audit dan **berdasarkan maklum balas JKR Daerah Klang dan MDKL masing-masing bertarikh 18 Februari dan 18 Mac**

serta 15 Februari 2016, sebahagian kerja penyenggaraan jalan telah diambil tindakan seperti di Gambar 1.2, Gambar 1.4, Gambar 1.6, Gambar 1.8, Gambar 1.10 dan Gambar 1.12 manakala bagi kes lain, tindakan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Gambar 1.1
Sampah Di Bahu Jalan Tidak Dikutip



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kebun Nanas, Klang
Tarikh: 5 Januari 2016

Gambar 1.2
Sampah Di Bahu Jalan Telah Dikutip



Sumber: JKR Daerah Klang
Lokasi: Jalan Kebun Nanas, Klang
Tarikh: 5 Februari 2016

Gambar 1.3
Jalan Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Persiaran Masjid Sultan, Klang
Tarikh: 5 Januari 2016

Gambar 1.4
Kerja Pembaikan Terhadap Retak Jalan Telah Dilaksanakan



Sumber: JKR Daerah Klang
Lokasi: Persiaran Masjid Sultan, Klang
Tarikh: 16 Mac 2016

Gambar 1.5
Bahu Dan Jalan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Iskandar, Bukit Kapar, Meru, Klang
Tarikh: 12 Januari 2016

Gambar 1.6
Bahu Dan Jalan Rosak Telah Diambil Tindakan



Sumber: JKR Daerah Klang
Lokasi: Jalan Iskandar, Bukit Kapar, Meru, Klang
Tarikh: 19 Februari 2016

Gambar 1.7
Dahan Pokok Yang Menghalang Papan Tanda Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan BSE 4/25, Bandar Seri Ehsan, Banting, Kuala Langat
Tarikh: 7 Disember 2015

Gambar 1.8
Dahan Pokok Yang Menghalang Papan Tanda Jalan Telah Dicantas



Sumber: MDKL
Lokasi: Jalan BSE 4/25, Bandar Seri Ehsan, Banting, Kuala Langat
Tarikh: 9 Februari 2016

Gambar 1.9
Longkang Dipenuhi Sampah Sarap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pandan, Taman Dato' Hormat, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat
Tarikh: 8 Disember 2015

Gambar 1.10
Pembersihan Longkang Sedang Dilaksanakan




Sumber: MDKL
Lokasi: Jalan Pandan, Taman Dato' Hormat, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat
Tarikh: 22 Februari 2016

Gambar 1.11
Dahan Pokok Yang Tidak Dicantas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pandan, Taman Dato' Hormat, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat
Tarikh: 8 Disember 2015

Gambar 1.12
Dahan Pokok Yang Telah Dicantas



Sumber: MDKL
Lokasi: Jalan Pandan, Taman Dato' Hormat, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat
Tarikh: 9 Februari 2016



Gambar 1.13
Air Bertakung Disebabkan Longkang Hadapan Rumah Penduduk Tidak Disenggara

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan BSE 4/32, Bandar Seri Ehsan, Banting, Kuala Langat
Tarikh: 7 Disember 2015

1.4.2.3. Antara sebab berlakunya kerja yang diperlukan tetapi tidak dilaksanakan adalah kerana JKR Daerah Klang dan MDKL tidak mempunyai rekod mengenai keadaan setiap jalan yang membolehkan perancangan kerja penyenggaraan jalan dibuat. Selain itu, kerja penyenggaraan jalan rutin termasuk pembersihan longkang tepi jalan dan kerja pemotongan rumput serta penyenggaraan bahu jalan yang perlu untuk dilaksanakan oleh MDKL tidak dimasukkan dalam skop kerja semasa permohonan geran secara menyeluruh. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 18 Februari 2016, JKR Daerah Klang memaklumkan Highway Development And Management Model Version 4 (HDM-4) sedang dilaksanakan oleh JKR Selangor dengan mengenal pasti keadaan jalan sedia ada dan seterusnya jenis rawatan/pembaikan terhadap jalan akan ditentukan oleh HDM-4 tersebut. Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Mac 2016, JKR Selangor memaklumkan HDM-4 dijangka siap pada 30 November 2016 dan setakat ini, kerja yang telah siap dilaksanakan melibatkan 866 daripada keseluruhan 1,140 km jalan.**

1.4.3. Kualiti Kerja Penyenggaraan Jalan

1.4.3.1. Kerja penyenggaraan jalan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Lawatan Audit terhadap 20 kerja penyenggaraan jalan yang

dilaksanakan pada akhir tahun 2014 dan 2015 mendapati kualiti bagi 10 kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh JKR Daerah Klang adalah memuaskan manakala 4 (40%) kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh MDKL adalah kurang memuaskan seperti di **Gambar 1.14**, **Gambar 1.16**, **Gambar 1.18**, **Gambar 1.20** dan **Gambar 1.22**. Selepas teguran Audit dan **berdasarkan maklum balas MDKL bertariikh 15 Februari dan 15 Mac 2016**, semua kerja penyenggaraan jalan telah diambil tindakan seperti di **Gambar 1.15**, **Gambar 1.17**, **Gambar 1.19**, **Gambar 1.21** dan **Gambar 1.23**.

Gambar 1.14
Traverse Bar Yang Dicat Tidak Mengikut Spesifikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tenggiri 2, Taman Mutiara, Tanjung Sepat, Kuala Langat
Tarikh: 9 Disember 2015

Gambar 1.15
Traverse Bar Telah Dicat



Sumber: MDKL
Lokasi: Jalan Tenggiri 2, Taman Mutiara, Tanjung Sepat, Kuala Langat
Tarikh: 21 Disember 2015

Gambar 1.16
Papan Tanda Bonggol Tercabut Setelah Dipasang Pada Bulan Disember 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan BB 5/4, Taman Banting Baru, Banting, Kuala Langat
Tarikh: 9 Disember 2015

Gambar 1.17
Papan Tanda Bonggol Telah Dipasang Semula



Sumber: MDKL
Lokasi: Jalan BB 5/4, Taman Banting Baru, Banting, Kuala Langat
Tarikh: 5 Februari 2016

Gambar 1.18
Manhole Mendap Kerana Turapan Tidak Mengikut Spesifikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Beringin, Taman Sari, Banting, Kuala Langat
 Tarikh: 8 Disember 2015

Gambar 1.19
Kerja Menurap Aras Manhole Selaras Dengan Permukaan Jalan Telah Dilaksanakan



Sumber: MDKL
 Lokasi: Jalan Beringin, Taman Sari, Banting, Kuala Langat
 Tarikh: 11 Februari 2016

Gambar 1.20
Turapan Tidak Rata Menyebabkan Air Bertakung Di Permukaan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan BSE 4/28, Bandar Seri Ehsan, Banting, Kuala Langat
 Tarikh: 7 Disember 2015

Gambar 1.21
Kerja Turapan Pada Permukaan Jalan Tidak Rata Telah Dilaksanakan



Sumber: MDKL
 Lokasi: Jalan BSE 4/28, Bandar Seri Ehsan, Banting, Kuala Langat
 Tarikh: 12 Februari 2016

Gambar 1.22
Turapan Kasar Dan Tidak Dipadatkan Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Beringin, Taman Sari, Banting, Kuala Langat
 Tarikh: 8 Disember 2015

Gambar 1.23
Kerja Turapan Telah Dilaksanakan



Sumber: MDKL
 Lokasi: Jalan Beringin, Taman Sari, Banting, Kuala Langat
 Tarikh: 12 Februari 2016

1.4.3.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati kualiti kerja kurang memuaskan disebabkan mutu kerja yang dilaksanakan rendah dan tidak mengikut spesifikasi. Ini menyebabkan keselamatan pengguna terganggu dan pembaziran wang awam berlaku sekiranya kerja tersebut perlu diperbaiki semula.

1.4.4. Kerja Penyelenggaraan Jalan Kurang Berkesan

1.4.4.1. Kerja penyelenggaraan jalan hendaklah dilakukan dengan kaedah pembaikan yang berkesan supaya jangka hayat jalan dapat dilanjutkan dan memperoleh *value for money* daripada perbelanjaan yang dibuat. Mengikut temu bual dengan Penolong Pengarah Bahagian Jalan, Gred J41 dari JKR Selangor, sungguhpun tempoh ketahanan penurapan semula jalan tidak dinyatakan secara bertulis tetapi secara praktikalnya jalan yang diturap boleh bertahan selama 3 hingga 5 tahun.

1.4.4.2. Pada bulan Januari 2016, pemeriksaan Audit di jalan Negeri mendapati 2 dan 3 jalan masing-masing di bawah tanggungjawab JKR Daerah Klang dan MDKL yang diturap pada tahun 2014 dan 2015 telah rosak semula seperti di **Gambar 1.24**, **Gambar 1.26**, **Gambar 1.28** hingga **Gambar 1.33**. **Berdasarkan maklum balas JKR Klang dan MDKL masing-masing bertarikh 18 Februari dan 18 Mac serta 15 Februari 2016, sebahagian kerja penyelenggaraan jalan telah diambil tindakan seperti di Gambar 1.25 dan Gambar 1.27 manakala bagi kes lain, kerja penyelenggaraan jalan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.**

Gambar 1.24
Jalan Yang Diturap Pada Bulan November 2015 Rosak Semula Kerana Kenderaan Yang Melebihi Had Muatan Menggunakan Jalan Tersebut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Lombong Emas 3, Klang
Tarikh: 5 Januari 2016

Gambar 1.25
Jalan Yang Diturap Pada Bulan November 2015 Rosak Semula Telah Dilaksanakan Pembaikan



Sumber: JKR Daerah Klang
Lokasi: Jalan Lombong Emas 3, Klang
Tarikh: 16 Mac 2016

Gambar 1.26
Jalan Yang Diturap Pada Bulan April 2015
Rosak Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Paip, Meru, Klang
Tarikh: 12 Januari 2016

Gambar 1.27
Jalan Yang Diturap Pada Bulan April 2015
Rosak Semula Telah Dilaksanakan Pembaikan



Sumber: JKR Daerah Klang
Lokasi: Jalan Paip, Meru, Klang
Tarikh: 1 Februari 2016

Gambar 1.28
Jalan Yang Diturap Pada Bulan
Oktober 2014 Rosak Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Telok Panglima
Garang, Kuala Langat
Tarikh: 8 Disember 2015

Gambar 1.29
Jalan Yang Diturap Pada Bulan
Disember 2014 Rosak Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Banting, Jalan
Gangsa, Banting, Kuala Langat
Tarikh: 8 Disember 2015

Gambar 1.30
Jalan Yang Diturap Pada Bulan
Disember 2014 Rosak Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Banting, Jalan
Gangsa, Banting, Kuala Langat
Tarikh: 8 Disember 2015

Gambar 1.31
Jalan Yang Diturap Pada Bulan
Mac 2014 Rosak Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Olak Lempit,
Kuala Langat
Tarikh: 7 Disember 2015

Gambar 1.32
Jalan Yang Diturap Pada Bulan Mac 2014 Rosak Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Olak Lempit,
Kuala Langat
Tarikh: 7 Disember 2015

Gambar 1.33



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Olak Lempit,
Kuala Langat
Tarikh: 7 Disember 2015

1.4.4.3. Antara sebab jalan yang diturap rosak semula dalam tempoh kurang daripada 2 tahun adalah kerana penggunaan jalan oleh kenderaan berat yang melebihi muatan, jalan dibina di kawasan rendah yang mengalami banjir dan struktur tanah gambut. **Pihak Audit berpendapat kaedah penyenggaraan yang sesuai dengan keadaan jalan hendaklah dilaksanakan untuk manfaat jangka panjang daripada menggunakan kaedah pembaikan sementara bagi mengelakkan pembaziran wang awam.**

1.4.5. Tindakan Terhadap Aduan Pengguna Dan Kejadian Kecemasan

1.4.5.1. Mengikut piagam pelanggan JKR yang standard, semua pejabat JKR dikehendaki memberi maklum balas terhadap aduan pengguna dalam tempoh 7 hari dan penutupan aduan dalam tempoh 2 bulan (60 hari). Berkuat kuasa 30 April 2014, penutupan aduan adalah dalam tempoh 45 hari. Bagi kejadian jalan berlubang (*pothole*), pembaikan sementara hendaklah dilaksanakan dalam tempoh satu hari dan tindakan pembaikan kekal akan dilaksanakan dalam tempoh 3 hari selepas aduan diterima. Selain itu, bagi kejadian yang mengganggu lalu lintas atau keselamatan awam (kecemasan) seperti pokok tumbang atau tanah runtuh, ia hendaklah diambil tindakan dalam tempoh 24 jam setelah aduan diterima atau dikenal pasti.

1.4.5.2. Semakan Audit mendapati JKR Daerah Klang masih mengamalkan penyelesaian aduan pengguna berhubung jalan berlubang dan kejadian kecemasan dalam tempoh 60 hari dan bukan 45 hari. Ini adalah kerana Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS) belum dikemas kini selaras dengan piagam baharu (45 hari) dan masih mengguna pakai piagam 60 hari. Berdasarkan laporan Tempoh Maklum Balas Edaran Aduan Mengikut Daerah Bahagian Jalan, JKR Daerah Klang mencapai prestasi yang baik iaitu 84.3% daripada aduan jalan yang diterima pada tahun 2013 hingga bulan September 2015 telah diselesaikan dalam 60 hari manakala 155 (15.7%) aduan sama ada telah diselesaikan melebihi 60 hari atau belum diselesaikan sehingga tarikh pengauditan pada bulan Disember 2015. **Berdasarkan maklum balas JKR Daerah Klang bertarikh 18 Februari 2016, cadangan penambahbaikan sistem akan**

dipanjangkan kepada Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk tindakan selanjutnya.

1.4.5.3. Bagi tahun 2013 hingga bulan September 2015, MDKL telah menerima sebanyak 428 aduan iaitu masing-masing sebanyak 148, 182 dan 98 aduan untuk tempoh 3 tahun berkaitan. Berbeza dengan JKR Daerah Klang, MDKL hanya menetapkan piagam pelanggan 14 hari untuk memaklumkan status aduan kepada pengadu manakala tempoh penyelesaian bagi setiap aduan tidak ditetapkan. Oleh itu, MDKL tidak dapat mengukur prestasi penyelesaian setiap aduan yang diterima secara menyeluruh. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Februari 2016, MDKL memaklumkan piagam pelanggan akan dikaji semula melalui analisa keberkesanan dan pencapaian secara keseluruhan.**

1.4.6. Maklumat Jalan Dalam MARRIS Online

Maklumat jalan yang didaftarkan dalam MARRIS *Online* hendaklah tepat dan dikemas kini dari semasa ke semasa sekiranya ada perubahan supaya pengiraan wang pemberian adalah tepat. Semakan Audit terhadap data jalan MARRIS *Online* sehingga 19 November 2015 mendapati secara umumnya, tidak ada maklumat yang meragukan mengenai ukuran lebar jalan dan lebar bahu jalan bagi JKR Daerah Klang dan MDKL.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan penyenggaraan jalan Negeri telah menunjukkan penambahbaikan berbanding dengan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3. Bagaimanapun, Perbendaharaan Negeri dan agensi pelaksana yang terlibat masih perlu mengambil langkah proaktif untuk menangani kelemahan yang berbangkit serta memastikan wang pemberian digunakan secara optimum bagi mencapai objektif penyenggaraan jalan.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan wang pemberian penyenggaraan jalan Negeri dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan rakyat Selangor, pihak Audit mengesyorkan Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri/Daerah dan semua Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

1.5.1. Mempertingkatkan pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan memandangkan baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri masih tinggi.

1.5.2. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan bagi memastikan kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan berkualiti untuk mengelakkan pembaziran. Selain itu, mengambil tindakan sewajarnya bagi membina semula jalan yang telah tidak sesuai disenggarakan secara penurapan semula yang biasa dilaksanakan pada masa ini.

1.5.3. Majlis Daerah Kuala Langat perlu menetapkan piagam pelanggan penyelesaian aduan supaya aduan pengguna jalan dapat diselesaikan mengikut masa yang ditetapkan.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

2. PENGURUSAN PEROLEHAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ditubuhkan pada tahun 1978 dan tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sumber kewangan MBSA adalah daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta terimaan daripada Agensi Kerajaan. Akta 171 memberi kuasa kepada MBSA untuk membuat anggaran dan berbelanja daripada hasil yang diterima untuk melaksanakan aktiviti selaras dengan objektif penubuhannya. Dalam melaksanakan perolehan, MBSA adalah tertakluk kepada peraturan perolehan yang berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. MBSA telah meluluskan peruntukan untuk perbelanjaan perolehan berjumlah RM895.30 juta (72.8%) daripada jumlah peruntukan keseluruhan RM1.23 bilion bagi tahun 2013 hingga 2015 seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Perbandingan Peruntukan Keseluruhan MBSA Dengan Peruntukan Perolehan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Peruntukan Keseluruhan (RM Juta)	Peruntukan Perolehan	
		(RM Juta)	(%)
2013	335.69	272.54	81.2
2014	391.34	345.96	88.4
2015	502.16	276.80	55.1
Jumlah	1,229.19	895.30*	72.8

Sumber: MBSA

Nota: * - Sumber Peruntukan Daripada Kerajaan Persekutuan RM89.41 juta, Kerajaan Negeri RM7.20 juta dan MBSA RM798.69 juta

2.1.2. Daripada peruntukan perolehan berjumlah RM895.30 juta, MBSA telah membuat perbelanjaan berjumlah RM580.16 juta melibatkan 20,511 perolehan melalui 4 kaedah perolehan iaitu tender, sebut harga, rundingan terus dan pembelian terus seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Bilangan Dan Nilai Perolehan Mengikut Kaedah Perolehan Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan Mei 2015

Tahun	Tender		Sebut Harga		Rundingan Terus		Pembelian Terus		Jumlah	
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
2013	274	94.61	459	55.24	TM	TM	7,119	40.69	7,852	190.53
2014	538	132.50	624	68.93	TM	TM	7,326	40.64	8,488	242.08
2015	448	103.08	354	24.37	TM	TM	3,369	20.10	4,171	147.55
Jumlah	1,260	330.19	1,437	148.54	TM	TM	17,814	101.43	20,511	580.16

Sumber: MBSA

Nota: TM - Maklumat Tidak Diperoleh

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan di MBSA telah dilaksanakan dengan teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan secara tender, sebut harga, rundingan terus dan pembelian terus yang dilaksanakan oleh MBSA bagi tahun 2013 hingga bulan Mei 2015. Skop pengauditan telah diperluaskan pada tahun sebelumnya kerana terdapat isu yang material dan belum selesai semasa pengauditan dijalankan. Sebanyak 337 dokumen/fail perolehan bernilai RM146.88 juta telah dipilih secara rambang untuk disemak. Manakala pemeriksaan fizikal terhadap 34 perolehan telah dijalankan bagi mengesahkan kerja yang dilaksanakan, kewujudan aset, kesahihan dan ketepatan maklumat yang disemak. Selain itu, temu bual bersama pegawai MBSA yang berkaitan turut dijalankan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh mengenai setiap penemuan Audit yang berbangkit. *Exit Conference* bersama Datuk Bandar dan pegawai kanan MBSA telah diadakan pada 8 Disember 2015 yang turut dihadiri oleh wakil Bahagian Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2015 mendapati berdasarkan sampel perolehan yang diaudit, pengurusan perolehan MBSA adalah memuaskan kecuali bagi aspek pematuhan proses pelantikan kontraktor/pembekal, pematuhan spesifikasi dan perolehan berkualiti. Penemuan Audit berhubung pelaksanaan perolehan telah diringkaskan di bawah dan diterangkan dalam perenggan berikut:

- Sebanyak 228 (67.7%) daripada 337 perolehan yang diaudit tidak mematuhi proses pelantikan kontraktor/pembekal yang ditetapkan. Nilai perolehan yang terlibat adalah RM110.99 juta.
- Sungguhpun 284 (84.5%) daripada 336 perolehan yang diaudit telah siap mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, namun masih terdapat 52 (15.5%) perolehan bernilai RM13.35 juta lewat disiapkan. Tempoh kelewatan adalah antara 154 hingga 687 hari.
- Sebanyak 17 (50%) daripada 34 perolehan kerja yang disemak tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau berkualiti. Nilai perolehan adalah RM3.14 juta.
- Sebanyak 331 (98.2%) kontrak perolehan telah ditadbir dengan memuaskan kecuali 6 perolehan kerja bernilai RM3.87 juta yang mana dokumen perjanjian lewat ditandatangani antara 21 hingga 70 hari.

- Sebanyak 5.3% perolehan bernilai RM16.74 juta tidak mematuhi peraturan kewangan/syarat kontrak yang ditetapkan.

2.4.1. Pematuhan Proses Pelantikan Kontraktor/Pembekal

2.4.1.1. Setiap agensi hendaklah memastikan kontraktor/pembekal dilantik mengikut peraturan kaedah perolehan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 228 perolehan tidak mematuhi tatacara pelantikan kontraktor/pembekal. Nilai perolehan yang terlibat berjumlah RM110.99 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.3** manakala ketidakpatuhan diterangkan secara terperinci dalam perenggan berikut.

Jadual 2.3
Ringkasan Ketidakpatuhan Proses Pelantikan Kontraktor/Pembekal
Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan Mei 2015

Bil.	Kaedah Perolehan	Sampel Yang Diaudit		Ketidakpatuhan		
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	Tajuk Perolehan
1	Tender	84	82.01	47	54.01	Perkhidmatan Kerja Kutipan Sisa Domestik (Kontraktor Asal)
2	Sebut Harga	69	14.94	16	7.20	Penyenggaraan Dan Pemasangan Lampu Jalan, Lampu Taman Dan Lampu Hiasan
3	Rundingan Terus	6	48.64	4	0.64	Perkhidmatan Kerja Kutipan Sisa Domestik (Kontraktor <i>Back Up</i>)
				1	40.00	Mereka Bentuk, Memperbaiki Dan Menaik Taraf <i>Facade</i> Bangunan Sedia Ada Di Wisma MBSA
				1	8.00	Pembekalan <i>Premix</i>
	Pembelian Terus	178	1.29	68	0.61	Perkhidmatan Percetakan
				91	0.53	Pembekalan Perabot Dan Lengkapan Pejabat
Jumlah		337	146.88	228	110.99	
Peratus Ketidakpatuhan				67.7%	75.6%	

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.1.2. Perkhidmatan Kerja Kutipan Sisa Domestik (Kontraktor Asal)

- a. Pada tahun 2012, MBSA melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam telah melantik sebanyak 50 kontraktor secara tender terbuka bagi melaksanakan Perkhidmatan Kerja Kutipan Sisa Domestik mengikut 50 zon di kawasan pentadbiran majlis dengan nilai kontrak berjumlah RM57.26 juta. Semua kontraktor tersebut dilantik untuk tempoh selama 3 tahun bermula 1 Mac 2012 hingga 28 Februari 2015.
- b. Pelantikan 50 kontraktor untuk memberi perkhidmatan kerja ini telah melalui proses yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh kontrak perkhidmatan kerja terhadap 47 kontraktor sedia ada telah dilanjutkan sebanyak 2 kali iaitu bermula bulan Mac hingga Ogos 2015 dan bulan September hingga Disember 2015 berdasarkan keputusan Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram Dan Pembangunan Kampung Baru serta Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 2.4**. Langkah ini bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 201.1(a)(iii) yang menetapkan sebarang perubahan tempoh kontrak hanya diberi satu kali sahaja dengan tempoh maksimum sehingga 2 tahun dan diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan tender asal (MBSA).

Jadual 2.4
Kelulusan Lanjutan Masa Perkhidmatan Kerja Kutipan Sisa Domestik

Bil. Lanjutan	Pelulus	Tarikh Kelulusan	Lanjutan Masa	
			Tempoh	Bil. Bulan
Pertama	Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram Dan Pembangunan Kampung Baru	23.7.2014	Mac Hingga Ogos 2015	6
Kedua	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	13.5.2015	September Hingga Disember 2015	4

Sumber: MBSA

- c. Perkara ini berlaku kerana Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah interim menambah baik sistem kutipan sisa pepejal dengan melantik hanya satu kontraktor utama dan penyelarasa kutipan sisa domestik di Negeri Selangor.
- d. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan tempoh perkhidmatan kontraktor tersebut telah dilanjutkan selama 6 bulan lagi sehingga bulan Jun 2016 kerana Kerajaan Negeri masih dalam proses penambahbaikan sistem pengurusan sisa pepejal. Pihak Audit berpendapat Kerajaan Negeri hendaklah memuktamadkan proses pelantikan kontraktor penyelarasa kutipan sisa pepejal dengan segera supaya dapat mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.**

2.4.1.3. Perkhidmatan Kerja Kutipan Sisa Domestik (Kontraktor *Back Up*)

- a. Berdasarkan surat arahan Perbendaharaan Negeri bertarikh 29 Disember 2011, MBSA hendaklah melantik kontraktor *back up* bagi perkhidmatan kerja kutipan sisa domestik mengikut tatacara dan prosedur kewangan yang berkuat kuasa selaras dengan nilai kerja yang ditawarkan. Selain itu, Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia berkuat kuasa pada 17 April 2002 juga diterima pakai.
- b. MBSA telah melantik 4 kontraktor *back up* secara rundingan terus dalam kalangan panel kontraktor bagi menggantikan 3 kontraktor Perkhidmatan Kerja Kutipan Sisa Domestik yang tidak dilanjutkan tempoh kontrak untuk tempoh 4 hingga 6 bulan bermula antara bulan Februari hingga Ogos 2015. Nilai kerja yang ditawarkan kepada setiap kontraktor adalah antara RM133,392 hingga RM195,339. Pelantikan 4 kontraktor ini sepatutnya dibuat secara sebut harga kerana melibatkan nilai kerja melebihi RM20,000 hingga RM500,000.

- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan pelantikan kontraktor *back up* telah mendapat kelulusan melalui Mesyuarat Lembaga Tender pada 18 September 2014 dan merupakan penggantian segera bagi mengelakkan aduan awam. Pihak Audit berpendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri perlu diperoleh untuk melantik kontraktor *back up* secara rundingan terus memandangkan ia adalah keperluan mendesak selaras dengan Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus.**

2.4.1.4. Penyenggaraan Dan Pemasangan Lampu Jalan, Lampu Taman Dan Lampu Hiasan

- a. MBSA bertanggungjawab untuk memasang baru dan menyenggara lampu jalan, lampu taman dan lampu hiasan di sekitar kawasan pentadbiran majlis. Bagi tujuan ini, Jabatan Kejuruteraan telah melantik 16 kontraktor mengikut zon secara sebut harga bagi tempoh 18 bulan iaitu bermula 15 Mac 2013 hingga 14 September 2014. Skop kerja adalah menyenggara sebanyak 41,574 unit lampu dengan nilai kontrak kerja berjumlah RM7.20 juta.
- b. Semakan Audit mendapati 16 kontraktor telah dilantik pada 15 Mac 2013 yang mana nilai setiap kontrak yang dipersetujui adalah sama iaitu RM450,000 sungguhpun setiap kontraktor perlu menyenggarakan bilangan lampu yang berbeza. Nilai ini merupakan anggaran harga yang ditetapkan oleh MBSA secara *lump sum* tanpa mengambil kira bilangan dan jenis lampu serta saiz kawasan yang disenggarakan bagi setiap zon. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada MBSA telah mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang telah dibuat kerana justifikasi penentuan nilai kontrak kurang jelas.
- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA akan menawarkan nilai kontrak selaras dengan bilangan dan jenis lampu serta keluasan zon bagi kontrak akan datang.**

2.4.1.5. Mereka Bentuk, Memperbaiki Dan Menaik Taraf *Facade* Bangunan Sedia Ada Di Wisma MBSA

- a. Mengikut Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus, sebanyak 5 kriteria utama telah ditetapkan sebagai asas sesuatu perolehan dilaksanakan secara rundingan terus iaitu keperluan mendesak, bagi maksud penyeragaman, merupakan satu punca bekalan perkhidmatan (pembuat/pemegang francais), melibatkan aspek keselamatan/strategik dan kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera. Selain itu, ketua agensi hendaklah mendapatkan kelulusan daripada pihak yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran kewangan negeri.
- b. Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor secara rundingan terus tidak mematuhi 5 kriteria asas perolehan seperti yang ditetapkan dalam garis panduan.

Selain itu, proses rundingan harga tidak dijalankan dengan teliti kerana Jawatankuasa Rundingan Harga tidak ditubuhkan secara bertulis dan anggaran harga jabatan sebagai asas rundingan tidak dibuat. Justifikasi lengkap mengenai harga kontrak, senarai harga dan lukisan teknikal juga tidak disediakan. Manakala *Bill Of Quantity* dibuat secara *lump sum* tanpa menyediakan butiran secara terperinci (unit, kuantiti dan kadar) mengenai kerja yang sepatutnya dilakukan. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan asas penetapan harga kontrak bernilai RM40 juta.

- c. Perkara ini berlaku kerana Perbendaharaan Negeri selepas berbincang dengan Dato' Menteri Besar pada 3 Mac 2007, telah bersetuju melantik kontraktor secara rundingan terus untuk mereka bentuk, memperbaiki dan menaik taraf *facade* bangunan sedia ada Wisma MBSA untuk tempoh 12 bulan iaitu dari 16 Januari 2008 hingga 15 Januari 2009. Nilai perolehan berjumlah RM40 juta dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.
- d. Pada 4 Februari 2009, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menamatkan perkhidmatan kontraktor ini kerana kekurangan peruntukan kewangan dan MBSA diarah untuk melantik kontraktor gantian secara tender terbuka. Pada 15 Februari 2012, MBSA telah melantik kontraktor untuk tempoh 2 tahun dengan harga kontrak RM14.98 juta iaitu 62.6% lebih rendah berbanding kontraktor asal yang dilantik. Pelantikan kontraktor ini bagi menggantikan kontraktor asal yang dilantik secara rundingan terus oleh Kerajaan Negeri.
- e. Penamatan kontraktor asal telah mengakibatkan MBSA membayar 2 kali tuntutan kepada kontraktor berjumlah RM7.09 juta seperti di **Jadual 2.5**. Pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi bayaran tuntutan ganti rugi akibat penamatan kontrak berjumlah RM4.49 juta yang merupakan 11.2% daripada nilai kontrak.

Jadual 2.5
Butiran Tuntutan Kontraktor Akibat Penamatan Kontrak

Bil.	Butiran Tuntutan	Jumlah (RM Juta)
1	Bayaran kemajuan Bil. 1	1.54
2	Tuntutan caj faedah lewat	0.23
3	Tuntutan caj stor simpanan bahan binaan	0.20
4	Bahan dibeli tetapi tidak dipasang disimpan dalam stor	0.63
5	Tuntutan kerugian akibat penamatan kontrak (11.2% daripada nilai kontrak)	4.49
Jumlah		7.09

Sumber: MBSA

- f. Pada 23 Jun 2015, satu pemeriksaan telah dijalankan oleh pihak Audit terhadap bahan kontrak kerja yang disimpan dalam stor MBSA di Stadium Shah Alam. Pihak Audit mendapati bahan tak pasang bernilai RM631,589 yang diambil alih daripada

dan dibayar kepada kontraktor asal pada tahun 2012 masih berada di stor tanpa digunakan selama 3 tahun 3 bulan. Tempoh penyimpanan yang lama boleh mengakibatkan risiko kerosakan dan usang terhadap barang berkenaan serta berlakunya faktor susut nilai. **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.3** menunjukkan bahan tak pasang yang disimpan dalam stor dan tidak digunakan.

Gambar 2.1
Keadaan *Aluminium Composite Panel* Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor MBSA, Stadium Shah Alam
Tarikh: 23 Jun 2015

Gambar 2.2
Keadaan *G.I Horse Shim* Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor MBSA, Stadium Shah Alam
Tarikh: 23 Jun 2015



Gambar 2.3
Keadaan *Aluminium Bracket* Yang Tidak Digunakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor MBSA, Stadium Shah Alam
Tarikh: 23 Jun 2015

- g. Pihak Audit berpendapat MBSA sepatutnya menetapkan kontraktor gantian meneruskan penggunaan bahan ini dalam kontrak kerjanya dan mengurangkan lagi harga kontrak yang dipersetujui. Bayaran tuntutan kepada kontraktor lama terhadap bahan ini merupakan satu pembaziran wang awam. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan sebahagian bahan tak pasang telah digunakan untuk projek Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Bangunan Penyenggaraan Kenderaan/Bengkel MBSA di Seksyen 17, Shah Alam dan mempunyai perancangan untuk projek Dewan Teratai di Seksyen 19, Shah Alam di masa akan datang.**

2.4.1.6. Pembekalan *Premix*

- a. Pada tahun 2013, MBSA telah melantik 4 syarikat kuari secara rundingan terus untuk membekalkan *premix* bertujuan menurap jalan yang mana kerja tersebut akan dilaksanakan oleh MBSA secara *in house*. Kontrak berkuat kuasa selama 2 tahun bermula pada bulan Jun 2013 hingga Mei 2015. Nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM8 juta (RM2 juta bagi setiap syarikat).
- b. Semakan Audit mendapati pelantikan 4 kontraktor ini secara rundingan terus telah tidak mematuhi kriteria asas perolehan secara rundingan terus seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus. Perkara ini berlaku kerana pada 25 Mac 2013, Perbendaharaan Negeri (PNS) tersilap memberi kelulusan permohonan kepada MBSA yang mengakibatkan salah faham. Ini telah menyebabkan perolehan tersebut menjadi tidak telus dan menutup peluang kontraktor lain yang layak dan berwibawa untuk menyertai tender.
- c. Pada 9 Disember 2013, untuk membetulkan kedudukan ini, PNS telah meluluskan pelantikan secara rundingan terus ini untuk satu tahun dan MBSA perlu melantik kontraktor baru secara tender terbuka selepas tahun pertama. Bagaimanapun, MBSA tidak mematuhi arahan PNS dan meneruskan perkhidmatan 4 syarikat kuari ini. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan arahan Kerajaan Negeri tidak dapat dipatuhi kerana telah menandatangani perjanjian dengan 4 kontraktor tersebut. MBSA akan menghadapi risiko dikenakan tindakan undang-undang sekiranya menamatkan perjanjian terlebih awal dari tempoh kontrak. Pihak Audit berpendapat MBSA perlu mendapatkan kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri secara bertulis untuk meneruskan pelantikan secara rundingan terus pada tahun kedua.**

2.4.1.7. Perolehan Telah Dipecahkecilkan Secara Pembelian Terus

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014 telah mentafsirkan setiap jenis item sebagai sesuatu barang/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Selain itu, Agensi perlu merancang perolehan tahunan dan memastikan pembelian terus yang melebihi had nilai tidak dipecahkecilkan untuk mengelakkan sebut harga atau tender. Berdasarkan surat pekeling ini, perolehan bekalan dan perkhidmatan di bawah nilai RM50,000 hendaklah dibuat secara pembelian terus manakala melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga. Semakan Audit mendapati pada tahun 2013 dan 2014, MBSA telah melaksanakan 2 perolehan secara pembelian terus iaitu perkhidmatan percetakan serta pembekalan perabot danengkapan pejabat. Mengikut peraturan yang ditetapkan, perolehan ini sepatutnya dibuat secara sebut harga.

b. Perkhidmatan Percetakan

- i. MBSA melalui Jabatan Korporat Dan Pembangunan Komuniti (Jabatan Korporat) telah melaksanakan perolehan perkhidmatan percetakan seperti membekal dan mencetak *bunting, flyers, backdrop, bulletin, poster, banner* yang bertujuan mempromosi program yang dilaksanakan. Semakan Audit terhadap Program Zon Bersih, Laman Seni Seksyen 7, Gerak Gempur/Advokasi Denggi dan Mini Zee Bee mendapati pada tahun 2013 dan 2014, MBSA telah memecahkecilkan perolehan perkhidmatan percetakan bagi 4 program ini masing-masing berjumlah RM261,565 dan RM345,992. Perkara ini berlaku kerana MBSA tidak merancang perolehan tahunan bagi program tersebut sungguhpun program yang dijalankan telah diketahui lebih awal dan berlaku pada setiap tahun. **Pihak Audit berpendapat perolehan tersebut perlu dibuat secara sebut harga kerana telah melebihi had nilai pembelian terus.**
- ii. Selain itu, pihak Audit telah menjalankan satu pemeriksaan terhadap stok bahan percetakan program ini pada 23 dan 24 Jun 2015. Hasil pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 881 unit bahan percetakan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 yang tidak diedarkan/digunakan masih disimpan di dalam stor Bilik Penerbitan, Jabatan Korporat seperti di **Jadual 2.6**. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan baki dan nilai 881 unit tersebut kerana tiada daftar diselenggarakan untuk merekod penerimaan dan pengeluaran. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan selepas teguran Audit, Jabatan Korporat telah membuat edaran bahan percetakan ke Majlis Perwakilan Penduduk, sekolah, institut pengajian awam/swasta, hotel, bank dan Arkib Negara.**

Jadual 2.6
Buku Yang Dicitak Masih Disimpan Dan Tidak Digunakan

Bil.	Tajuk Buku	Bil. Unit
1	Zon Bersih MBSA 2012	309
2	Zon Bersih MBSA 2013 (<i>Hard Cover</i>)	15
3	Zon Bersih MBSA 2013	51
4	Laman Seni 7 (<i>Hard Cover</i>)	159
5	Laman Seni 7	288
6	Penganugerahan Mini Zee Bee 2014	28
7	Buletin Mini Zee Bee	31
Jumlah		881

Sumber: MBSA

c. Pembekalan Perabot Dan Lengkapan Pejabat

- i. Perolehan perabot danengkapan pejabat di MBSA diuruskan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan yang bertanggungjawab mengawal perolehan tersebut mengikut peruntukan yang telah diluluskan kepada setiap jabatan. Semakan Audit mendapati MBSA telah memecahkecilkan perolehan sofa, kabinet dan *work*

station bagi tahun 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM177,639 dan RM247,478 seperti di **Jadual 2.7**. Perolehan ini sepatutnya dilaksanakan secara sebut harga kerana melebihi had nilai pembelian terus. Perkara ini berlaku kerana MBSA tidak mewujudkan mekanisme kawalan berpusat semasa menguruskan pembelian perabot dan bekalan pejabat tahunan di setiap Jabatannya.

Jadual 2.7
Perolehan Sofa, Kabinet Dan *Work Station* Bagi Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Butiran Perolehan	2013		2014	
		(Bil.)	(RM)	(Bil.)	(RM)
1	Sofa	11	39,559	17	88,513
2	Kabinet	17	64,250	22	75,416
3	<i>Work Station</i>	8	73,830	11	83,549
Jumlah		36	177,639	50	247,478

Sumber: MBSA

- ii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan akan menyelaras perolehan perabot dan bekalan pejabat secara pukal serta mematuhi kaedah perolehan.**

Pada pendapat Audit, pematuhan proses pelantikan kontraktor/pembekal adalah kurang memuaskan kerana 67.7% daripada 337 perolehan yang diaudit tidak mematuhi tatacara yang ditetapkan. Nilai perolehan yang terlibat adalah 75.6% daripada RM146.88 juta. MBSA hendaklah memastikan kontraktor/pembekal dilantik mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

2.4.2. Tempoh Penyempurnaan Perolehan

2.4.2.1. Setiap perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan hendaklah dibekal/disiapkan oleh kontraktor/pembekal mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dalam kontrak asal atau lanjutan masa yang diluluskan (EOT). Kontraktor/pembekal yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik hendaklah ditamatkan perkhidmatan dan di mana yang sesuai, Ganti Rugi Yang Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) perlu dikenakan.

2.4.2.2. Semakan Audit mendapati sebanyak 52 perolehan bernilai RM13.35 juta yang telah dilaksanakan tidak siap mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Tempoh kelewatan adalah antara 154 hingga 687 hari. Selain itu, terdapat 2 perolehan kerja iaitu Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Bangunan Penyenggaraan Kenderaan/Bengkel MBSA serta Menaik Taraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Tandas Di Wisma MBSA (Kontraktor Kedua – 2014) telah diberi lanjutan masa sebanyak satu kali serta telah dikenakan LAD masing-masing berjumlah RM157,438 dan RM13,400. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.8** dan diterangkan dalam perenggan berikut.

Jadual 2.8
Ringkasan Ketidapatuhan Tempoh Penyempurnaan Perolehan
Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan Mei 2015

Bil.	Kaedah Perolehan	Sampel Yang Diaudit		Ketidapatuhan		
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	Tajuk Perolehan
1	Tender	83	24.75	1	3.04	Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Bangunan Penyenggaraan Kenderaan/Bengkel MBSA
				1	1.03	Menaik Taraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Tandas Di Wisma MBSA (Kontraktor Pertama – 2013)
				1	1.54	Menaik Taraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Tandas Di Wisma MBSA (Kontraktor Kedua – 2014)
2	Sebut Harga	69	14.94	49	7.74	Membaiki Longkang
3	Rundingan Terus	6	48.64	-	-	-
4	Pembelian Terus	178	1.29	-	-	-
Jumlah		336*	89.62	52	13.35	
Peratus Ketidapatuhan				15.5%	14.9%	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: * - Jumlah Sampel Yang Diaudit Menjadi 336 Kerana Satu Perolehan Kerja iaitu Menaik Taraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Tandas Di Wisma MBSA (Kontraktor Ketiga – 2015) Sedang Dijalankan

2.4.2.3. Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Bangunan Penyenggaraan Kenderaan/ Bengkel MBSA

- a. Pada tahun 2013, MBSA telah melantik kontraktor secara tender terbuka untuk melaksanakan Kerja Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Bangunan Penyenggaraan Kenderaan/Bengkel MBSA di Seksyen 17, Shah Alam bernilai RM3.04 juta untuk tempoh 8 bulan bermula 1 Oktober 2013 hingga 31 Mei 2014.
- b. Semakan Audit mendapati kerja ini tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan sungguhpun MBSA telah memberi EOT sebanyak satu kali iaitu pada 1 Jun 2014 sehingga 7 Julai 2014 (37 hari). Asas pertimbangan EOT diluluskan adalah kerana pertambahan skop kerja bagi penyambungan kabel utama ke *DB board* di stor bengkel dan perobohan serta pembinaan semula stor sedia ada. Setakat bulan Mei 2015, projek ini hanya 87% siap dan telah mengalami kelewatan selama 328 hari. Selain itu, kontraktor telah dikenakan LAD berjumlah RM157,438 untuk kelewatan selama 288 hari setakat 21 April 2015.
- c. Hal ini berlaku disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan walaupun notis amaran telah dikeluarkan sebanyak 2 kali iaitu pada 28 Februari dan 16 Mei 2014. Selain itu, tindakan tidak diambil untuk menamatkan kontrak walaupun Surat Amaran Bagi Kemungkiran Kontraktor telah dikeluarkan oleh MBSA bertarikh 7 Julai 2014. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan projek ini telah disiapkan oleh kontraktor pada 16 November 2015.**

2.4.2.4. Menaik Taraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Tandas Di Wisma MBSA

- a. Kerja menaik taraf 90 unit tandas dan sistem perpaipan sedia ada di 28 tingkat Wisma MBSA yang diselaras oleh Jabatan Kejuruteraan telah bermula pada bulan

Jun 2013 hingga Mei 2015 melibatkan 3 kontraktor yang berbeza. Semakan Audit setakat 31 Mei 2015 mendapati kerja menaik taraf tandas sedang dijalankan dan telah mengambil masa selama 717 hari bermula bulan Jun 2013. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.9** dan diterangkan dalam perenggan berikut.

Jadual 2.9
Status Perolehan Kerja Menaik Taraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Tandas Di Wisma MBSA
Dari 13 Jun 2013 Hingga 31 Mei 2015

Bil.	No. Tender	Nilai Kontrak (RM Juta)	Tempoh Kontrak		Tempoh Lanjutan Masa Diluluskan	Tarikh Ditamatkan Kontrak	Peratus Kerja Siap Semasa Kontrak Ditamatkan
			Mula	Tamat			
1	Kontraktor Pertama (T25/2013)	1.03	13.06.2013	27.11.2013	Tidak Berkaitan	13.11.2013	Kerja memecahkan 5 unit daripada 90 tandas (0.05%).
2	Kontraktor Kedua (T78/2014)	1.54*	21.04.2014	5.10.2014	Sehingga 4.12.2014 (2 Bulan)	9.02.2015	30 daripada 90 unit tandas siap tetapi dengan kecacatan kerja (33.3%).
3	Kontraktor Ketiga (T40/2015)	1.65	15.05.2015	29.10.2015	Tidak Berkaitan		Kerja sedang dilaksanakan. Baki kerja 66.7% perlu disiapkan.

Sumber: MBSA

Nota: * - RM1.54 juta Tidak Termasuk Penambahan Skop Kerja Di Luar Tapak Kontrak Asal Yang Bernilai RM0.42 juta

- b. Perkara ini berlaku disebabkan kontraktor pertama dan kedua yang dilantik tidak mempamerkan prestasi kerja yang baik. Kedua-dua kontraktor ini telah diberi 3 notis peringatan masing-masing manakala satu notis kemungkiran telah dikeluarkan kepada kontraktor kedua sebelum menamatkan kontrak. Selain itu, MBSA telah meluluskan satu EOT kepada kontraktor kedua disebabkan penambahan/perubahan kerja dan pelan reka bentuk hiasan dalaman oleh pihak pengurusan MBSA serta kerja memecah yang tidak dapat dilaksanakan pada waktu pejabat. Kontraktor kedua telah dikenakan LAD berjumlah RM13,400 iaitu selama 67 hari pada kadar RM200 sehari. Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan sebelum kontrak ditamatkan.

- c. Sehingga 31 Mei 2015, kontraktor ketiga telah dilantik dengan nilai kontrak RM1.65 juta untuk menyambung kerja ini dan perlu disiapkan pada 29 Oktober 2015. Perkara ini mengakibatkan kos projek meningkat 60.2% berbanding dengan kontrak pertama. Selain itu, keselesaan pegawai dan pelanggan MBSA juga terjejas kerana gangguan bekalan air dan terpaksa berkongsi tandas antara lelaki dan perempuan serta tiada jaminan keselamatan. **Gambar 2.4** dan **Gambar 2.5** menunjukkan keadaan tandas yang belum siap semasa lawatan Audit pada 11 Jun 2015. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan proses kerja kontraktor ketiga telah mencapai 90% dan dijangka siap sebelum 31 Disember 2015. Kelewatan ini disebabkan proses pemahaman oleh kontraktor berkaitan spesifikasi dan pembaikan semula kecacatan kerja yang telah dibuat oleh kontraktor kedua.**

Gambar 2.4
Air Bertakung Di Dalam Tandas VIP



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 23, Wisma MBSA
Tarikh: 11 Jun 2015

Gambar 2.5
Air Yang Bertakung Mengalir Keluar Ke
Laluan Lif Tidak Selamat Untuk Pengguna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 23, Wisma MBSA
Tarikh: 11 Jun 2015

2.4.2.5. Membaiki Longkang

- a. Bagi tahun 2013 dan 2014, MBSA telah meluluskan peruntukan berjumlah RM7.74 juta untuk melaksanakan 53 kerja membaiki longkang. Semakan Audit mendapati 49 kerja tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada bulan Julai 2015, sebanyak 2 daripada 49 kerja ini telah disiapkan oleh kontraktor *back up*. Ini mengakibatkan projek tertangguh selama antara 154 hingga 687 hari. Selain itu, EOT tidak diberi dan LAD tidak dikenakan terhadap kontraktor tersebut kerana tempoh kontrak telah tamat.
- b. Antara sebab kerja membaiki longkang lewat disiapkan adalah kerana penyelia kontraktor meninggal dunia, kontraktor menarik diri disebabkan tawaran harga yang tidak kompetitif dan perubahan item dalam *Bill Of Quantity*. Kerja lewat disiapkan telah menyebabkan sistem saliran air longkang bertakung, tersumbat dan banjir. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA telah melantik kontraktor penyenggaraan longkang yang baru untuk menyiapkan baki projek yang terbengkalai dan dijangka siap pada bulan Mei 2016.**

Pada pendapat Audit, tempoh penyempurnaan perolehan adalah memuaskan kerana 284 (84.5%) daripada 336 perolehan yang diaudit telah siap mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Manakala 15.5% perolehan melibatkan nilai berjumlah RM13.35 juta lewat disiapkan. Bagaimanapun, MBSA perlu memastikan setiap perolehan disiapkan oleh kontraktor/pembekal mengikut tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan objektif perolehan tercapai.

2.4.3. Pematuhan Spesifikasi/Perolehan Berkualiti

2.4.3.1. Bekalan/kerja/perkhidmatan yang telah diterima/disempurnakan hendaklah mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak dan berkualiti supaya perbelanjaan yang dibuat memperoleh *value for money*. Semakan Audit mendapati sebanyak 17 perolehan bernilai RM3.14 juta yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tidak berkualiti seperti di **Jadual 2.10** manakala keterangan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan bagi perolehan tersebut adalah seperti dalam perenggan berikut.

Jadual 2.10
Ringkasan Ketidakpatuhan Spesifikasi Dan Kualiti Kerja
Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan Mei 2015

Bil.	Kaedah Perolehan	Sampel Yang Diaudit		Ketidakpatuhan		
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	Nilai Projek (RM Juta)	Tajuk Perolehan
1	Tender	10	9.77	1	1.54	Menaik Taraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Tandas Di Wisma MBSA (Kontraktor Kedua – 2014)
2	Sebut Harga	15	1.49	15	1.49	Membaiki Longkang
3	Rundingan Terus	1	0.77	1	0.11	Pembekalan <i>Premix</i>
4	Pembelian Terus	8	0.13	-	-	-
Jumlah		34	12.16	17	3.14	
Peratus Ketidakpatuhan				50%	25.8%	

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.3.2. Menaik Taraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Tandas Di Wisma MBSA (Kontraktor Kedua – 2014)

- a. Pemeriksaan Audit pada bulan Jun 2015 terhadap 30 unit tandas yang telah dinaik taraf mendapati kerja yang dihasilkan adalah kurang berkualiti. Ini kerana terdapat perbezaan jarak pemasangan mangkuk tandas di tingkat 26 dan tingkat 28, perbezaan pemasangan getah sudut jubin pada dinding tandas di tingkat 23 dan tingkat 26 serta kedudukan paip utama yang rapat dengan dinding menyukarkan penggunaannya seperti di **Gambar 2.6** hingga **Gambar 2.10**. Perkara ini berlaku kerana MBSA tidak menetapkan spesifikasi kerja yang standard dan terperinci serta lukisan teknikal tidak disediakan dalam kontrak untuk dipatuhi oleh kontraktor. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan tindakan sewajarnya akan diambil untuk menetapkan spesifikasi kerja yang standard dan terperinci dalam dokumen tender dan dokumen lain yang berkaitan. Pihak MBSA juga akan memberi latihan dan bengkel berkaitan spesifikasi teknikal bagi kakitangan yang berkaitan.**

Gambar 2.6
Perbezaan Jarak Pemasangan Mangkuk Tandas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 26, Wisma MBSA
Tarikh: 25 Jun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 28, Wisma MBSA
Tarikh: 25 Jun 2015

Gambar 2.8
Getah Sesudut Jubin Tidak Dipasang Di Dinding Tandas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 23, Wisma MBSA
Tarikh: 25 Jun 2015

Gambar 2.9
Getah Sesudut Jubin Dipasang Di Dinding Tandas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 26, Wisma MBSA
Tarikh: 25 Jun 2015

Gambar 2.10
Kedudukan Paip Kawalan Yang Rapat Dengan Dinding



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 26, Wisma MBSA
Tarikh: 25 Jun 2015



- b. Berdasarkan Borang Kelulusan Bahan Dan Sampel, kontraktor kedua hendaklah membekalkan jubin seramik (dinding) dan Jubin *Homogeneous* (lantai) berjenama MML. Bagaimanapun, kontraktor kedua telah menggunakan jubin berjenama *Citigres* tanpa kelulusan daripada MBSA. Semasa perkhidmatan ditamatkan, sebanyak 1,405 keping jubin berjenama *Citigres* belum dipasang.
- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan baki 1,405 keping jubin berjenama *Citigres* telah digunakan oleh kontraktor ketiga dan penyelarasan bagi kuantiti jubin yang digunakan akan dibuat semasa proses pembayaran muktamad kontrak.**

2.4.3.3. Membaiki Longkang

Pihak Audit juga telah menjalankan pemeriksaan terhadap 15 daripada 53 kerja membaiki longkang dan mendapati kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor adalah kurang memuaskan antaranya seperti di **Gambar 2.11** hingga **Gambar 2.13**. Ini berlaku kerana pemantauan yang dijalankan oleh MBSA kurang berkesan, di samping lukisan teknikal dan spesifikasi yang jelas mengenai reka bentuk tidak disediakan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA mengambil maklum akan teguran Audit dan akan membuat pemantauan dengan lebih berkesan.**

Gambar 2.11
Keadaan Longkang Yang Dipasang
Berlainan Saiz



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Seksyen 3, Shah Alam
Tarikh: 2 Julai 2015

Gambar 2.12
Keadaan Longkang Yang Dipasang
Tidak Rapat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Seksyen 3, Shah Alam
Tarikh: 2 Julai 2015



Gambar 2.13
Keadaan Longkang Yang Tidak Siap

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Seksyen 35, Shah Alam
Tarikh: 2 Julai 2015

2.4.3.4. Pembekalan *Premix*

- a. Bagi tempoh 15 Jun 2013 hingga 14 Mei 2015, Jabatan Kejuruteraan telah membuat bayaran terhadap 55 kerja membekalkan *premix* bertujuan untuk membaiki jalan dengan jumlah perbelanjaan RM5.06 juta. Daripada 55 kerja ini, sebanyak 49 kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh kontraktor manakala 6 kerja pembaikan lain oleh *Road Gang* MBSA.
- b. Pada 16 Jun 2015, pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap 7 kerja pembekalan *premix*/pembaikan jalan bagi tahun 2013 dan 2014 bernilai RM775,742. Hasil pemeriksaan Audit mendapati satu kerja bernilai RM111,500 di Jalan 27/90, Seksyen 27, Shah Alam yang dilaksanakan oleh kontraktor pada bulan Ogos 2014 tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan yang mana satu turapan *premix* yang dihamparkan tidak dibuat secara menyeluruh dan sekata seperti di **Gambar 2.14** berbanding **Gambar 2.15** yang mana jalan diturap mengikut spesifikasi.

Gambar 2.14
Bahagian Jalan Tidak Diturap Dengan Sekata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Seksyen 27, Shah Alam
Tarikh: 16 Jun 2015

Gambar 2.15
Bahagian Jalan Diturap Dengan Sekata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Seksyen 27, Shah Alam
Tarikh: 16 Jun 2015

- c. Perkara ini berlaku kerana pembekalan *premix* tidak dilaksanakan dengan terancang dan teratur serta Prosedur Operasi Standard tidak disediakan untuk kerja pembekalan *premix*. Selain itu, jaminan tanggungan kecacatan dan ujian ketebalan *premix* (*coring test*) tidak disyaratkan dalam kontrak pembekalan *premix*. **Pihak Audit berpendapat kualiti kerja perlu mencapai tahap yang ditetapkan untuk mendapat pulangan setimpal dengan perbelanjaan yang dibuat.**

Pada pendapat Audit, pematuhan spesifikasi/perolehan berkualiti adalah kurang memuaskan kerana sebanyak 17 (50%) daripada 34 perolehan kerja yang disemak tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau berkualiti. Spesifikasi perolehan perlu diadakan secara terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya mengikut ketetapan dan berkualiti. Pemantauan secara berkala bagi setiap perolehan juga perlu diberi perhatian sebelum perakuan pembayaran dibuat.

2.4.4. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak yang cekap memainkan peranan yang penting dalam perolehan bagi memastikan kepentingan kerajaan terpelihara. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, bon pelaksanaan diterima dan kontrak ditandatangani. Semakan Audit terhadap 337 perolehan mendapati kontrak perolehan telah ditadbir dengan memuaskan kecuali dokumen perjanjian bagi 6 perolehan bernilai RM3.87 juta tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan sepertimana yang ditetapkan dalam peraturan kewangan. Ini melibatkan satu Kerja Perkhidmatan Kutipan Sisa Domestik dan 5 Kerja Membaharu Muka Jalan. Tempoh kelewatan antara 21 hingga 70 hari. Ini berlaku kerana jawatan Datuk Bandar MBSA tidak diisi selepas bekas Datuk Bandar bersara di samping pemantauan yang rapi tidak dibuat untuk memastikan kontraktor menandatangani perjanjian dalam tempoh yang ditetapkan. Kepentingan MBSA akan terjejas sekiranya berlaku pelanggaran kontrak yang melibatkan kes mahkamah.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah memuaskan kecuali 6 perolehan kerja bernilai RM3.87 juta yang mana dokumen perjanjian lewat ditandatangani. MBSA perlu memastikan kontrak ditandatangani mengikut peraturan yang ditetapkan demi menjamin kepentingan kerajaan.

2.4.5. Pematuhan Peraturan Kewangan/Syarat Kontrak

- 2.4.5.1.** Setiap agensi hendaklah mematuhi peraturan kewangan dan syarat kontrak yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 18 perolehan bernilai RM16.74 juta yang dilaksanakan tidak mematuhi peraturan kewangan/syarat kontrak yang ditetapkan. Butiran adalah seperti di **Jadual 2.11** dan diterangkan dalam perenggan berikut.

Jadual 2.11
Ringkasan Ketidakpatuhan Peraturan Kewangan/Syarat Kontrak
Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan Mei 2015

Bil.	Kaedah Perolehan	Sampel Yang Diaudit		Ketidakpatuhan		
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	Tajuk Perolehan
1	Tender	84	82.01	1	1.54	Menaik Taraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Tandas Di Wisma MBSA (Kontraktor Kedua – 2014)
2	Sebut Harga	69	14.94	16	7.20	Penyenggaraan Dan Pemasangan Lampu Jalan, Lampu Taman Dan Lampu Hiasan
3	Rundingan Terus	6	48.64	1	8.00	Pembekalan <i>Premix</i>
4	Pembelian Terus	178	1.29	-	-	-
Jumlah		337	146.88	18	16.74	
Peratus Ketidakpatuhan				5.3%	11.4%	

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.5.2. Menaik Taraf Tandas Dan Sistem Perpaipan Tandas Di Wisma MBSA (Kontraktor Kedua – 2014)

- a. Arahan Perbendaharaan [AP] 202.1(b)(iii) menetapkan kerja tambahan hendaklah dilaksanakan di tapak bina asal sepertimana dalam kontrak yang ditandatangani. Semakan Audit mendapati MBSA telah membuat satu arahan kerja bernilai RM58,165 iaitu Kerja Menaik Taraf Tandas Lelaki Dan Wanita Di Bilik Persalinan Artis, Tingkat 2, Dewan Auditorium sempena penyewaan pihak ASTRO. Kerja tambahan tersebut telah dilaksanakan di luar tapak bina kontrak asal di Wisma MBSA yang mana tidak mematuhi kehendak AP. Kerja tambahan ini sepatutnya dilakukan secara sebut harga berasingan dan bukan disatukan dalam kontrak tender yang sama. Ini adalah kerana dewan ini berada di luar tapak kerja menaik taraf tandas asal di Wisma MBSA.
- b. Perkara ini berlaku kerana kerja tersebut perlu dilaksanakan dengan segera memandangkan pihak ASTRO akan menyewa Dewan Auditorium tersebut. Penambahan kerja ini mengakibatkan Kerja Menaik Taraf Tandas dan sistem perpaipan tandas sedia ada tidak dapat disiapkan sehingga bulan Mei 2015 sungguhpun telah bermula pada bulan Jun 2013.
- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan kefahaman kakitangan berkaitan skop kerja dan dokumentasi akan ditingkatkan selain semakan berkaitan arahan kerja dan dokumen kontrak yang lebih teliti akan dilakukan. Di samping itu, MBSA akan berusaha untuk mengelak arahan kerja yang agak kabur pada masa akan datang.**
- d. Selain itu, satu perubahan spesifikasi bagi menukar pintu tandas daripada jenis kayu kepada *tempered glass* tebal 10 mm saiz 650 mm x 1,800 mm bernilai RM109,200 telah mengakibatkan pembaziran wang berjumlah RM46,640. Ini adalah kerana

semasa perubahan spesifikasi tersebut dilakukan, kontraktor kedua telah memasang pintu kayu bersaiz 900 mm x 2,100 mm dan 1,750 mm x 2,100 mm masing-masing sebanyak 104 dan 12 unit.

2.4.5.3. Penyenggaraan Dan Pemasangan Lampu Jalan, Lampu Taman Dan Lampu Hiasan

- a. Bagi Penyenggaraan Dan Pemasangan Lampu Jalan, Lampu Taman Dan Lampu Hiasan, Jabatan Kewangan akan membuat bayaran kepada kontraktor setiap bulan berdasarkan Laporan Penyerahan Barang Skrap (LPBS) serta Laporan Penilaian Dan Pengesahan Kerja (LPPK). LPBS disediakan oleh kontraktor dan diperiksa/disahkan betul oleh Juruteknik Elektrik Stor Barang Skrap manakala LPPK disedia, disemak, disokong dan diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Kejuruteraan. Kedua-dua laporan ini sepatutnya mempunyai maklumat yang sama untuk membolehkan bayaran muktamad dibuat. Sekiranya terdapat perbezaan bilangan item yang diserahkan kepada bahagian stor melalui LPBS yang dibandingkan dengan LPPK, pihak MBSA perlu membayar tuntutan bagi barang skrap yang dikemukakan kepada bahagian stor sahaja.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh bulan Mac 2013 hingga April 2014, sebanyak 26 daripada 221 baucar tuntutan bayaran yang dibuat oleh Bahagian Kewangan melibatkan 22 item (antaranya seperti mentol lampu, *ballast*, *capacitor* dan *ignitor*) kepada 6 kontraktor telah terlebih bayar. Mengikut perkiraan Audit, MBSA telah terlebih membuat bayaran berjumlah RM46,930 (1,276 unit item) kepada kontraktor. Keterangan lanjut mengenai perbezaan tersebut adalah seperti **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12
Perbezaan Bilangan Dan Nilai Tuntutan Yang Dikemukakan Oleh 6 Kontraktor
Bagi Bulan Mac 2013 Hingga April 2014

Bil.	No. Sebut Harga	Laporan Penyerahan Skrap		Laporan Penilaian Pengesahan Siap Kerja		Perbezaan	
		(Bil.)	(RM)	(Bil.)	(RM)	(Bil.)	(RM)
1	SH13/2013 (Zon O)	627	17,068	1,358	37,130	731	20,062
2	SH9/2013 (Zon I)	577	24,554	719	34,048	142	9,494
3	SH1/2013 (Zon A)	129	4,146	203	6,568	74	2,422
4	SH8/2013 (Zon H)	243	10,717	429	19,318	186	8,601
5	SH11/2013 (Zon K)	326	14,547	452	20,642	126	6,095
6	SH7/2013 (Zon G)	20	304	37	560	17	256
Jumlah		1,922	71,336	3,198	118,266	1,276	46,930

Sumber: MBSA Dan Jabatan Audit Negara

- c. Perkara ini berlaku kerana pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kewangan tidak menyemak dengan teliti secara rujuk silang antara LPBS dan LPPK sebelum bayaran dibuat. **Pihak Audit berpendapat prosedur semakan rujuk silang antara LPBS dan LPPK merupakan kawalan dalaman yang perlu bagi memastikan bayaran yang dibuat adalah selaras dengan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Pihak MBSA disarankan untuk mengambil**

tindakan mengutip semula bayaran yang terlebih bayar berjumlah RM46,930 daripada kontraktor. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Disember 2015, MBSA memaklumkan LPBS telah ditambah baik dengan mengambil kira barang yang pecah/hancur/terbakar untuk memastikan bilangan item bersamaan dengan LPPK.**

- d. Pada 13 Ogos 2015, pihak Audit telah melaksanakan satu pemeriksaan fizikal ke stor barang skrap di Seksyen 17, Shah Alam. **Gambar 2.16** menunjukkan keadaan stor yang berselerak. Kelewatan MBSA untuk melupuskan barang skrap akan terdedah pada risiko kecurian dan kehilangan hasil. Anggaran nilai skrap yang ada di dalam stor tidak dapat ditentukan.



Gambar 2.16
Keadaan Bahagian Luar Salah Satu Stor
Barang Skrap Yang Berselerak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor 1A, Seksyen 17, Shah Alam
Tarikh: 13 Ogos 2015

2.4.5.4. Penghantaran *Premix*

- a. Mengikut klausa 5.1 perjanjian yang ditandatangani antara MBSA dengan syarikat kuari, syarikat bertanggungjawab dalam urusan pengangkutan dan penghantaran bekalan *premix* ke tapak mengikut arahan bertulis MBSA. Selain itu, kos tambahan tidak akan dikenakan kepada MBSA semasa penghantaran pembekalan *premix* yang melibatkan penggunaan jentera untuk menghampar *premix* di kawasan yang diarahkan oleh MBSA. Kerja memperbaiki jalan perlu dilaksanakan sepenuhnya oleh *Road Gang* MBSA secara *in house*.
- b. Semakan Audit terhadap 55 baucar bayaran kerja menghampar *premix* dan 55 laporan arahan kerja bagi 4 syarikat kuari mendapati 49 (89.1%) kerja menghampar *premix* telah dilaksanakan oleh syarikat kuari dan bukan *Road Gang* MBSA secara *in house* seperti yang ditetapkan. Selain itu, MBSA juga telah membayar kos tambahan berjumlah RM470,190 kepada kontraktor untuk kos sewaan jentera menghampar *premix* yang mana tidak dinyatakan dalam perjanjian.
- c. Perkara ini berlaku kerana kemampuan *Road Gang* dan kelengkapan jentera yang terhad untuk melaksanakan kerja menghampar *premix* tersebut dalam kuantiti skala yang besar. **Pihak Audit berpendapat MBSA perlu membuat perancangan yang lebih teliti dengan memastikan kerja menghampar *premix* dan kos jentera**

diambil kira dalam melaksanakan perolehan ini supaya mendapat harga yang lebih kompetitif.

Pada pendapat Audit, tahap pematuhan peraturan kewangan/syarat kontrak yang ditetapkan perlu ditambah baik kerana masih terdapat 5.3% perolehan bernilai RM16.74 juta yang tidak teratur.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, pihak Audit mengesyorkan Majlis Bandaraya Shah Alam mengambil tindakan berikut:

2.5.1. Memastikan kontraktor/pembekal dilantik mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

2.5.2. Meningkatkan pemantauan setiap perolehan semasa pelaksanaan kerja oleh kontraktor/pembekal supaya kerja disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor/pembekal yang gagal berbuat demikian termasuk menyenaraihitamkan kontraktor/pembekal yang terlibat.

2.5.3. Memastikan spesifikasi perolehan disediakan secara terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya mengikut ketetapan dan berkualiti. Pemantauan secara berkala bagi setiap perolehan juga perlu diberi perhatian sebelum perakuan pembayaran dibuat serta memastikan peraturan kewangan dan syarat kontrak dipatuhi supaya kepentingan kerajaan terjamin dan bayaran yang dilakukan adalah betul.

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

3. PENGURUSAN PEROLEHAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Perbandaran Klang (MPK) ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sumber kewangan MPK merangkumi hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Akta 171 memberi kuasa kepada MPK untuk membuat anggaran dan berbelanja daripada hasil yang diterima untuk melaksanakan aktiviti selaras dengan objektif penubuhannya. Dalam melaksanakan perolehan, MPK adalah tertakluk kepada peraturan perolehan yang berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Bagi tahun 2013 hingga 2015, MPK telah memperuntukkan antara 68.3% hingga 72.4% daripada peruntukan keseluruhan bagi melaksanakan perolehan seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Perbandingan Peruntukan Keseluruhan MPK Dengan Peruntukan Perolehan
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Peruntukan Keseluruhan (RM Juta)	Peruntukan Perolehan	
		(RM Juta)	(%)
2013	260.81	188.09	72.1
2014	248.51	169.65	68.3
2015	290.04	210.05	72.4
Jumlah	799.36	567.79	71.0

Sumber: MPK

3.1.2. Bagi tahun 2013 hingga bulan September 2015, MPK telah melaksanakan 33,513 perolehan secara tender, sebut harga, rundingan terus dan pembelian terus melibatkan perbelanjaan berjumlah RM464.62 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Bilangan Dan Nilai Perolehan Mengikut Kaedah Perolehan
Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan September 2015

Tahun	Tender		Sebut Harga		Rundingan Terus		Pembelian Terus		Jumlah	
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
2013	735	20.96	3,759	81.95	6	2.57	9,299	60.74	13,799	166.22
2014	799	39.76	3,620	47.18	26	1.83	8,084	59.20	12,529	147.97
2015	691	82.72	1,697	24.83	35	2.29	4,762	40.59	7,185	150.43
Jumlah	2,225	143.44	9,076	153.96	67	6.69	22,145	160.53	33,513	464.62

Sumber: MPK

Nota: Sumber peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan RM152.29 juta, Kerajaan Negeri RM10.74 juta dan MPK RM301.59 juta

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan di MPK telah dilaksanakan dengan teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan secara tender, sebut harga, rundingan terus dan pembelian terus yang dilaksanakan oleh MPK bagi tahun 2013 hingga bulan September 2015. Sebanyak 414 dokumen/fail perolehan bernilai RM37.26 juta telah dipilih untuk disemak. Manakala lawatan Audit terhadap 41 sampel telah dijalankan bagi mengesahkan kerja yang dilaksanakan, kewujudan aset, kesahihan dan ketepatan maklumat yang disemak. Selain itu, temu bual bersama pegawai MPK yang berkaitan turut dijalankan bagi mendapatkan gambaran lebih jelas dan menyeluruh mengenai penemuan Audit berbangkit. *Exit Conference* bersama Yang Dipertua, Setiausaha, Pengarah Kewangan dan pegawai kanan MPK telah diadakan pada 22 Februari 2016 yang turut dihadiri oleh Ketua Bahagian Audit Dalam dan wakil Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan Oktober 2015 hingga Januari 2016 mendapati berdasarkan sampel perolehan yang diaudit, pengurusan perolehan MPK adalah memuaskan kecuali bagi aspek pematuhan proses pelantikan kontraktor/pembekal. Penemuan Audit berhubung pelaksanaan perolehan MPK telah diringkaskan di bawah dan diterangkan dalam perenggan berikut:

- Sebanyak 279 (67.4%) daripada 414 perolehan yang diaudit tidak mematuhi proses pelantikan kontraktor/pembekal yang ditetapkan. Nilai perolehan yang terlibat adalah RM22.71 juta.
- Sungguhpun 366 (88.4%) daripada 414 perolehan yang diaudit telah siap mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, namun masih terdapat 48 (11.6%) perolehan bernilai RM2.05 juta lewat disiapkan. Tempoh kelewatan adalah antara 9 hingga 140 hari.
- Sebanyak 37 (90.2%) perolehan yang disemak semasa pemeriksaan fizikal telah mematuhi spesifikasi manakala 4 (9.8%) perolehan kerja bernilai RM3 juta tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- Sebanyak 82 (19.8%) perolehan bernilai RM5.46 juta didapati tidak mematuhi pentadbiran kontrak berkaitan perolehan yang ditetapkan. Aspek ketidakpatuhan MPK terhadap pentadbiran kontrak adalah seperti dokumen perjanjian lewat ditandatangani, kontrak formal tidak disediakan, spesifikasi perolehan kerja tidak diperincikan dan Arahan Perubahan Kerja melebihi had yang ditetapkan.

- Tahap pematuhan peraturan kewangan/syarat kontrak yang ditetapkan perlu ditambah baik kerana masih terdapat 28.7% perolehan kerja bernilai RM1.51 juta dibuat tanpa kelulusan/kelulusan lewat diperolehi dan pesanan tempatan/inden kerja bagi 162 (48.9%) perolehan bernilai RM3.21 juta dikeluarkan selepas barangan/perkhidmatan diterima/dilaksana.

3.4.1. Pematuhan Proses Pelantikan Kontraktor/Pembekal

3.4.1.1. Setiap agensi hendaklah memastikan kontraktor/pembekal dilantik mengikut peraturan kaedah perolehan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 279 daripada 414 perolehan tidak mematuhi tatacara pelantikan kontraktor/pembekal. Nilai perolehan terlibat berjumlah RM22.71 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3** manakala ketidakpatuhan diterangkan dalam perenggan berikut.

Jadual 3.3
Ringkasan Ketidakpatuhan Proses Pelantikan Kontraktor/Pembekal
Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan September 2015

Bil.	Kaedah Perolehan	Sampel Yang Diaudit		Ketidakpatuhan		
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	Butiran Perolehan
1	Tender	22	19.18	14	11.89	Perkhidmatan Kerja Pembersihan Kawasan Dan Kutipan Sampah
2	Sebut Harga	45	5.64	16	5.50	
3	Rundingan Terus	16	4.52	-	-	-
4	Pembelian Terus	331	7.92	249	5.32	Pelbagai Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan
Jumlah		414	37.26	279	22.71	
Peratus Ketidakpatuhan				67.4%	61.0%	

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4.1.2. Perkhidmatan Kerja Pembersihan Kawasan Dan Kutipan Sampah

- a. Sebanyak 11 kerja pembersihan kawasan dengan nilai kontrak berjumlah RM4.19 juta telah tamat tempoh kontrak pada bulan September 2014 dan Januari 2015 namun berikutan kegagalan MPK untuk merancang dan melaksanakan perolehan sebut harga dan tender, lanjutan masa sebanyak 2 kali dengan tempoh antara 7 hingga 9 bulan telah diluluskan sebelum perolehan baru bagi kontrak pembersihan kawasan dilaksanakan. Ini bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 201.1(a)(3) yang menetapkan pelanjutan tempoh kontrak hanya diberi sekali sahaja dan tempoh maksimum adalah sehingga 2 tahun. Ringkasan butiran ketidakpatuhan adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Perancangan Perolehan Kontrak Baru Bagi Kerja Pembersihan Kawasan
Yang Tamat Tempoh Tidak Dilaksanakan

Bil.	Zon	Bil. Perolehan	Nilai Perolehan (RM Juta)	Lanjutan		Tarikh Lantikan Perolehan Baru	Jenis Perolehan
				(Bil.)	Tempoh (Bulan)		
1	Klang Selatan	7	0.23	2	9	Julai 2015	Sebut Harga
			0.43				Sebut Harga
			0.38				Sebut Harga
			0.34				Sebut Harga
			0.41				Sebut Harga
			0.41				Sebut Harga
2	Pelabuhan Klang/ Pandamaran	2	0.54	2	9	Julai 2015	Tender
			0.26				Sebut Harga
3	Klang Utara	2	0.31	2	7	September 2015	Sebut Harga
			0.47				
Jumlah		11	4.19				

Sumber: MPK

- b. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati tiada peraturan dan ketetapan berhubung prosedur serta tempoh masa bagi memulakan proses perolehan yang baru yang perlu diambil tindakan oleh Jabatan/Bahagian terlibat di MPK sebelum sesuatu kontrak kerja/perkhidmatan tamat. Kegagalan MPK memantau serta merancang pelaksanaan perolehan kontrak kerja/perkhidmatan yang tamat tempoh menyebabkan lanjutan masa terpaksa dibuat.
- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 18 Februari 2016, MPK menjelaskan kelewatan pelaksanaan proses perolehan semula kontrak pembersihan kawasan adalah berikutan perancangan penyelarasan dan penyeragaman skop dan inventori kerja yang bertindih. MPK juga telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan menetapkan peraturan dalaman yang mana proses sebut harga dan tender baru perlu dilaksanakan 3 bulan sebelum kontrak semasa tamat.**
- d. Selain itu, semakan Audit mendapati MPK telah mengambil tindakan menamatkan perkhidmatan kontraktor terhadap 13 kerja perkhidmatan pembersihan kawasan dan 6 kerja kutipan sampah antara bulan Januari 2014 hingga Mac 2015 sebelum tempoh asal kontrak berakhir. Antara sebab penamatan perkhidmatan kontraktor dibuat adalah berikutan prestasi kerja tidak memuaskan dan kontraktor menarik diri. Bagaimanapun, lantikan kontraktor baru bagi melaksanakan kerja pembersihan kawasan dan kutipan sampah telah dibuat secara pembelian terus walaupun baki nilai kontrak berjumlah RM13.20 juta memerlukan perolehan secara tender atau sebut harga dibuat. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5. Berdasarkan maklum balas MPK bertarikh 18 Februari 2016, pelantikan kontraktor baru bagi kerja pembersihan kawasan telah dibuat selepas proses perolehan yang teratur dilaksanakan pada bulan Julai 2015 dan September 2015. Manakala bagi kerja kutipan sampah, proses perolehan ditangguhkan susulan Kerajaan Negeri**

dalam proses menambah baik sistem kerja ini. Pihak Audit berpendapat Kerajaan Negeri hendaklah memuktamadkan proses pelantikan kontraktor penyelaras kutipan sampah dengan segera supaya dapat mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Jadual 3.5
Perolehan Kontrak Kerja Pembersihan Kawasan Dan Kutipan Sampah Ditamatkan Dan Diganti Secara Pembelian Terus

Bil.	Zon	Bil. Perolehan	Tempoh Kontrak Asal	Tarikh Penamatan Kontrak Asal	Baki Nilai Kontrak Semasa Penamatan (RM Juta)	Kaedah Perolehan Sepatutnya	
Pembersihan Kawasan							
1	Klang Selatan	4	1.3.2014 Hingga 28.2.2017	1.3.2014	1.77	Tender	
				31.3.2015	1.07	Tender	
				31.3.2015	1.18	Tender	
				30.6.2014	0.65	Tender	
2	Pelabuhan Klang/ Pandamaran	5		31.8.2014	0.59	Tender	
				30.6.2014	0.63	Tender	
				31.3.2014	0.89	Tender	
				28.2.2015	0.49	Sebut Harga	
3	Klang Utara	3		28.2.2015	31.3.2015	0.77	Tender
					0.62	Tender	
4	Kapar/Meru	1		16.12.2014	0.77	Tender	
					0.78	Tender	
Jumlah		13			11.21		
Kutipan Sampah							
5	Klang Selatan	2	1.3.2012 Hingga 28.2.2015	31.7.2014	0.28	Sebut Harga	
			1.3.2012 Hingga 28.2.2015	31.1.2014	0.29	Sebut Harga	
6	Kapar/Meru	1	1.3.2012 Hingga 28.2.2015	31.1.2014	0.63	Tender	
7	Pelabuhan Klang/ Pandamaran	3	1.3.2012 Hingga 28.2.2015	28.2.2014	0.26	Sebut Harga	
			1.3.2012 Hingga 28.2.2015	1.4.2014	0.22	Sebut Harga	
			1.10.2012 Hingga 30.9.2015	8.1.2014	0.31	Sebut Harga	
Jumlah		6			1.99		
Jumlah Keseluruhan		19			13.20		

Sumber: MPK

3.4.1.3. Pecah Kecil Pelbagai Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014 telah mentafsirkan setiap jenis item sebagai sesuatu barang/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Selain itu, agensi perlu merancang perolehan tahunan dan memastikan pembelian terus yang melebihi nilai had tidak dipecahkecil untuk mengelak sebut

harga atau tender. Berdasarkan pekeling yang berkuat kuasa, perolehan bekalan dan perkhidmatan di bawah nilai RM20,000 hendaklah dibuat secara pembelian terus manakala melebihi RM20,000 hingga RM500,000 secara sebut harga. Bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melebihi RM500,000 hendaklah dibuat secara tender.

- b. Semakan Audit mendapati 8 jenis perolehan berjumlah RM5.32 juta melibatkan 249 pesanan tempatan/inden kerja yang dibuat pada tahun 2013 hingga 2015 tidak dilaksanakan secara sebut harga atau tender walaupun jumlah nilai perolehan secara pembelian terus telah melebihi had yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Perolehan Yang Sepatutnya Secara Sebut Harga/Tender
Tetapi Dilaksanakan Secara Pembelian Terus

Bil.	Perihal	Bil. Syarikat	Tahun Perolehan	Amaun (RM)	Bil. Pesanan Tempatan/ Inden Kerja	Kaedah Perolehan Sepatutnya
Bekalan						
1	<i>Premix, Tack Coat, Coldmix, Coldpalve, Crusher Run</i>	5	2014	731,496	13	Tender
			2015	314,060	8	Sebut Harga
2	Hiasan Lampu	3	2014	160,503	6	Sebut Harga
Jumlah		8		1,206,059	27	
Perkhidmatan						
3	Penyewaan Lori <i>Armroll</i>	1	2013	76,800	4	Sebut Harga
4	Penyewaan Lori Kompaktor	4	2013	720,000	31	Tender
		4	2014	899,000	26*	Tender
		1	2015	288,000	6*	Sebut Harga
5	Penyewaan Lori 3 Tan	2	2013	40,000	4*	Sebut Harga
			2014	240,000	24*	Sebut Harga
			2015	120,000	12*	Sebut Harga
6	Penyewaan JCB <i>Excavator</i>	2	2013	140,700	14	Sebut Harga
		1	2014	69,300	6	Sebut Harga
7	Pembersihan Kawasan	3	2013	395,900	26*	Sebut Harga
		3	2014	338,574	27*	Sebut Harga
		2	2015	151,716	12*	Sebut Harga
8	Kutipan Sampah	2	2013	182,000	11	Sebut Harga
		1	2014	264,000	11*	Sebut Harga
		1	2015	192,000	8*	Sebut Harga
Jumlah		27		4,117,990	222	
Jumlah Keseluruhan		35		5,324,049	249	

Sumber: MPK

Nota: * - Sebahagian daripada bilangan inden kerja adalah berdasarkan Laporan Senarai Kontraktor (Pembersihan Kawasan Dan Kutipan Sampah) Bagi Kawasan Baru

- c. Antara sebab berlakunya pecah kecil bagi perolehan di atas berikutan keperluan mendesak terhadap bekalan dan perkhidmatan terlibat. Bagaimanapun, **pihak Audit berpendapat memandangkan tempoh perolehan secara pembelian terus yang tidak mematuhi peraturan adalah panjang dan berterusan, MPK mempunyai**

tempoh masa yang cukup untuk mematuhi peraturan dengan melaksanakan perolehan secara sebut harga dan tender seperti yang ditetapkan.

- d. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 18 Februari 2016, MPK menjelaskan perkara berikut:**
- i. **Perolehan satu daripada 5 pembekal *premix, tack coat coldmix, coldpalve* dan *crusher run* bagi tahun 2014 dilaksanakan susulan keputusan Yang Dipertua MPK selaku Pegawai Pengawal bagi tujuan pembekalan yang lebih cepat dan murah. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada bukti yang menyokong keputusan tersebut. Oleh itu, perolehan secara pembelian terus yang dibuat tidak menepati peraturan yang ditetapkan.**
 - ii. **Tindakan penambahbaikan telah diambil dengan melaksanakan perancangan perolehan pembekalan kontrak secara tahunan dengan mengiklankan tawaran kerja pembekalan *premix, tack coat, cold mix* dan kerja penyenggaraan lampu awam pada akhir tahun 2015.**

Pada pendapat Audit, pematuhan proses pelantikan kontraktor/pembekal adalah kurang memuaskan kerana 67.4% daripada 414 perolehan yang diaudit tidak mematuhi tatacara yang ditetapkan. Nilai perolehan yang terlibat adalah 61% daripada RM37.26 juta. MPK hendaklah memastikan kontraktor/pembekal dilantik mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

3.4.2. Tempoh Penyempurnaan Perolehan

3.4.2.1. Setiap perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan hendaklah dibekalkan/disiapkan oleh pembekal/kontraktor mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dalam inden kerja/kontrak asal/lanjutan masa yang diluluskan (EOT). Pembekal/kontraktor yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik hendaklah ditamatkan perkhidmatan dan di mana sesuai, Ganti Rugi Yang Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) perlu dikenakan.

3.4.2.2. Semakan Audit mendapati sebanyak 48 (11.6%) daripada 414 perolehan bernilai RM2.05 juta tidak disiapkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dalam inden kerja/kontrak asal/EOT. Ketidapatuhan ini melibatkan satu perolehan secara tender dan 2 perolehan secara sebut harga serta 45 perolehan secara pembelian terus. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.7** dan diterangkan dalam perenggan berikut:

Jadual 3.7
Ringkasan Ketidakpatuhan Pencapaian Fizikal Tempoh Penyempurnaan Perolehan
Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan September 2015

Bil.	Kaedah Perolehan	Sampel Yang Diaudit		Ketidakpatuhan		
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	Tajuk Perolehan
1	Tender	22	19.18	1	0.76	Kerja Membaharui Muka Jalan Di Sebahagian Taman Chi Liung Dan Sekitarnya
2	Sebut Harga	45	5.64	1	0.30	Kerja Menurap Semula Jalan Di Taman Rumah Murah, Jalan Telok Gadong 1, Lorong Telok Gadong 1,2,3 Dan Kawasan Sekitarnya
3				1	0.35	Kerja Menaik Taraf Parit Tanah Ke Longkang Konkrit Jenis U Di Jalan Bakti, Sungai Pinang, Klang
4	Rundingan Terus	16	4.52	-	-	-
5	Pembelian Terus	331	7.92	45	0.64	Pelbagai Perolehan Kerja Dan Perkhidmatan
Jumlah		414	37.26	48	2.05	
Peratus Ketidakpatuhan				11.6%	5.5%	

Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Projek Lewat Siap Dan LAD Tidak Dikenakan

Semakan Audit mendapati satu tender dan satu sebut harga bernilai RM1.05 juta telah lewat disiapkan dengan tempoh kelewatan masing-masing 20 dan 10 hari tanpa EOT. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.8**. Kedua-dua kerja ini telah diperakui siap melalui Surat Perakuan Siap Kerja masing-masing bertarikh 19 Mei dan 23 September 2014 oleh bekas Pengarah Kejuruteraan selaku Pegawai Penguasa tanpa mengenakan LAD berjumlah RM6,000.

Jadual 3.8
Butiran Perolehan Yang Gagal Dikenakan LAD Oleh MPK Setakat Bulan September 2015

Butiran Projek/ No. Fail	Amaun Kontrak (RM)	Tarikh Projek		Tarikh Siap Sebenar	Kelewatan (Hari)	Kadar LAD/ Hari (RM)	Jumlah LAD Yang Tidak Dicaaj (RM)
		Mula	Sepatut Siap				
Kerja Membaharui Muka Jalan Di Sebahagian Taman Chi Liung Dan Sekitarnya (MPK/JK/PR 178/2012)	755,400	13.2.2013	13.3.2013	3.4.2013	20	200	4,000
Kerja Menurap Semula Jalan Di Taman Rumah Murah, Jalan Telok Gadong 1, Lorong Telok Gadong 1,2,3 Dan Kawasan Sekitarnya (MPK/JK/PR 114/2013)	296,389	30.1.2014	26.2.2014	8.3.2014	10	200	2,000
Jumlah	1,051,789						6,000

Sumber: MPK Dan Jabatan Audit Negara

b. Kerja Inden Lewat Disiapkan

- i. Sebanyak 45 kontraktor lewat menyiapkan 45 kerja secara inden bernilai RM638,563 berbanding tempoh siap yang ditetapkan seperti di **Jadual 3.9**. Bagaimanapun, ganti rugi tidak dikenakan ke atas kelewatan menyiapkan kerja

tersebut dan bayaran penuh telah dibuat tanpa sebarang potongan. MPK juga tidak mengeluarkan sebarang surat amaran dan peringatan berhubung kelewatan penyiapan kerja kepada syarikat yang terlibat.

Jadual 3.9
Tempoh Kelewatan Penyiapan Inden Kerja Oleh Kontraktor

Tempoh Kelewatan (Hari)	Bil. Inden Kerja	Jumlah (RM)
9 – 30	9	128,521
31 – 60	23	170,462
61 – 90	6	177,100
91 Ke Atas	2	74,900
Tidak Dapat Ditetapkan	5	87,580
Jumlah	45	638,563

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Pihak Audit juga mendapati borang inden kerja tidak diisi dengan lengkap dan sempurna kerana maklumat seperti tarikh sepatut siap kerja, tarikh pengesahan kerja yang telah disiapkan dengan sempurna dan tarikh inden dikembalikan tidak dilengkapi oleh MPK. Kegagalan MPK untuk melengkapi butiran yang diperlukan pada inden kerja menyebabkan kesempurnaan tempoh pelaksanaan dan penyiapan kerja dan perkhidmatan yang diterima tidak dapat dipastikan. Selain itu, tindakan sewajarnya seperti denda/potongan bayaran dan amaran tidak dapat diambil terhadap syarikat yang gagal melaksanakan kerja/perkhidmatan mengikut tempoh ditetapkan.
- iii. **Berdasarkan maklum balas MPK bertarikh 18 Februari 2016, tindakan penambahbaikan telah diambil dengan menyediakan Borang Perakuan Siap Kerja yang perlu dikepulkan bersama gambar kerja siap sebelum bayaran dibuat. Selain itu, tindakan penamatan perkhidmatan akan diambil segera dan menyenarai hitam kontraktor melalui surat pemakluman kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Pusat Khidmat Kontraktor.**

3.4.2.3. Projek Yang Tertanggung Berulang Kali

- a. Pada bulan Julai 2014, MPK telah menerima geran berjumlah RM1.70 juta daripada Kerajaan Negeri antaranya bagi melaksanakan Kerja Menaik Taraf Parit Tanah Ke Longkang Konkrit Jenis U Di Jalan Bakti, Sungai Pinang, Klang Utara yang mana anggaran kos projek berjumlah RM168,730. Pemeriksaan fizikal di tapak projek oleh pihak Audit pada 7 Disember 2015 mendapati tiada sebarang kerja dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik sungguhpun 17 bulan telah berlalu selepas geran diterima. **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2** adalah berkaitan.

Gambar 3.1
Parit Tanah Yang Masih Belum Dinaik Taraf Kepada Longkang Konkrit



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Bakti, Sungai Pinang, Klang
 Tarikh: 7 Disember 2015

Gambar 3.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Bakti, Sungai Pinang, Klang
 Tarikh: 7 Disember 2015

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati 3 daripada 4 kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan projek ini telah menarik diri kerana harga yang ditawarkan adalah rendah/kesilapan pengiraan dokumen sebut harga seperti diringkaskan di **Jadual 3.10**. Bagi kontraktor keempat pula, MPK telah mengeluarkan 2 surat amaran masing-masing pada bulan November 2015 dan Disember 2015 berikutan kegagalan syarikat untuk memulakan kerja di tapak.

Jadual 3.10
Ringkasan Pelantikan Dan Penamatan Kontraktor
Bagi Kerja Menaik Taraf Parit Tanah Ke Longkang Konkrit Jenis U
Di Jalan Bakti, Sungai Pinang, Klang Utara

Bil.	Keputusan Lantikan Kontraktor	Amaun Kontrak (RM)	Tempoh Lantikan	Tarikh Penarikan Diri	Sebab Penarikan Diri
1	Mesyuarat Sebut Harga Bil. 15/2014	169,000	5.9.2014 Hingga 31.10.2014	25.9.2014	Harga tawaran kontrak adalah rendah
2		169,000	26.9.2014 Hingga 21.11.2014	1.10.2014	Harga tawaran kontrak adalah rendah
3	Mesyuarat Sebut Harga Bil. 21/2014	147,320	16.12.2014 Hingga 16.2.2015	20.1.2015	Kesilapan syarikat dalam pengiraan dokumen sebut harga
4	Mesyuarat Sebut Harga Bil. 17/2015	350,950	16.10.2015 Hingga 30.12.2015	Tidak Berkaitan	

Sumber: MPK

- c. Kelemahan dalam menetapkan nilai harga kontrak telah menyebabkan projek gagal dilaksanakan dan masih belum dapat dimanfaatkan untuk kepentingan awam di kawasan berkenaan. Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) di kawasan terbabit turut mengemukakan surat aduan kepada MPK berhubung projek yang tertangguh dan masalah banjir kilat selepas hujan lebat di kawasan terbabit.

- d. Berdasarkan maklum balas bertarikh 24 Februari 2016, MPK memaklumkan kontraktor telah mula melaksanakan kerja di tapak pada 16 Disember 2015. Sehingga 10 Februari 2016, tahap kemajuan kerja adalah 98% siap dan kerja dijangka selesai sepenuhnya pada 29 Februari 2016. LAD akan dikenakan kepada kontraktor berdasarkan bilangan hari kelewatan penyediaan kerja.

Pada pendapat Audit, tempoh penyempurnaan perolehan adalah memuaskan kerana 366 (88.4%) daripada 414 perolehan yang diaudit dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dalam kontrak. Bagaimanapun, 11.6% perolehan melibatkan nilai berjumlah RM2.05 juta lewat disiapkan. MPK perlu memastikan setiap perolehan yang dilaksanakan oleh kontraktor/pembekal siap mengikut tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan objektif perolehan tercapai.

3.4.3. Pematuhan Spesifikasi

3.4.3.1. Bekalan/kerja/perkhidmatan yang telah diterima/disempurnakan hendaklah mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak dan berkualiti supaya perbelanjaan yang dibuat memperoleh *value for money*. Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan Audit bagi memastikan tahap pematuhan spesifikasi terhadap 41 sampel perolehan terpilih. Hasil pemeriksaan mendapati 37 (90.2%) perolehan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan manakala sebanyak 4 (9.8%) perolehan bernilai RM3 juta yang telah dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti di **Jadual 3.11** dan keterangan lanjut dijelaskan dalam perenggan berikut.

Jadual 3.11
Ringkasan Ketidakpatuhan Spesifikasi Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan September 2015

Bil.	Kaedah Perolehan	Sampel Yang Diaudit		Ketidakpatuhan		
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	Nilai Projek (RM Juta)	Tajuk Perolehan
1	Tender	7	6.17	1	1.05	Pembersihan kawasan bagi seluruh Pekan Meru sebelah kiri termasuk Taman Berkat, Taman Meru Sejahtera, Taman Meru Jaya 3, Taman Dato' Bandar, Taman Meru Selatan, Taman Meru Aman, Taman Mulia, Taman Meru Makmur, Taman Desa Meru Indah, Taman Meru 4, Taman Meru Indah, Kawasan Industri Meru Indah dan sekitarnya
2				1	1.20	Pembersihan kawasan bagi seluruh Jalan Sungai Udang, Kampung Delek, Kampung Sungai Sireh Tambahan, Taman Udang Kara Indah, Taman Udang Kertas, Taman Udang Kuning, Taman Udang Putih, Taman Impian Delek, Taman Melor, Taman De' Tropika, Taman Dahlia, Taman Seri Delek, Taman Delek Indah, Taman Sungai Sireh, Taman Firdaus, Kawasan Kedai/Industri Kecil Sederhana (IKS) dan sekitarnya
3	Sebut Harga	11	1.00	1	0.37	Pembersihan kawasan bagi seluruh Perumahan Dan Kawasan Perniagaan Di Jalan Kapar Dan Jalan Meru, Taman Timur Selatan Dan Taman Klang
4				1	0.38	Pembersihan kawasan bagi seluruh Perumahan Dan Rumah Kedai Di Taman Bunga Melor Dan Jalan Meru
5	Rundingan Terus	3	0.33	-	-	-
6	Pembelian Terus	20	0.05	-	-	-
Jumlah		41	7.55	4	3.00	
Peratus Ketidakpatuhan				9.8%	39.7%	

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4.3.2. MPK telah melantik 4 kontraktor bagi melaksanakan kerja pembersihan di kawasan perumahan dan rumah kedai melibatkan pemotongan rumput, pembersihan longkang konkrit, kerja menyapu jalan dan pembersihan sampah longgok/kebun/pukal. Bagi kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang konkrit, MPK menetapkan kekerapan 2 kali sebulan manakala bagi kerja menyapu jalan kekerapan adalah setiap hari. Bagi kerja pembersihan sampah longgok/kebun/pukal kekerapan ditetapkan 3 kali seminggu. Semakan Audit mendapati pelaksanaan kerja oleh kontraktor terlibat tidak mematuhi jadual kekerapan yang ditetapkan dan kontraktor tidak melaksanakan kerja pembersihan longkang dan pembersihan sampah longgok/kebun/pukal dengan memuaskan berdasarkan keadaan longkang dan kawasan sekitar semasa pemeriksaan Audit dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.12** dan **Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.8** adalah berkaitan.

Jadual 3.12
Kontraktor Pembersihan Awam Tidak Melaksanakan Kerja Dengan Memuaskan

Bil.	No. Fail	Nilai Kontrak (RM)	Kawasan	Bayaran Bulanan (RM)
1	MPK/JPP/P K/KM-10/14	1,046,244	Seluruh Pekan Meru sebelah kiri termasuk Taman Berkat, Taman Meru Sejahtera, Taman Meru Jaya 3, Taman Dato' Bandar, Taman Meru Selatan, Taman Meru Aman, Taman Mulia, Taman Meru Makmur, Taman Desa Meru Indah, Taman Meru 4, Taman Meru Indah, Kawasan Industri Meru Indah dan sekitarnya	29,062
2	MPK/JPP/P K/KS-20/14	1,207,827	Pembersihan kawasan bagi seluruh Jalan Sungai Udang, Kampung Delek, Kampung Sungai Sireh Tambahan, Taman Udang Kara Indah, Taman Udang Kertas, Taman Udang Kuning, Taman Udang Putih, Taman Impian Delek, Taman Melor, Taman De' Tropika, Taman Dahlia, Taman Seri Delek, Taman Delek Indah, Taman Sungai Sireh, Taman Firdaus, Kawasan Kedai/IKS dan sekitarnya	33,551
3	MPK 700 - 2/1/94(KU)	372,600	Seluruh Perumahan Dan Kawasan Perniagaan Di Jalan Kapar Dan Jalan Meru, Taman Timur Selatan Dan Taman Klang	15,525
4	MPK 700 – 2/1/93(KU)	382,020	Seluruh Perumahan Dan Rumah Kedai Di Taman Bunga Melor Dan Jalan Meru	15,918
Jumlah		3,008,691		94,056

Sumber: MPK

Gambar 3.3
Longkang Tersumbat Dan
Dipenuhi Sampah Sarap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bunga Melor, Klang
Tarikh: 10 Disember 2015

Gambar 3.4
Longkang Ditumbuhi Rumput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Delek Kiri, Klang
Tarikh: 10 Disember 2015

Gambar 3.5
Longkang Tidak Dibersihkan Dan
Dipenuhi Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lebuah Pulau Pinang, Klang
Tarikh: 10 Disember 2015

Gambar 3.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lebuah Pulau Pinang, Klang
Tarikh: 10 Disember 2015

Gambar 3.7
Sampah Longgok Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bunga Melor, Klang
Tarikh: 10 Disember 2015

Gambar 3.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lebuah Pulau Pinang, Klang
Tarikh: 10 Disember 2015

3.4.3.3. Perkara di atas berlaku disebabkan kelemahan aspek pemantauan terhadap pelaksanaan kerja pembersihan awam yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik MPK dalam mematuhi spesifikasi perkhidmatan yang telah dipersetujui. Kelemahan ini akan menjejaskan mutu perkhidmatan MPK kepada orang awam dan imej MPK secara tidak langsung. Selain itu, ketidakpatuhan kontraktor menjalankan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan akan menyebabkan kerugian kepada MPK sekiranya potongan bayaran tidak dikenakan kepada kontraktor terlibat.

3.4.3.4. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 18 Februari 2016, MPK telah mengambil tindakan pemotongan bayaran dan denda berjumlah RM5,469 terhadap 4 kontraktor terlibat pada bulan Januari 2016 selepas teguran pihak Audit.**

Pada pendapat Audit, pematuan spesifikasi adalah memuaskan berikutan 90.2% daripada 41 perolehan bekalan dan kerja yang disemak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan, namun masih terdapat 4 (9.8%) perolehan bernilai RM3 juta tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

3.4.4. Pentadbiran Kontrak

3.4.4.1. Pentadbiran kontrak memainkan peranan yang penting dalam perolehan Kerajaan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. Semakan Audit mendapati sebanyak 82 (19.8%) daripada 414 perolehan bernilai RM5.46 juta yang disemak mempunyai beberapa kelemahan berhubung pentadbiran kontrak seperti yang diringkaskan di **Jadual 3.13** dan dijelaskan dalam perenggan berikut.

Jadual 3.13
Analisis Isu Ketidakpatuhan Terhadap Pentadbiran Kontrak

Bil.	Butiran Ketidakpatuhan	Bil. Perolehan	Amaun (RM)
1	Perjanjian lewat ditandatangani	9	3,567,439
2	Kontrak formal tidak disediakan	7	Tiada Maklumat
3	Spesifikasi kerja tidak diperincikan	65	839,716
4	Arahan perubahan kerja melebihi had yang sepatutnya	1	1,048,542
Jumlah		82	5,455,697

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4.4.2. Perjanjian Tidak Ditandatangani Dalam Tempoh 4 Bulan Dari Tarikh Surat Setuju Terima Dikeluarkan

Sebanyak 9 dokumen dengan nilai perolehan berjumlah RM3.57 juta telah lewat ditandatangani iaitu melebihi 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Tempoh kelewatan antara 2 hingga 24 bulan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 18 Februari 2016, MPK telah mengadakan sesi menandatangani perjanjian kontrak selepas SST dikeluarkan supaya risiko kontraktor tidak menandatangani perjanjian dapat dielakkan.**

3.4.4.3. Kontrak Formal Tidak Disediakan

- a. MPK telah melantik 4 kontraktor untuk pembekalan *premix* dan satu kontraktor untuk pembekalan *tack coat* dan *coldmix* bagi tahun 2012 hingga 2013. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kontrak formal tidak disediakan bagi 5 kontrak tersebut. Selain itu, kontrak formal juga tidak disediakan bagi 2 perolehan pembekalan tanah merah dan pasir bagi tahun 2012 hingga 2014. Pihak Audit mendapati MPK hanya menyediakan Surat Setuju Terima bagi perolehan tersebut. Ini bertentangan dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 176.1(a) dan 176.1(b) yang menetapkan kontrak formal perlu disempurnakan selepas SST ditandatangani. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.14**.

Jadual 3.14
Kontrak Formal Tidak Disediakan

Bil.	Butiran Perolehan	Kawasan	Tempoh Lantikan
1	Pembekalan <i>Premix</i>	Klang Utara – Zon Kapar, Meru	8.10.2012
2		Klang Selatan - Zon Timur	Hingga
3		Klang Selatan - Zon Barat	7.10.2013
4		Pelabuhan Klang, Pulau Indah, Telok Gong	15.10.2012 Hingga 14.10.2013
5	Pembekalan <i>Tack Coat</i> Dan <i>Cold Mix</i>	Tidak Berkenaan	07.05.2012 Hingga 06.05.2013
6	Pembekalan Tanah Merah/Pasir	Tidak Berkenaan	9.7.2012 Hingga 8.7.2013
7		Tidak Berkenaan	7.10.2013 Hingga 6.10.2014

Sumber: MPK

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati MPK telah membuat lanjutan masa sehingga akhir bulan Februari 2014 bagi 4 kontrak pembekalan *premix* serta satu kontrak pembekalan *tack coat* dan *coldmix*. Permohonan lanjutan masa bagi kontrak ini hanya dibuat masing-masing dalam tempoh 4 dan 9 bulan selepas kontrak asal tamat berikutan pesanan bekalan telah dibuat sehingga bulan Disember 2013 sungguhpun kontrak telah tamat. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 24 Februari 2016, MPK mengambil maklum kelemahan berbangkit dan akan memastikan kontrak formal disempurnakan selepas SST ditandatangani pada masa hadapan.**

3.4.4.4. Spesifikasi Kerja Tidak Diperincikan

Bill Of Quantities (BQ) bagi 65 kerja pembersihan dan kutipan sampah bernilai RM839,716 yang dijalankan secara inden kerja oleh MPK disediakan secara *lump sum* dan tidak memperincikan skop kerja seperti aspek keluasan kawasan, panjang parit/longkang dan bilangan petak tapak pasar yang perlu dilaksanakan. Tanpa maklumat ini, pihak Audit meragui keupayaan MPK untuk mengesahkan kesempurnaan kerja yang

dilaksanakan oleh kontraktor sebelum bayaran dibuat. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.15. Berdasarkan maklum balas bertarikh 18 Februari 2016, MPK mengambil maklum kelemahan berbangkit dan akan memastikan skop, spesifikasi serta kadar harga terperinci diselaraskan semasa melaksanakan perolehan pada masa hadapan.**

Jadual 3.15
Spesifikasi Inden Kerja Tidak Diperincikan

Bil.	Butiran Kerja	Bil. Inden Kerja	Amaun (RM)	Butiran Ketidapatuhan
1	Kutipan sampah di seluruh kawasan Simpang 4, Sg. Udang, Sg. Bertik, Jalan Benteng, Jalan Hassan, kawasan Pusat Perniagaan Sg. Udang, Sg. Bertik, Econmart dan kawasan sekitar	4	56,000	BQ disediakan secara <i>lump sum</i> dan tidak memperincikan keluasan kawasan yang perlu dilaksanakan
2	Kutipan sampah di kawasan Pekan Pandamaran dan Kampung Pandamaran, Pelabuhan Klang	7	126,000	
3	Kutipan sampah di Jalan Gamelan, Jalan Sumazau, Jalan Mak Yong, Pangsapuri Rebana, Bandar Bukit Raja dan Jalan Rodat	8	192,000	
4	Pembersihan parit di Jalan Susur sebelah kiri di Persiaran Raja Muda Musa (dari Simpang Lima hingga ke Pelabuhan Klang)	5	25,000	BQ tidak memperincikan panjang parit/longkang yang perlu dibersihkan kontraktor
5	Pembersihan parit dan longkang di seluruh kawasan Bandar Baru, Taman Sri Andalas, Klang	5	20,000	
6	Pembersihan di 3 lot kawasan padang di Lorong Batu Nilam 3E, Bukit Tinggi, Klang	17	229,500	BQ disediakan secara <i>lump sum</i> dan tidak memperincikan keluasan kawasan yang perlu dilaksanakan
7	Pembersihan kawasan di seluruh Bandar Parklands, Kota Bayu Emas dan sekitarnya	6	91,216	
8	Pembersihan kawasan tapak pasar pagi di Taman Chi Liung dan Taman Petaling Klang	7	70,000	BQ dibuat secara <i>lump sum</i> dan tidak dibuat mengikut keluasan kawasan/bilangan petak tapak pasar yang perlu dibersihkan
9	Pembersihan kawasan tapak pasar pagi di Jalan Papan, Pandamaran (Sabtu dan Ahad)	6	30,000	
Jumlah		65	839,716	

Sumber: MPK Dan Jabatan Audit Negara

3.4.4.5. Arahan Perubahan Kerja Melebihi Had Yang Sepatutnya

- a. Mengikut Arahan Perbendaharaan 202.2, kelulusan terhadap perubahan kerja bagi harga asal kontrak tidak melebihi RM10 juta dan nilai perubahan kerja yang dicadangkan tidak melebihi 10% daripada nilai kontrak adalah terletak di bawah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan dalam kontrak. Manakala bagi perubahan kerja yang melebihi had yang ditetapkan di atas hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

- b. Semakan Audit mendapati perolehan Kerja Menaik Taraf Kolam Dan Parit Konkrit Di Kawasan Taman Berkeley, Klang Utara yang dibuat secara tender tidak mematuhi peraturan berkaitan had perubahan kerja yang ditetapkan. Nilai kontrak asal adalah RM1.05 juta manakala nilai perubahan kerja terlibat adalah berjumlah RM251,458 (24%) daripada kontrak asal yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa projek berikutan penambahan skop kerja tanpa dirujuk untuk kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah memuaskan kecuali bagi 82 (19.8%) perolehan kerja dan perkhidmatan yang tidak mematuhi pentadbiran kontrak berkaitan perolehan. Aspek ketidakpatuhan adalah seperti dokumen perjanjian lewat ditandatangani, kontrak formal tidak disediakan, spesifikasi perolehan kerja tidak diperincikan dan Arahan Perubahan Kerja melebihi had yang ditetapkan.

3.4.5. Pematuhan Syarat Kontrak/Peraturan Kewangan

3.4.5.1. Setiap agensi hendaklah mematuhi syarat kontrak dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap pematuhan syarat kontrak/peraturan kewangan bagi perolehan di MPK mendapati tahap ketidakpatuhan adalah antara 28.7% hingga 48.9% dengan nilai perolehan antara RM1.51 juta hingga RM3.21 juta mengikut jenis ketidakpatuhan. Butiran lanjut mengenai isu yang dibangkitkan adalah seperti di **Jadual 3.16** dan diterangkan dalam perenggan berikut.

Jadual 3.16
Analisis Isu Ketidakpatuhan Syarat Kontrak/Peraturan Kewangan
Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan September 2015

Bil.	Butiran Ketidakpatuhan	Ketidakpatuhan Perolehan Terhadap Syarat Kontrak/Peraturan Kewangan			
		Bil. Perolehan	(%)	(RM Juta)	(%)
1	Pesanan tempatan dikeluarkan selepas barangan/perkhidmatan diterima/dilaksanakan	162	48.9	3.21	40.5
2	Perolehan kerja dibuat tanpa kelulusan/kelulusan lewat diperoleh	95	28.7	1.51	19.1

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4.5.2. Pesanan Tempatan Dikeluarkan Selepas Barangan/Perkhidmatan Diterima/Dilaksanakan

Arahan Perbendaharaan 176.1(b) menetapkan pesanan tempatan/inden kerja hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum barang dibeli atau perkhidmatan dilaksanakan. Semakan Audit mendapati 162 (48.9%) daripada 331 Pesanan Kerajaan MPK yang disemak telah dikeluarkan antara 3 hingga 457 hari selepas bekalan/perkhidmatan diterima/dilaksana. Butiran adalah seperti di **Jadual 3.17**. Antara sebab ketidakpatuhan ini berlaku adalah berikutan keperluan segera terhadap bekalan dan perkhidmatan terlibat. Bagaimanapun, **pihak Audit berpendapat berikutan tempoh ketidakpatuhan MPK**

terhadap peraturan yang ditetapkan adalah panjang dan berterusan, MPK perlu mengambil tindakan bagi memastikan peraturan berkaitan dipatuhi. **Semasa Exit Conference pada 22 Februari 2016, MPK memaklumkan tindakan penambahbaikan telah diambil yang mana Bahagian Ukur Bahan dipertanggungjawabkan menyelaraskan proses penyediaan pesanan tempatan/inden kerja.**

Jadual 3.17
Tempoh Kelewatan Pesanan Tempatan Dikeluarkan

Tempoh Kelewatan (Hari)	Bil. Pesanan Tempatan/Inden Kerja	Jumlah (RM Juta)
3 - 100	28	0.74
101 - 200	65	1.34
201 - 300	39	0.64
301 - 400	25	0.40
401 Ke Atas	5	0.09
Jumlah	162	3.21

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4.5.3. Perolehan Kerja Dibuat Tanpa Kelulusan/Kelulusan Lewat Diperoleh

Berdasarkan Borang Kelulusan Pelaksanaan Kerja/Obligasi Di Bawah Kuasa Yang Di Pertua/Setiausaha/Ketua Jabatan yang dikepikan bersama inden kerja terlibat, semakan Audit mendapati 95 inden kerja bagi perolehan perkhidmatan pembersihan kawasan, kutipan sampah dan penyewaan jentera bernilai RM1.51 juta telah dibuat antara tempoh 8 hingga 201 hari ke atas sebelum kelulusan Yang DiPertua/Setiausaha diterima. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.18. Berdasarkan maklum balas bertariikh 18 Februari 2016, MPK akan memastikan setiap kerja mendapat kelulusan terlebih dahulu selari dengan arahan inden kerja kepada kontraktor bagi mengelakkan perkara yang sama berulang.**

Jadual 3.18
Perolehan Inden Kerja Yang Dibuat Sebelum Kelulusan Yang Dipertua/Setiausaha

Tempoh Kelulusan Yang Diterima Selepas Tarikh Mula Kerja (Hari)	Bil. Inden Kerja	Amaun (RM Juta)
8 - 50	8	0.10
51 - 100	30	0.56
101 - 150	20	0.32
151 - 200	12	0.16
201 Ke Atas	25	0.37
Jumlah	95	1.51

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, pematuhan syarat kontrak/peraturan kewangan yang ditetapkan adalah memuaskan. Bagaimanapun, tahap pematuhan MPK masih perlu ditambah baik kerana terdapat 28.7% perolehan kerja bernilai RM1.51 juta dibuat tanpa

kelulusan/kelulusan lewat diperoleh dan pesanan tempatan/inden kerja bagi 162 (48.9%) perolehan bernilai RM3.21 juta dikeluarkan selepas barangan/perkhidmatan diterima/dilaksanakan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, pihak Audit mengesyorkan Majlis Perbandaran Klang mengambil tindakan berikut:

3.5.1. Memastikan kontraktor/pembekal dilantik mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

3.5.2. Meningkatkan pemantauan ke atas pelaksanaan perolehan bekalan/kerja/perkhidmatan dan memastikan bekalan diterima dan kerja/perkhidmatan disiapkan mengikut tempoh. Tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap kontraktor/pembekal yang tidak mematuhi syarat ditetapkan.

3.5.3. Memastikan spesifikasi perolehan dibuat secara terperinci supaya kontraktor/pembekal dapat melaksanakannya mengikut ketetapan serta memastikan setiap perolehan yang dilaksanakan mematuhi peraturan kewangan dan syarat kontrak supaya kepentingan Kerajaan terjamin.

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

4. PENGURUSAN PERUMAHAN KUOTA BUMIPUTERA

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Berdasarkan Teras 4 Pelan Tindakan Dasar Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, antara langkah yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah adalah penetapan perumahan kuota Bumiputera dalam pemilikan kediaman. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) serta Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mewujudkan kuota perumahan Bumiputera antara 30% hingga 80% melalui Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007 yang dikeluarkan pada 30 Mei 2007 dan *Blue Print* Perumahan Negeri Selangor Darul Ehsan (2004-2014) [*Blue Print*] sebagai garis panduan dan penambahbaikan pelaksanaan dasar sedia ada. Di Negeri Selangor, Bumiputera ditafsirkan sebagai orang Melayu di bawah perkara 160A(2); Anak Negeri Sarawak di bawah Perkara 160A(6)(a) dan 161A(7); Anak Negeri Sabah di bawah Perkara 161A(6)(b) serta Orang Asli Semenanjung Malaysia di bawah Perkara 160(2), Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan rekod Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta sehingga suku ketiga tahun 2015, Negeri Selangor mempunyai sebanyak 1.40 juta stok rumah.

4.1.2. Bidang kuasa PTGS dalam melaksanakan dasar ini adalah membuat syor kuota perumahan Bumiputera untuk diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) semasa proses tukar syarat dan pemberimilikan tanah kepada pemaju. Setelah hartanah dijual, pemaju perlu memperoleh kelulusan Kebenaran Pindah Milik Secara Menyeluruh (*Blanket Consent*) daripada YAB Dato' Menteri Besar Selangor supaya hartanah tersebut boleh dipindah milik kepada pembeli. Antara perkara yang diberi perhatian adalah pematuhan syarat kuota perumahan Bumiputera oleh pemaju. Proses pindah milik ini hanya akan diuruskan oleh PTGS bagi hakmilik yang mempunyai sekatan kepentingan yang memerlukan kelulusan kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Manakala LPHS pula bertanggungjawab memberi kelulusan pelepasan perumahan kuota Bumiputera kepada pemaju yang memohon untuk menjual unit rumah kuota Bumiputera kepada Bukan Bumiputera.

4.1.3. Kelulusan pelepasan unit rumah kuota Bumiputera bagi rumah lain-lain kos akan menyebabkan pemulangan potongan harga Bumiputera sebanyak 7% kepada Kerajaan Negeri yang perlu dibayar oleh pemaju kepada LPHS. Bagi unit rumah kuota Bumiputera yang telah dijual kepada Bukan Bumiputera tanpa kelulusan, pemaju perlu membayar denda sebanyak 7% atau 5% masing-masing bagi Rumah Kos Rendah dan rumah lain-lain kos. Kutipan bayaran pemulangan dan denda ini diakaunkan dalam Tabung Pengecualian Syarat

Kuota Bumiputera Dan Sumbangan Pengecualian Pembinaan Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah Dan Kos Sederhana (Tabung Amanah) yang diuruskan oleh LPHS. Sehingga bulan November 2015, baki Tabung Amanah ini berjumlah RM245.48 juta.

4.1.4. Lembaga Pengarah LPHS dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai Timbalan Pengerusi. Lapan ahli lain terdiri daripada 2 orang wakil Kerajaan Negeri, 3 orang wakil Kerajaan Persekutuan, 2 orang wakil pertubuhan profesional dan seorang wakil pemaju perumahan. LPHS diketuai oleh seorang Pengarah Eksekutif. Bahagian yang terlibat dalam pengurusan pelepasan kuota perumahan Bumiputera adalah Bahagian Pembangunan. Bagi PTGS pula, unit yang bertanggungjawab adalah Unit Pembangunan, Unit Pelupusan dan Unit *Blanket Consent* di bawah Bahagian Pembangunan Tanah. Jabatan ini diketuai oleh Pengarah Gred JUSA C.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perumahan kuota Bumiputera telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap pengurusan perumahan kuota Bumiputera bagi tahun 2013 hingga bulan November 2015 di PTGS dan LPHS. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan. Sampel pengauditan terdiri daripada 60 fail permohonan tukar syarat dan pemberimilikan tanah dan 20 fail permohonan Kebenaran Pindah Milik Secara Menyeluruh di PTGS serta 60 fail permohonan pelepasan pelbagai peringkat di LPHS. Selain itu, temu bual dengan pegawai berkaitan dilakukan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Pengauditan juga dijalankan terhadap pengurusan Tabung Amanah yang mana pemulangan potongan harga kuota Bumiputera dan denda pelanggaran syarat MMKN diakaunkan. *Exit Conference* bersama Pengarah Eksekutif LPHS, Timbalan Pengarah (Pendaftaran) PTGS serta pegawai kanan LPHS dan PTGS telah diadakan pada 25 Februari 2016. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh wakil Bahagian Audit Dalam dan Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2015 hingga Januari 2016 mendapati Kerajaan Negeri telah mewujudkan dasar untuk memastikan pemilikan rumah oleh Bumiputera. Bagaimanapun, pencapaian dasar ini tidak dapat diukur kerana Kerajaan Negeri tidak menyelenggara maklumat pemilikan hartanah Bumiputera. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan dasar perumahan kuota Bumiputera dan pelepasan unit rumah kuota Bumiputera yang memerlukan perhatian dan tindakan penambahbaikan seperti diringkaskan di bawah dan diterangkan dalam perenggan berikut:

- Pelan tindakan untuk tadbir urus dan mengawal selia perumahan kuota Bumiputera tidak dilaksanakan kerana *Blue Print* tidak diendors oleh MMKN untuk diguna pakai secara menyeluruh kecuali melibatkan penetapan kadar kuota perumahan Bumiputera. Selain itu, sekatan kepentingan dalam suratan hak milik bagi unit rumah kuota Bumiputera tidak dinyatakan dengan jelas untuk mengawal dan menjamin pengekalan pemilikan.
- Pelepasan unit rumah kuota Bumiputera yang dilaksanakan oleh LPHS tidak mematuhi Pekeliling LPHS Bil. 1 Tahun 2011 mengenai Mekanisme Penyelenggaraan Kuota Bumiputera dan Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007. Antara kelemahan adalah aktiviti promosi dan pemasaran kurang memuaskan; pelepasan tidak mengikut peringkat kemajuan projek; pelepasan diluluskan walaupun unit rumah Bukan Bumiputera belum habis dijual serta pengauditan terhadap permohonan pelepasan tidak dibuat.
- Pemulangan potongan harga Bumiputera dan denda tidak diuruskan dengan memuaskan kerana denda tidak dikutip berjumlah RM73,250; denda dikecualikan tanpa keputusan secara kolektif berjumlah RM2.39 juta; pengiraan bayaran pemulangan potongan harga Bumiputera dan denda tidak dibuat berdasarkan harga jualan; penentuan unit rumah kuota Bumiputera tidak mengikut tarikh perjanjian jual beli serta pelepasan peringkat kedua diluluskan sebelum bayaran pelepasan peringkat pertama dijelaskan sepenuhnya.
- Dana dari Tabung Amanah tidak digunakan untuk kepentingan dasar perumahan kuota Bumiputera. Selain itu, hasil pelaburan tidak diakaunkan dalam Tabung Amanah bagi tujuan yang sama.

4.4.1. Prestasi Pengurusan Perumahan Kuota Bumiputera

4.4.1.1. Mengikut Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007 dan *Blue Print*, kuota Bumiputera untuk bangunan kediaman hendaklah dibuat berdasarkan 2 kategori kos rumah dan 9 daerah (melibatkan 56 kawasan Dewan Undangan Negeri [DUN]). Bagi rumah kos rendah, kuota yang ditetapkan adalah antara 40% hingga 80% manakala bagi rumah lain-lain kos antara 30% hingga 60%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.1**. Pada Bulan Disember 2013, LPHS telah mengeluarkan Pekeliling LPHS Bil. 1 Tahun 2013 (Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor [Rumah Selangorku]) yang berkuat kuasa 1 Januari 2014. Melalui pekeling tersebut, Rumah Kos Rendah serta Rumah Kos Sederhana Rendah/Rumah Kos Sederhana/Rumah Mampu Milik telah dijenamakan sebagai Rumah Selangorku dengan harga antara RM42,000 hingga RM250,000. Pekeliling Rumah Selangorku tidak menetapkan kuota tertentu kepada Bumiputera.

Jadual 4.1
Penetapan Kuota Bumiputera Mengikut Kategori Kos Rumah Dan Daerah

Bil.	Daerah	Bilangan DUN	Kuota Bumiputera (%)			
			Rumah Kos Rendah		Rumah Lain-Lain Kos	
			Kuota Terendah	Kuota Tertinggi	Kuota Terendah	Kuota Tertinggi
1	Gombak	6	40	80	30	60
2	Petaling	14	50	80	30	50
3	Hulu Langat	9	50	70	35	50
4	Klang	9	50	80	30	50
5	Selangor	3	50	70	30	50
6	Kuala Langat	3	50	70	30	50
7	Hulu Selangor	3	50	70	30	50
8	Kuala Selangor	5	40	60	30	40
9	Sabak Bernam	4	40	70	40	60
Jumlah		56	Antara 40% Hingga 80%		Antara 30% Hingga 60%	

Sumber: LPHS

4.4.1.2. Pihak Audit tidak dapat menentukan pencapaian dasar yang telah dilaksanakan kerana Kerajaan Negeri sama ada melalui PTGS atau LPHS tidak mewujudkan sebarang mekanisme untuk mengukur pencapaian dasar tersebut. Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai sektor perumahan khususnya pemilikan perumahan Bumiputera untuk mengukur dan menilai pencapaian dasar perumahan kuota Bumiputera yang telah dilaksanakan.

4.4.1.3. Bagi menentukan sama ada kadar kuota Bumiputera yang ditetapkan telah dipatuhi, semakan Audit telah dilaksanakan terhadap 60 kelulusan permohonan tukar syarat dan pemberimilikan tanah melibatkan pembangunan kawasan kediaman (rumah kos rendah/Rumah Selangorku dan lain-lain kos) yang dibuat pada tahun 2013 hingga 2015. Pengauditan mendapati kadar kuota Bumiputera bagi rumah kos rendah/Rumah Selangorku bagi kesemua 60 kelulusan permohonan telah dipatuhi. Bagaimanapun bagi rumah lain-lain kos, kelulusan untuk 32 (53.3%) daripada 60 permohonan yang dibuat berbeza daripada kadar kuota Bumiputera yang ditetapkan dalam pekeliling iaitu antara kurang 10% hingga melebihi 40%. Meskipun kuota Bumiputera yang diluluskan berbeza daripada kadar yang ditetapkan, namun keputusan tersebut dibuat oleh MMKN yang selaras dengan peruntukan dalam Seksyen 120 Kanun Tanah Negara yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menetapkan syarat mengikut keperluan antaranya bagi menangani ketidakseimbangan kapasiti kaum tertentu di sesebuah kawasan.

4.4.1.4. *Blue Print* telah menetapkan satu pelan tindakan untuk tadbir urus dan mengawal selia perumahan kuota Bumiputera seperti di **Jadual 4.2**. Bagaimanapun, pelan tindakan tersebut tidak dilaksanakan kerana *Blue Print* tidak diendors oleh MMKN untuk diguna pakai secara menyeluruh kecuali melibatkan penetapan kadar kuota perumahan Bumiputera. **Mengikut maklum balas bertariikh 26 Februari 2016, LPHS akan mengkaji semula *Blue Print* supaya relevan dengan pembangunan hartanah semasa untuk tempoh tahun 2018 hingga 2050. Kajian ini dijangka siap pada tahun 2018.**

Jadual 4.2
Pelan Tindakan *Blue Print*

Bil.	Pelan Tindakan
1	Pengenaan sekatan kepentingan ke atas hak milik kekal bagi pengawalan pindah milik dan penetapan kuota.
2	Semua permohonan tukar syarat mesti merujuk kepada lokasi/pelan yang ditetapkan dalam <i>Blue Print</i> .
3	Penentuan kuota Bumiputera berdasarkan unjuran yang telah ditetapkan dalam <i>Blue Print</i> .
4	Penentuan kuota Bumiputera akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan menandakan dalam pelan <i>layout</i> dan bagi bangunan bertingkat akan ditandakan dalam pelan bangunan.
5	LPHS akan menjadi urus setia bagi Jawatankuasa Rayuan MMKN yang meliputi pengurangan kuota, harga, densiti dan pelan <i>layout</i> .
6	Urusan kebenaran pindah milik akan diambil alih sepenuhnya oleh LPHS bagi memastikan kuota Bumiputera dikawal kerana pada masa kini agensi yang bertanggungjawab di atas perkara ini tidak ditentukan.
7	Sebarang penjualan <i>subsale</i> sebelum pengeluaran hak milik perlu mendapat kebenaran LPHS.

Sumber: LPHS

4.4.1.5. Seksyen 120 Kanun Tanah Negara menetapkan kuasa mengenai tanah terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri. Kuasa tersebut termasuk penetapan syarat dan sekatan kepentingan yang menghadkan hak tuan tanah untuk mengawal kepentingan tanah tersebut. Dalam konteks pengauditan ini, syarat dan sekatan kepentingan dilihat daripada aspek kuota Bumiputera dalam pemilikan unit hartanah. Semakan Audit mendapati pengekaln pemilikan unit rumah kuota Bumiputera melalui dokumen hak milik tidak dinyatakan dengan jelas yang mana penetapan sekatan kepentingan yang dinyatakan adalah “Tanah Yang Diberi Milik Ini Tidak Boleh Dipindah Milik, Dipajak Atau Digadai Melainkan Dengan Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri”. **Mengikut maklum balas bertarikh 26 Februari 2016, PTGS memaklumkan penetapan sekatan yang digunakan adalah selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Bil. 8 Tahun 1997 yang mengarahkan penyeragaman sekatan kepentingan supaya ringkas, tepat dan mudah diurus.** Pihak Audit berpendapat suratn hak milik unit rumah kuota Bumiputera hendaklah dinyatakan dengan jelas untuk mengawal dan menjamin pengekaln pemilikan.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan mewujudkan mekanisme untuk mengukur dan menilai pencapaian dasar pemilikan perumahan oleh Bumiputera supaya dapat membantu Kerajaan Negeri dalam membuat keputusan dan tindakan yang tepat dalam aspek pelaksanaan serta penambahbaikan dasar tersebut.

4.4.2. Pelepasan Unit Rumah Kuota Bumiputera

4.4.2.1. LPHS telah mengeluarkan Pekeliling LPHS Bil. 1 Tahun 2011 mengenai Mekanisme Penyelenggaraan Kuota Bumiputera Negeri Selangor (MPKB) berkuat kuasa 7 September 2011 sebagai panduan kepada semua agensi kerajaan dan swasta khususnya pemaju dalam urusan permohonan pelepasan unit rumah kuota Bumiputera yang tidak dapat dijual. Berdasarkan rekod pelepasan yang diselenggarakan oleh LPHS, sebanyak 285 permohonan pelbagai peringkat pelepasan meliputi bangunan kediaman, perdagangan dan perindustrian (hartanah) telah dikemukakan oleh pemaju yang mana

1,047 unit rumah kuota Bumiputera bagi tahun 2013 hingga bulan November 2015 telah dilepaskan untuk dijual kepada Bukan Bumiputera seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Kelulusan Permohonan Pelepasan Unit Rumah Kuota Bumiputera
Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan November 2015

Tahun	Bil. Permohonan	Bil. Keseluruhan (Unit)	Bil. Kuota Bumiputera (Unit)	Bil. Telah Dijual (Unit)	Bil. Dilepaskan Dengan Kelulusan (Unit)	Bil. Dilepaskan Sebelum Kelulusan (Unit)
2013	99	2,846	1,049	370	293	38
2014	107	4,835	1,458	584	221	63
2015	79	5,524	1,845	375	331	101
Jumlah	285	13,205	4,352	1,329	845	202

Sumber: LPHS

4.4.2.2. Semakan Audit terhadap 59 permohonan pelepasan melibatkan 874 unit rumah kuota Bumiputera mendapati wujud ketidakpatuhan dan kelemahan dalam 4 syarat yang ditetapkan seperti diringkaskan di **Jadual 4.4** dan dijelaskan dalam perenggan berikut:

Jadual 4.4
Analisis Isu Kawalan Pelepasan Unit Rumah Kuota Bumiputera

Bil.	Syarat Ditetapkan	Jumlah Permohonan (Bil.)	Tahap Pematuhan Syarat		
			Patuh (Bil.)	Tidak Patuh (Bil.)	(%)
1	Aktiviti promosi dan pemasaran kurang memuaskan.	52*	16	36	69.2
2	Pelepasan tidak dibuat mengikut peringkat kemajuan fizikal projek.	52*	48	4	7.7
3	Pelepasan diluluskan walaupun unit rumah Bukan Bumiputera belum habis dijual.	52*	50	2	3.8
4	Pengauditan terhadap permohonan pelepasan tidak dibuat.	59	-	59	100.0

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: * Tujuh Permohonan Tidak Diaudit Kerana Unit Rumah Kuota Bumiputera Telah Dijual Sebelum Kelulusan Pelepasan.

a. Aktiviti Promosi Dan Pemasaran Kurang Memuaskan

- i. MPKB menetapkan pemaju hendaklah membuat aktiviti promosi dan pemasaran secara sendirian dan melalui syarikat subsidiari LPHS iaitu Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) sebelum mengemukakan permohonan pelepasan. Aktiviti pemasaran yang perlu dilaksanakan adalah mengiklankan unit rumah kuota Bumiputera yang belum terjual dalam akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris, akhbar terbitan Kerajaan Negeri (Selangorkini) serta pameran hartanah anjuran PHSSB mengikut peringkat pelepasan yang dimohon. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Syarat Pemasaran Bagi Setiap Peringkat Permohonan Pelepasan

Bil.	Peringkat Pelepasan	Syarat Pemasaran
1	Peringkat Pertama	Mempromosikan unit hartanah Bumiputera termasuk mengiklankan dalam akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris.
2	Peringkat Kedua	Mengiklankan unit hartanah Bumiputera dalam akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris serta akhbar terbitan Kerajaan Negeri (Selangorkini) dengan saiz iklan minimum 16 cm x 12.9 cm untuk sekurang-kurangnya 3 kali terbitan.
3	Peringkat Ketiga	Pemaju telah menyertai pameran hartanah yang dianjurkan oleh PHSSB dan telah membuat pengiklanan di akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris.
4	Peringkat Keempat	Pemaju mengiklankan unit hartanah Bumiputera dalam akhbar tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris.

Sumber: LPHS

- ii. Sebanyak 36 kelulusan pelepasan telah diberi walaupun tidak mematuhi syarat aktiviti promosi dan pemasaran. Penemuan ini diringkaskan di **Jadual 4.6**. **Berdasarkan hasil perbincangan semasa Exit Conference pada 25 Februari 2016, LPHS mengambil maklum ketidakpatuhan yang berlaku dan akan lebih meneliti setiap permohonan agar kelulusan dibuat mengikut syarat yang ditetapkan pada masa akan datang.**

Jadual 4.6
Pematuhan Syarat Aktiviti Promosi Dan Pemasaran

Bil.	Syarat Pematuhan	Peringkat Pelepasan Yang Berkaitan	Bilangan Sampel Berkaitan*	Bilangan Sampel Tidak Patuh Syarat	Peratus (%)
1	Pengiklanan di akhbar berbahasa Melayu	Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat	52	17	32.7
2	Pengiklanan di akhbar berbahasa Inggeris	Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat	52	24	46.2
3	Pengiklanan di akhbar Selangorkini	Kedua	13	1	7.7
4	Akhbar diterbitkan sekurang-kurangnya 3 kali	Kedua	13	10	76.9
5	Minimum saiz iklan 16 cm x 12.9 cm	Kedua	13	2	15.4
6	Menyertai pameran hartanah yang dianjurkan oleh PHSSB	Ketiga	9	9	100.0

Sumber: LPHS

Nota: *

Peringkat Pelepasan	Bilangan Sampel
Pertama	12
Kedua	13
Ketiga	9
Keempat	18
Jumlah	52

- iii. Pihak Audit mendapati MPKB tidak menetapkan secara terperinci sela masa yang diperlukan untuk iklan diterbitkan sebelum permohonan pelepasan dibuat. Kelemahan ini menyebabkan iklan yang dikemukakan untuk memenuhi syarat pelepasan bagi 6 permohonan yang diluluskan tidak relevan dari segi masa kerana telah diterbitkan antara satu hingga 17 tahun sebelum permohonan pelepasan dibuat. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.7. Berdasarkan maklum balas bertariikh 26 Februari 2016, LPHS akan memastikan pemaju mengemukakan iklan yang mana tempoh penerbitan tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh permohonan pelepasan.**

Jadual 4.7
Sela Masa Pengiklanan Berbanding Tarikh Permohonan Pelepasan

Bil.	No. Fail	Tarikh Permohonan Pelepasan	Tarikh Terakhir Iklan Diterbitkan	Sela Masa
1	0056/15	6.7.2015	9.5.2014	1 tahun 1 bulan
2	0043/15	1.6.2015	25.3.2011	4 tahun 2 bulan
3	0086/14	19.9.2014	6.9.2013	1 tahun
4	0062/14	16.6.2014	13.9.1996	17 tahun 9 bulan
5	0035/14	30.4.2014	28.9.2001	12 tahun 7 bulan
6	0013/13	26.3.2013	6.1.2011	2 tahun 2 bulan

Sumber: LPHS

- iv. MPKB menetapkan promosi dan pengiklanan hendaklah dibuat bagi unit rumah kuota Bumiputera yang tidak terjual di setiap peringkat permohonan pelepasan. Semakan Audit mendapati LPHS telah meluluskan 49 permohonan pelepasan sungguhpun iklan yang diterbitkan oleh pemaju tidak spesifik tetapi secara umum untuk memasarkan unit rumah yang dijual. Selain itu, 52 permohonan ini juga tidak mematuhi Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007 yang menetapkan pemaju untuk membuat pengiklanan di LPHS selama 3 bulan dan pelepasan akan diberikan sekiranya usaha tersebut tidak mendapat sambutan pembeli Bumiputera. Berdasarkan temu bual Audit dengan Pegawai Perancang Gred J44, pihak LPHS kurang tegas dengan syarat pemasaran yang perlu dipatuhi dalam kelulusan permohonan pelepasan kerana mempertimbangkan beban kos pengiklanan yang ditanggung oleh pemaju. **Berdasarkan maklum balas bertariikh 26 Februari 2016, LPHS akan memastikan pemaju membuat pengiklanan secara spesifik untuk unit rumah kuota Bumiputera yang belum terjual pada masa akan datang.**

b. Pelepasan Tidak Dibuat Mengikut Peringkat Kemajuan Projek

MPKB menetapkan 4 peringkat pelepasan unit rumah kuota Bumiputera mengikut kemajuan projek. Sebanyak 4 permohonan pelepasan melibatkan 41 unit rumah kuota Bumiputera telah diluluskan walaupun projek tidak mencapai kemajuan yang ditetapkan. Berdasarkan surat permohonan pelepasan, antara sebab utama permohonan pelepasan dibuat oleh pemaju adalah masalah aliran kewangan yang memerlukan unit rumah dijual secepat mungkin. Bagaimanapun, permohonan yang

dibuat tidak disokong dengan dokumen seperti Akaun Bank Pembangunan Perumahan (*Housing Development Bank Account*) dan penyata kewangan beraudit pemaju berkenaan yang sepatutnya dijadikan sebagai asas penilaian LPHS untuk meluluskan permohonan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.8**. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Februari 2016, LPHS akan membuat penambahbaikan proses dengan memasukkan dokumen yang disyorkan oleh pihak Audit untuk penelitian sebelum kelulusan pelepasan diberi.**

Jadual 4.8
Permohonan Diluluskan Tidak Menepati Syarat Kemajuan Projek

Bil.	No. Fail	Peringkat Pelepasan	Kemajuan Projek Yang Ditetapkan (%)	Kemajuan Projek Semasa Kelulusan Diberi (%)	Unit Rumah Kuota Bumiputera Yang Diluluskan Untuk Pelepasan (Unit)
1	0066/15	Pertama	50	Peratus tidak dapat ditentukan kerana projek masih dalam peringkat kerja tanah.	15
2	0057/15	Kedua	75	65	8
3	0071/14	Pertama	50	35	9
4	0026/14	Ketiga	Siap dan mendapat Sijil Layak Menduduki/ Perakaunan Siap Dan Pematuhan	90	9
Jumlah					41

Sumber: LPHS

c. Pelepasan Diluluskan Walaupun Unit Rumah Bukan Bumiputera Belum Habis Dijual

Antara syarat pelepasan di peringkat pertama adalah semua unit rumah Bukan Bumiputera hendaklah habis dijual dan bagi peringkat pelepasan seterusnya semua unit yang telah diluluskan pelepasan dalam peringkat sebelumnya hendaklah habis dijual sebelum permohonan pelepasan seterusnya dikemukakan. Sebanyak 2 permohonan pelepasan peringkat pertama melibatkan 13 unit rumah kuota Bumiputera telah diluluskan walaupun laporan jualan yang dikemukakan pemaju menunjukkan unit rumah Bukan Bumiputera masih berbaki 11 unit. Kelulusan di luar norma ini tidak disokong dengan justifikasi yang jelas. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.9**. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Februari 2016, LPHS memaklumkan kelulusan berkaitan diberi kerana pemaju menghadapi masalah aliran tunai bagi mengelakkan berlakunya projek perumahan terbengkalai. Selain itu, penambahbaikan akan dilakukan dengan memasukkan dokumen seperti Akaun Bank Pembangunan Perumahan dan penyata kewangan beraudit pemaju berkenaan untuk penelitian sebelum kelulusan diberi. Perkara seperti**

ini akan diputuskan dalam satu jawatankuasa pelepasan yang akan ditubuhkan pada masa hadapan.

Jadual 4.9
Pelepasan Diluluskan Walaupun Unit Rumah Bukan Bumiputera Belum Habis Dijual

No. Fail	Pelulus	Unit Rumah			
		Kuota Bumiputera Dilepaskan	Kuota Bukan Bumiputera [a]	Kuota Bukan Bumiputera Telah Dijual [b]	Baki Kuota Bukan Bumiputera Belum Dijual [a-b]
0009/14	Pengarah Eksekutif	3	33	28	5
0013/13	Ketua Penolong Pengarah Gred M48	10	57	51	6
Jumlah		13	90	79	11

Sumber: LPHS

d. Pengauditan Terhadap Permohonan Pelepasan Tidak Dibuat

MPKB menetapkan semua laporan dan status jualan yang diterima daripada pemaju untuk permohonan pelepasan akan diaudit oleh juruaudit bebas yang dilantik oleh LPHS. Laporan pengauditan tersebut akan dipaparkan untuk pemeriksaan awam melalui laman sesawang LPHS bagi tujuan semakan dan kesahihan kandungan laporan tersebut. Kesemua 59 permohonan pelepasan yang telah diterima tidak diaudit oleh juruaudit bebas. Berdasarkan temu bual Audit dengan Pegawai Perancang Gred J44, pengauditan akan dibuat sekiranya LPHS meragui permohonan yang dikemukakan oleh pemaju. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 2 permohonan pelepasan melibatkan pelepasan 10 unit rumah kuota Bumiputera telah diluluskan walaupun terdapat siri keraguan dalam dokumen sokongan permohonan pelepasan namun pengauditan oleh juruaudit bebas tidak dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.10** dan dijelaskan dalam perenggan berikut. **Berdasarkan hasil perbincangan semasa Exit Conference pada 25 Februari dan maklum balas bertarikh 26 Februari 2016, LPHS memaklumkan pengauditan terhadap permohonan pelepasan berdasarkan sampel yang dipilih mengikut kriteria seperti kecukupan dan ketepatan maklumat akan dilaksanakan oleh Unit Audit Dan Integriti LPHS.**

Jadual 4.10
Perbezaan Maklumat Penjualan Yang Ditunjukkan
Dalam Statistik Jualan, Senarai Pembeli Dan Senarai Rumah Belum Jual

Tarikh Mohon	Kuota Bumiputera Dilepaskan (Unit)	Statistik Jualan			Senarai Pembeli		Senarai Rumah Belum Jual
		Bil. Rumah (Unit)	Telah Dijual (Unit)	Baki Jualan (Unit)	Tempoh Perjanjian Ditandatangani	Unit Yang Terjual	
No. Fail 0063/14							
30.6.14	7	71	36	35	9.9.2013 hingga 19.6.2014	22	49
No. Fail 0082/13							
16.10.13	3	40	23	17	7.3.2013 hingga 27.5.2013 (3 unit tiada tarikh tandatangan)	22	17
Jumlah	10	111	59	52	-	44	66

Sumber: LPHS

- i. Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan untuk permohonan pelepasan antaranya adalah Statistik Jualan, Senarai Pembeli dan Senarai Unit Yang Belum Dijual. Maklumat 'unit telah dijual' dan 'baki unit belum dijual' yang dinyatakan dalam 3 dokumen tersebut berbeza seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Analisis Perbezaan Maklumat Dalam Dokumen Sokongan

Bil.	Sumber	Unit Telah Dijual	Baki Unit Belum Dijual
1	Statistik Jualan	59	52
2	Senarai Pembeli	44	Tidak Berkaitan
3	Senarai Rumah Belum Dijual	Tidak Berkaitan	66
Perbezaan		15	14

Sumber: LPHS

- ii. Bagi Fail No. 0082/13, pelepasan 3 unit rumah kuota Bumiputera telah diluluskan pada 31 Oktober 2013 walaupun pemaju mengemukakan maklumat yang tidak tepat dan lengkap. Berdasarkan Senarai Pembeli, terdapat 3 unit rumah kuota Bukan Bumiputera yang tidak dinyatakan tarikh perjanjian jual beli. Tarikh sebenar perjanjian jual beli ditandatangani adalah pada 1 November 2013. Keadaan ini menunjukkan kelulusan pelepasan telah dibuat walaupun terdapat unit rumah kuota Bukan Bumiputera masih belum habis dijual. Selain itu, unit Lot 6 yang terkurang nyata dalam Senarai Pembeli berbanding Statistik Jualan telah dijual kepada pembeli Bukan Bumiputera pada 10 Januari 2014 sungguhpun tarikh tandatangan perjanjian jual beli bagi kelompok pembeli untuk permohonan pelepasan peringkat kedua bermula 20 Jun 2014. Keadaan ini menunjukkan unit ini telah dijual kepada Bukan Bumiputera tanpa kelulusan pelepasan.

Pada pendapat Audit, LPHS perlu mematuhi MPKB dan Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007 semasa melaksanakan permohonan pelepasan unit rumah kuota Bumiputera. Selain itu, Prosedur Operasi Standard (SOP) yang memperincikan proses kerja hendaklah disediakan bagi memastikan kerja dilaksanakan dengan teratur.

4.4.3. Pemulangan Potongan Harga Bumiputera Dan Denda

4.4.3.1. Mengikut MPKB, pemaju hendaklah membuat pemulangan potongan harga Bumiputera terhadap unit rumah kuota Bumiputera yang diluluskan pelepasan kepada LPHS sebelum memohon Kebenaran Pindah Milik Secara Menyeluruh. Selain itu, Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007 menetapkan pemaju yang melanggar ketetapan MMKN berkaitan perumahan kuota Bumiputera dikenakan denda. Kadar pemulangan potongan harga dan denda daripada harga jualan unit rumah diringkaskan di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12
Kadar Pemulangan Potongan Harga Bumiputera Dan Denda
Mengikut Jenis Kos Rumah

Jenis Rumah	Kadar Pemulangan Potongan Harga (%)	Kadar Denda (%)	Jumlah (%)
Rumah Kos Rendah	-	7	7
Rumah Lain-Lain Kos	7	5	12

Sumber: LPHS Dan PTGS

4.4.3.2. Semakan Audit mendapati pengurusan pemulangan potongan harga Bumiputera dan denda adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang dijelaskan dalam perenggan berikut:

a. Denda Tidak Dikutip

Pemaju (Fail No. 0002/13) telah diluluskan pelepasan 3 unit rumah kuota Bumiputera pada 29 Mac 2013 sedangkan tarikh perjanjian jual beli masing-masing adalah 14 Januari, 27 Februari dan 27 Mac 2013. Keadaan ini menunjukkan unit rumah tersebut telah dijual sebelum kelulusan pelepasan dan pemaju perlu membayar denda di samping pemulangan potongan harga Bumiputera 12% berjumlah RM175,800. Namun pemaju hanya membayar RM102,550 pada 14 Mei 2014. Bayaran terkurang kutip berjumlah RM73,250 merupakan denda 5% tidak diambil kira dalam surat pengiraan bayaran bertarikh 22 Januari 2014 yang ditandatangani oleh Penolong Pengarah Kanan (Pembangunan) Gred J48. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.13**. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Februari 2016, LPHS telah menuntut sejumlah RM73,250 daripada pemaju terlibat pada 26 Februari 2016.**

**Jadual 4.13
Denda Tidak Dikutip**

Bil.	No. Lot	Tarikh Kelulusan Pelepasan	Tarikh Perjanjian Jual Beli	Harga Jualan (RM)	Pengiraan LPHS [a] (RM)	Pengiraan Audit [b]		
						Pemulangan Potongan Harga Bumiputera [7%] (RM)	Denda [5%] (RM)	Jumlah (RM)
1	PT 140	29.3.2013	14.1.2013	495,000	34,650	34,650	24,750	59,400
2	PT 143		27.2.2013	485,000	33,950	33,950	24,250	58,200
3	PT 145		27.3.2013	485,000	33,950	33,950	24,250	58,200
Jumlah					102,550	102,550	73,250	175,800
Bayaran Terkurang Kutip (RM) [b-a]					73,250			

Sumber: LPHS

b. Denda Dikecualikan Tanpa Melalui Jawatankuasa Khas

Sebanyak 2 pemaju (Fail No. 0060/14 dan 0049/15) yang sepatutnya membayar denda masing-masing berjumlah RM2.19 juta dan RM200,970 telah dikecualikan atas kelulusan Pengarah Eksekutif LPHS kerana pemaju menghadapi masalah aliran tunai. Kelulusan pengecualian ini adalah bercanggah dengan ketetapan dalam Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007 yang menetapkan pemaju hendaklah dikenakan denda tanpa diberikan kelonggaran. Selain itu, keputusan hanya dibuat oleh individu dan bukan secara kolektif melalui jawatankuasa khas. Keadaan ini berlaku kerana salah faham LPHS berkenaan kuasa mentadbir secara *self regulatory* yang dinyatakan dalam MPKB. **Berdasarkan hasil perbincangan semasa Exit Conference pada 25 Februari dan maklum balas bertarikh 26 Februari 2016, LPHS akan menyediakan SOP berkaitan pengecualian denda yang mana antaranya satu jawatankuasa pelepasan dan pengecualian denda akan ditubuhkan.**

c. Pengiraan Bayaran Pemulangan Potongan Harga Bumiputera Dan Denda Tidak Dibuat Berdasarkan Harga Jualan

Lima pemaju yang telah diluluskan permohonan pelepasan terhadap 54 unit rumah kuota Bumiputera telah membayar pemulangan potongan harga Bumiputera berjumlah RM2.34 juta. Bayaran ini dibuat berdasarkan pengiraan harga jualan selepas diskaun dan bukan harga jualan sebenar. Ini menyebabkan bayaran pemulangan yang diterima berbeza sejumlah RM212,938. Empat surat pengiraan bayaran ditandatangani oleh Penolong Pengarah Kanan (Pembangunan) Gred J48, kecuali bagi Fail No. 0044/15 surat tersebut ditandatangani oleh Pegawai Perancang Gred J44. Butiran lanjut diringkaskan di **Jadual 4.14**. **Berdasarkan hasil perbincangan semasa Exit Conference pada 25 Februari dan maklum balas bertarikh 26 Februari 2016, LPHS menjelaskan pengiraan pemulangan potongan harga Bumiputera dibuat berdasarkan harga jualan selepas diskaun**

akan diteruskan untuk meringankan beban pemaju yang membantu pembeli mendapatkan pinjaman penuh bagi pembiayaan pembelian rumah. Sebagai kawalan dalaman, semua pengiraan akan disemak oleh Unit Audit Dan Integriti LPHS dan dijelaskan dalam SOP yang akan disediakan.

Jadual 4.14
Bayaran Pemulangan Potongan Harga Kuota Bumiputera
Tidak Dibuat Berdasarkan Harga Jualan

No. Fail	Tarikh Bayaran	Bil. Unit	Harga Jualan (RM) [a]	Diskaun (RM) [b]	Harga Selepas Diskaun (RM) [c=a-b]	Bayaran Pemulangan Potongan Harga Bumiputera (RM) [d]	Bayaran Pemulangan Potongan Harga Bumiputera Sepatutnya (RM) [e]
0057/15	14.7.2015	9	7,914,000	869,800	7,044,200	493,094	553,980
0044/15	24.4.2015	26	7,631,120	987,278	6,643,842	465,069	534,178
0086/14	27.11.2014	5	2,760,488	394,726	2,365,762	165,603	193,234
	26.12.2014						
	11.2.2015						
0081/14	21.4.2015	7	4,166,000	208,300	3,957,700	277,039	291,620
0008/13	2.8.2013	7	13,937,280	581,833	13,355,447	934,881	975,612
Jumlah		54	36,408,888	3,041,937	33,366,951	2,335,686	2,548,624
Perbezaan Bayaran Yang Diterima (RM) [e-d]						212,938	

Sumber: LPHS

d. Penentuan Unit Rumah Kuota Bumiputera Tidak Mengikut Tarikh Perjanjian Jual Beli

Sebanyak 3 pemaju (Fail No. 0049/15, 0012/15 dan 0060/14) telah menjual 42 unit rumah kuota Bumiputera sebelum kelulusan pelepasan. LPHS telah membuat pengiraan bayaran pemulangan potongan harga Bumiputera berdasarkan senarai unit rumah yang dikemukakan oleh pemaju dan bukan unit rumah terakhir yang dijual kepada Bukan Bumiputera mengikut tarikh perjanjian jual beli. Kaedah ini menyebabkan wujud perbezaan pengiraan berjumlah RM1.76 juta. Selain itu bagi Fail No. 0012/15, pengiraan denda juga berbeza berjumlah RM26,150 menjadikan keseluruhan perbezaan pengiraan berjumlah RM1.79 juta. Perkara ini berlaku kerana unit/lot rumah Bumiputera tidak ditetapkan berikutan pelan tindakan tidak dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.15**. Semua surat pengiraan bayaran pemulangan potongan harga Bumiputera bagi permohonan pelepasan berkaitan telah ditandatangani oleh Pengarah Eksekutif LPHS. **Berdasarkan hasil perbincangan semasa Exit Conference bertarih 25 Februari dan maklum balas bertarih 26 Februari 2016, LPHS menjelaskan kaedah penentuan unit rumah kuota Bumiputera bagi tujuan pengiraan bayaran pemulangan potongan harga Bumiputera dan denda akan dibuat dalam SOP yang akan disediakan.**

Jadual 4.15
Perbezaan Bayaran Pemulangan Potongan Harga Bumiputera Dan Denda
Bagi Penjualan Unit Rumah Kuota Bumiputera Tanpa Pelepasan

Bil.	No. Fail	Bil. Unit Bumiputera	Tarikh Bayaran	Jumlah Bayaran Patut Diterima Mengikut Perkiraan Audit		Jumlah Bayaran Dituntut Oleh LPHS	
				Pemulangan Potongan Harga [7%*] (RM) [a]	Denda [5%/7%*] (RM) [b]	Pemulangan Potongan Harga [7%] (RM) [c]	Denda [5%/7%] (RM) [d]
1	0049/15	3	4.9.2015	281,358	Dikecualikan	230,781	Dikecualikan
2	0012/15	6	19.3.2015 20.10.2015	241,570	172,550	204,960	146,400
3	0060/14	33	Belum Bayar	3,068,240	Dikecualikan	1,390,873	Dikecualikan
Jumlah		42	-	3,591,168	172,550	1,826,614	146,400
Perbezaan (RM) [a-c]				1,764,554			
Perbezaan (RM) [b-d]				26,150			
Jumlah Perbezaan (RM)				1,790,704			

Sumber: LPHS

Nota: * - Pengiraan Berdasarkan Harga Jualan Sebelum Diskaun

e. Pelepasan Diluluskan Sebelum Bayaran Dijelaskan Sepenuhnya

MPKB menetapkan pemaju hendaklah menjual semua unit rumah kuota Bumiputera yang telah dilepaskan dalam peringkat sebelumnya dan membayar pemulangan potongan harga Bumiputera ditetapkan sebelum memohon peringkat pelepasan yang seterusnya. Semakan Audit mendapati pemaju (Fail No.0090/13) telah mendapat kelulusan pelepasan peringkat kedua melibatkan 32 unit rumah kuota Bumiputera pada bulan Jun 2015 (Fail No.0044/15) walaupun baki bayaran pemulangan potongan harga Bumiputera untuk pelepasan 26 unit rumah kuota Bumiputera yang berjumlah RM280,380 masih belum dijelaskan sepenuhnya pada masa tersebut. Butiran seperti di **Jadual 4.16. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 Februari 2016, LPHS menjelaskan kelulusan diberi kepada pemaju berkaitan kerana masalah aliran tunai. Perkara seperti ini akan diputuskan dalam satu jawatankuasa khas yang akan ditubuhkan pada masa akan datang.**

Jadual 4.16
Bayaran Pemulangan Potongan Harga Bumiputera Melalui Kaedah Ansuran

No.Fail	Tarikh Kelulusan	Bil. Unit Dilepaskan	Bayaran Pemulangan Potongan Harga Bumiputera Dan Denda			Bayaran Sebenar Telah Dibuat		Beza (RM)
			7% (RM)	5% (RM)	Jumlah (RM) [a]	Tarikh	Jumlah (RM) [b]	
0090/13	9.12.13	26	465,079	-	465,079	24.4.15	184,699	280,380

Sumber: LPHS

Pada pendapat Audit, pengurusan pemulangan potongan harga Bumiputera dan denda perlu ditambah baik bagi memastikan bayaran dibuat secara teratur.

4.4.4. Pengurusan Akaun Tabung Amanah

4.4.4.1. LPHS telah menubuhkan Tabung Amanah pada 20 Oktober 2008. Manakala Surat Arahan Tabung Amanah berkuat kuasa pada 30 Julai 2013. Tabung Amanah ditubuhkan antaranya bertujuan membolehkan Kerajaan Negeri mengutip bayaran daripada pemaju bagi kelulusan pelepasan perumahan kuota Bumiputera. Selain itu, Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007 menetapkan bayaran denda pelanggaran syarat MMKN berkaitan kuota Bumiputera hendaklah dimasukkan dalam Tabung Amanah.

4.4.4.2. Sehingga bulan November 2015, Tabung Amanah ini berbaki RM245.48 juta. Bagi tahun 2012 hingga bulan November 2015, jumlah terimaan akaun ini adalah RM150.39 juta yang mana bayaran pemulangan potongan harga Bumiputera menyumbang sebanyak RM147.12 juta (97.8%) daripada keseluruhan terimaan. Perbelanjaan untuk tempoh yang sama berjumlah RM1.15 juta (0.8%) dengan perbelanjaan tahun 2015 mencatatkan angka tertinggi iaitu RM727,781 (63.5%) daripada keseluruhan perbelanjaan. Semakan Audit terhadap pengurusan akaun Tabung Amanah mendapati wujud kelemahan seperti berikut:

a. Penggunaan Wang Tabung Amanah Tidak Menyokong Dasar Perumahan Kuota Bumiputera

Arahan Amanah menetapkan antara perbelanjaan yang dibenarkan daripada Tabung Amanah adalah untuk membina rumah mampu milik, pelaburan, penyaluran peruntukan kepada syarikat subsidiari serta penyenggaraan dan baik pulih aset dan hartanah milik LPHS. Walaupun pemulangan potongan harga Bumiputera menyumbang 97.8% daripada keseluruhan terimaan, namun penggunaan wang Tabung Amanah tidak dinyatakan dengan spesifik untuk kepentingan pemilikan rumah kuota Bumiputera.

b. Hasil Aktiviti Pelaburan Tidak Dikreditkan Dalam Akaun Tabung Amanah

i. Sebahagian besar terimaan Tabung Amanah dilaburkan dalam bentuk simpanan tetap di samping pelaburan dalam hartanah. Pelaburan simpanan tetap dan hartanah masing-masing diuruskan oleh LPHS dan PHSSB. Selain itu, peruntukan yang masih belum digunakan untuk pembelian hartanah akan dilaburkan dalam simpanan tetap PHSSB. Sehingga bulan November 2015, pelaburan yang dibuat telah menjana pulangan berjumlah RM44.65 juta yang terdiri daripada keuntungan/faedah simpanan tetap serta keuntungan jualan dan hasil sewa pelaburan hartanah masing-masing berjumlah RM21.07 juta dan RM23.58 juta seperti di **Jadual 4.17**.

Jadual 4.17
Aktiviti Pelaburan LPHS Dan PHSSB Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan November 2015

Tahun	LPHS		PHSSB			
	Simpanan Tetap	Keuntungan/Faedah	Pelaburan Hartanah	Hasil Pelaburan Hartanah	Simpanan Tetap	Keuntungan/Faedah
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
2012	40.00	2.91	5.21	14.11	*	0.46
2013	-	3.52	13.96	6.99	*	0.65
2014	70.00	5.92	6.46	2.48	*	0.52
2015	8.00	7.09	*	*	*	*
Jumlah	118.00	19.44	25.63	23.58	*	1.63

Sumber: LPHS

Nota: * Maklumat Tidak Diperoleh

- ii. Semakan Audit mendapati keuntungan pelaburan berjumlah RM44.65 juta tidak dimasukkan dalam akaun Tabung Amanah tetapi diambil kira terus dalam akaun LPHS dan PHSSB. Keadaan ini berlaku kerana Arahan Amanah tidak menetapkan hasil daripada aktiviti pelaburan perlu diakaunkan semula dalam akaun Tabung Amanah.

4.4.4.3. Berdasarkan hasil perbincangan semasa Exit Conference pada 25 Februari dan maklum balas bertariikh 26 Februari 2016, LPHS menjelaskan Arahan Amanah akan dipinda bagi membolehkan hasil daripada aktiviti pelaburan LPHS dan PHSSB dimasukkan semula dalam akaun Tabung Amanah. Pindaan juga akan dibuat untuk memastikan penggunaan wang Tabung Amanah digunakan untuk kepentingan dasar perumahan kuota Bumiputera.

Pada pendapat Audit, Tabung Amanah hendaklah diuruskan dengan teratur ke arah pencapaian dasar perumahan kuota Bumiputera melalui perancangan yang teliti.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan pengurusan perumahan kuota Bumiputera, pihak Audit mengesyorkan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) untuk mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Mewujudkan mekanisme untuk mengukur dan menilai pencapaian dasar perumahan kuota Bumiputera. Selain itu, sekatan kepentingan dalam suratan hak milik bagi unit rumah kuota Bumiputera hendaklah dinyatakan dengan jelas untuk mengawal dan menjamin pengendalian pemilikan.

4.5.2. Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai garis panduan yang menetap dan menyeragamkan prosedur kerja. Sehingga SOP disediakan, semua keputusan berkaitan pemilikan perumahan kuota Bumiputera yang tidak dinyatakan atau ditetapkan dalam Pekeliling LPHS Bil. 1 Tahun 2011 dan Pekeliling PTGS Bil. 3 Tahun 2007 hendaklah

dibuat melalui satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan supaya perkara yang diputuskan diteliti dengan terperinci bagi menjamin ketelusan.

4.5.3. Mengemas kini Arahan Amanah supaya wang Tabung Amanah digunakan untuk kepentingan dasar perumahan kuota Bumiputera di samping menetapkan keuntungan daripada pelaburan diambil kira dan dimasukkan dalam akaun Tabung Amanah untuk tujuan yang sama.



BAHAGIAN II
PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI
NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5.1. PENDAHULUAN

5.1.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

5.1.2. Selaras dengan Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Negeri Selangor.

5.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2015, beberapa usaha penambahbaikan/pembaharuan telah diambil oleh 3 Jabatan/Agensi Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan. Antara langkah yang diambil adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Usaha Penambahbaikan/Pembaharuan Yang Telah Diambil Oleh Jabatan/Agensi Negeri

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Keterangan Penambahbaikan/Pembaharuan
1	Setiausaha Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none">i. Mulai 1 Januari 2015, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pindaan terhadap dasar perolehan daripada sistem harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal kepada sistem <i>cut-off</i>, iaitu satu tanda aras harga ke atas sebut harga dan tender yang diperolehi melalui formula statistik untuk mendapatkan harga yang munasabah.ii. <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) bagi proses baucar bayaran dipertingkatkan iaitu diselesaikan dalam tempoh 3 hari dari tarikh bil diterima berbanding 14 hari yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan.
2	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	<ul style="list-style-type: none">i. Meningkatkan kemudahan pelanggan dengan mengadakan <i>Cash Deposit Machine</i>, ATM.ii. Pembayaran bil secara 100% melalui <i>Electronic Fund Transfer</i> (EFT).
3	Perbendaharaan Negeri	<ul style="list-style-type: none">i. Pembayaran melalui EFT berkuat kuasa 1 Januari 2015 dengan <i>ratio</i> 80% EFT dan 20% cek.ii. Pelaksanaan Bayaran Tanpa Bulan Akaun Kena Bayar (AKB) bagi tahun 2015.iii. Meningkatkan kemudahan pelanggan dengan menerima bayaran melalui kad kredit dan kad debit.

Sumber: Jabatan/Agensi Negeri

5.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

5.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

5.3.2. Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi Negeri yang dinilai akan ditentukan penarafan (*ranking*) berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperolehi. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 5.2** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.2
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 5.3
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89.9	Baik	
50 – 69.9	Memuaskan	
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Secara umumnya, pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada:

- 5.4.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 5.4.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap elemen pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, amanah dan deposit, aset dan stor, kenderaan, pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan.
- 5.4.3. Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 5.4.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2015, pengauditan telah dijalankan di 14 Jabatan/Agensi Negeri terdiri daripada 8 Jabatan dan 6 Agensi Negeri. Semua Jabatan/Agensi Negeri tersebut dipilih berdasarkan pusingan 3 tahun kecuali Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang wajib diaudit setiap tahun. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014 bagi menentukan kedudukan prestasi kewangan 6 Agensi Negeri yang terlibat secara menyeluruh.

5.6. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi 8 Jabatan adalah berasaskan pengauditan terhadap prestasi 8 kawalan utama iaitu Kawalan

Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Prestasi 6 Agensi Negeri pula dinilai berdasarkan 8 kawalan juga iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor, Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Penjelasan lanjut mengenai kawalan tersebut adalah seperti berikut:

5.6.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

5.6.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemas kini.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

5.6.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Proses Kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dan sentiasa dikemas kini dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Senarai Tugas disediakan dan sentiasa dikemas kini. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan Dalaman (seperti yang ditetapkan di bawah AP 308) dijalankan dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalannya, bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- d. Pemeriksaan Mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

5.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Tadbir Urus Kewangan (PS) 5.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di setiap Jabatan/Agensi Kerajaan/Pusat Tanggungjawab untuk memantapkan pengurusan kewangan dan akaun. JPKA hendaklah mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan sekali, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

1PP PS 3.1 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga perlu merancang dan melaksanakan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

5.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan dan analisis bajet seperti berikut:

5.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan di Negeri Selangor dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 2 Tahun 2014 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Dan Hasil Tahun 2015). Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lain, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang

ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

5.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan antara lain menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula pemegang waran peruntukan boleh yang mana perlu, menyerahkan sebahagian daripada peruntukan di bawah kawalannya kepada pegawai lain dengan mengeluarkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai tersebut. Pengagihan peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahan yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat daripada 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

5.6.2.4. Analisis Bajet

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP 18(i), 1PP Pengurusan Belanjawan (PB) 2.5 dan PB 2.6 ada berkaitan.

5.6.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan

pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

5.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

5.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan wang di kaunter, penerimaan melalui mel dan perbankan Internet serta pengeluaran resit dan perekodannya dalam Buku Tunai.

5.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

5.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

5.6.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP – Pengurusan Wang Awam (WP) 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

5.6.4. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

5.6.4.1. Perancangan Perolehan

Mengikut 1PP – Perolehan Kerajaan (PK) 2.1, Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

5.6.4.2. Kaedah Perolehan

Mengikut 1PP PK 2.1 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

5.6.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

5.6.5.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

5.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap bayaran mengikut had kuasa berbelanja yang diluluskan, kawalan dalaman proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyelenggaraan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukat serta Panjar Wang Runcit.

5.6.6. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan Arahan Amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

5.6.6.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 ditetapkan melalui 1PP WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian.

5.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri mengikut pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP WP 9.2 dan 1PP WP 9.3.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP WP 9.1.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan mengikut 1PP WP 3.2.

5.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

5.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling perbendaharaan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

5.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1PP – Pengurusan Aset (AM) 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

5.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1PP AM 2.2 dan 1PP AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

5.6.7.3. Pendaftaran

Mengikut 1PP AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran.

5.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi.

- a. Mengikut 1PP AM 2.4, aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- b. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai ruang penggunaan yang optimum.
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa dan 2 orang Pemverifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi 2 tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan. 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6 ada berkaitan.

5.6.7.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP AM 2.5 adalah berkaitan.

5.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.

- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

5.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyedia dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan diperolehi.

5.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

5.6.8.1. Penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisa kadar penggunaan bahan api bulanan.

5.6.8.2. Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan

lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan.

5.6.8.3. Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad.

5.6.8.4. Kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual. Butir penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

5.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

5.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

5.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

5.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan

Kerajaan Negeri Selangor melalui Surat Hebahan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bil. 18 Tahun 2009 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 30 April tahun kewangan berikutnya. Mengikut 1PP PA 3.1, Penyata Kewangan dan laporan tahunan Kerajaan Negeri/Agensi Negeri perlu dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor pada tempoh satu tahun selepas berakhirnya tahun kewangan. Peraturan ini dibuat bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Kerajaan Negeri/Agensi Negeri dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor pada tahun yang sama dan tidak lewat daripada 31 Disember setiap tahun. Ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus di pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, Penyata


Kewangan yang dibentang awal adalah lebih telus dan relevan bagi *stakeholders* untuk menilai pencapaian Kerajaan Negeri/Agensi Negeri. Sementara itu, kecekapan dan tadbir urus yang baik terhadap pengurusan kewangan Agensi Kerajaan dapat diukur berdasarkan kepada jenis format Laporan Ketua Audit Negara yang diterima setiap tahun iaitu Laporan Tanpa Teguran, Berteguran, Bertentangan dan Penafian.

5.7. PENEMUAN AUDIT

5.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan 14 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah baik yang mana 5 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang, 8 Jabatan/Agensi Negeri tahap baik dan satu Agensi tahap memuaskan. Majlis Sukan Negeri Selangor memperoleh tahap memuaskan kerana wujud kelemahan yang ketara dalam Kawalan Pengurusan, Kawalan Perbelanjaan serta pengesahan penyata kewangan di mana Sijil Ketua Audit Negara Berteguran telah dikeluarkan. Tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah seperti di **Carta 5.1**. Bilangan Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap cemerlang (5 bintang iaitu 90 markah ke atas) pada tahun 2015 adalah 5 Jabatan/Agensi Negeri berbanding 8 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014.

Carta 5.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

5.7.2.1. Jabatan Negeri

Tahap pematuhan pengurusan kewangan bagi 8 Jabatan mengikut 8 kawalan utama adalah seperti di **Carta 5.2** manakala hasil analisis terhadap tahap pematuhan ini dijelaskan dalam perenggan berikut:

Carta 5.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan 8 Jabatan
Mengikut 8 Kawalan Utama Jabatan Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Satu Jabatan tidak terlibat dalam Pengurusan Amanah Dan Deposit


- a. Bagi Kawalan Pengurusan, 5 Jabatan mencatat tahap cemerlang, satu Jabatan tahap baik dan 2 Jabatan tahap memuaskan.
- b. Kesemua 8 Jabatan mencapai tahap cemerlang bagi Kawalan Bajet.
- c. Bagi Kawalan Terimaan, 6 Jabatan berada pada tahap cemerlang dan 2 Jabatan tahap baik.
- d. Bagi Kawalan Perolehan, satu Jabatan memperoleh tahap cemerlang, 3 Jabatan tahap baik, satu Jabatan tahap memuaskan dan 3 Jabatan tahap kurang memuaskan. Antara kelemahan di 3 Jabatan yang mendapat tahap kurang memuaskan adalah seperti berikut:
 - i. Rekod mengenai pembelian terus tidak dikemukakan kepada Pegawai Pengawal setiap 3 bulan.

- ii. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga/Sebut Harga (B) tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan, penilaian dan keputusan sebut harga tidak ditandatangani oleh Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa, keputusan sebut harga tidak disediakan serta *Integrity Pact* tidak dilaksanakan.
 - iii. Daftar/rekod pembayaran kontrak tidak diselenggarakan untuk memantau bayaran, kontrak ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberikan kuasa, klausa pencegahan rasuah tidak dimasukkan dalam kontrak, kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh surat setuju terima dan tiada tindakan diambil terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat mengenai tempoh bekalan perjanjian kontrak.
- e. Dari segi Kawalan Perbelanjaan, kesemua 8 Jabatan memperoleh tahap cemerlang.
- f. Dari segi Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, 5 Jabatan berada pada tahap cemerlang, 2 Jabatan tahap baik manakala satu Jabatan tidak terlibat dengan pengurusan amanah.
- g. Bagi Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor, 4 Jabatan berada pada tahap cemerlang, 3 Jabatan tahap baik dan satu Jabatan kurang memuaskan. Antara kelemahan Jabatan yang mendapat tahap kurang memuaskan ialah:
- i. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak membincangkan agenda yang ditetapkan.
 - ii. Pegawai Penerima tidak dilantik untuk menerima dan mengesahkan aset dan barang-barang stor yang diterima.
 - iii. Harta modal dan aset bernilai rendah yang dibeli tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu.
 - iv. Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Bernilai Rendah (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan kemas kini.
- h. Empat Jabatan memperoleh tahap cemerlang, satu Jabatan tahap baik dan 3 Jabatan tahap memuaskan bagi Kawalan Pengurusan Kenderaan.

5.7.2.2. Agensi Negeri

Tahap pematuhan pengurusan kewangan 6 Agensi Negeri mengikut 8 kawalan utama adalah seperti di **Carta 5.3** manakala hasil analisis terhadap tahap pematuhan ini dijelaskan dalam perenggan berikut:

Carta 5.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan 6 Agensi Negeri
Mengikut 8 Kawalan Utama Agensi Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

- a. Dari segi Kawalan Pengurusan, 3 Agensi mencapai tahap cemerlang, 2 Agensi tahap baik dan satu Agensi tahap tidak memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang memperoleh tahap tidak memuaskan ialah Jawatankuasa Pengurusan Dan Akaun (JPKA) tidak bermesyuarat sepanjang tahun 2015 serta latihan tidak dilaksanakan mengikut perancangan.
- b. Bagi Kawalan Bajet, 3 Agensi mencapai tahap cemerlang, 2 Agensi tahap baik dan satu Agensi tahap memuaskan.
- c. Bagi Kawalan Terimaan pula, 3 Agensi berada pada tahap baik, 2 Agensi tahap memuaskan dan satu Agensi tahap kurang memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang mendapat tahap kurang memuaskan ialah seperti berikut:
 - i. Stok borang hasil yang diterima tidak disemak dan diperakui betul tentang ketepatan nombor siri dan tidak dikeluarkan mengikut nombor susunan.
 - ii. Buku Tunai tidak disemak dengan resit setiap hari.
 - iii. Kemasukan pungutan ke bank tidak dicatat dalam Buku Tunai pada hari yang sama dan pengakuan penerimaan bank tidak semak dengan penyata pemungut.
 - iv. Tunggakan hutang tidak diambil tindakan.

- d. Dari segi Kawalan Perbelanjaan, 2 Agensi mencapai tahap cemerlang, 3 tahap baik dan satu Agensi tahap kurang memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang mendapat tahap kurang memuaskan ialah:
- i. Perolehan setiap jenis item melebihi RM20,000 setahun dibuat secara Pembelian Terus yang sepatutnya secara Sebut Harga.
 - ii. Daftar Kontrak tidak diselenggarakan. Rekod pembayaran kontrak untuk memantau bayaran juga tidak diselenggarakan.
 - iii. Kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh surat setuju terima.
- e. Bagi Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, 2 Agensi mencapai tahap cemerlang, 2 tahap baik, satu memuaskan dan satu tidak memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang mendapat tahap tidak memuaskan ialah:
- i. Daftar Pendahuluan Diri dan Daftar Pendahuluan Pelbagai tidak diselenggara dengan betul. Pendahuluan Pelbagai diberi tanpa kelulusan Ketua Agensi.
 - ii. Lejar am deposit tidak diselenggarakan dengan lengkap manakala rekod subsidiari deposit tidak disemak kerana tidak dikemukakan untuk pengauditan.
- f. Dari segi Pengurusan Aset Dan Stor, 2 Agensi mendapat tahap baik, satu Agensi di tahap memuaskan dan 3 Agensi pada tahap kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti di 3 Agensi tersebut ialah:
- i. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) tidak bermesyuarat setiap 3 bulan sekali dan agenda yang ditetapkan tidak dibincangkan.
 - ii. Pegawai Penerima tidak dilantik untuk menerima dan mengesahkan aset dan barang-barang stor.
 - iii. Harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan.
 - iv. Pemeriksaan aset tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun.
 - v. Lembaga Pemeriksa Pelupusan tidak dilantik berdasarkan jawatan pegawai.
 - vi. Laporan Lembaga Pemeriksa Pelupusan (KEW.PA-17) dan Sijil Pelupusan Aset (KEW.PA-19) tidak disediakan.


- vii. Pegawai Kenderaan tidak dilantik.
 - viii. Analisa kadar penggunaan bahan api bulanan tidak dibuat.
 - ix. Kad Inden dan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit disimpan oleh pemandu yang sepatutnya Pegawai Kenderaan.
- g. Bagi Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman, 5 Agensi memperoleh tahap cemerlang dan satu Agensi tahap baik.
- h. Dalam aspek Pengurusan Penyata Kewangan, 4 Agensi mencapai tahap cemerlang, satu Agensi tahap baik dan satu Agensi kurang memuaskan kerana memperoleh Sijil Ketua Audit Negara Berteguran.

5.7.3. Analisis Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

5.7.3.1. Analisis Audit terhadap 14 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya 2 kali atau lebih bagi tahun 2007 hingga 2015 menunjukkan prestasi pengurusan kewangan telah bertambah baik bagi 7 Jabatan/Agensi Negeri dan menurun bagi 7 Jabatan/Agensi yang lain berbanding markah tertinggi tahun sebelum.

5.7.3.2. Prestasi pemarkahan 7 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 bertambah baik berbanding tahun sebelum iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor, Majlis Daerah Sabak Bernam, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat, Majlis Daerah Hulu Selangor, Jabatan Pertanian Negeri Selangor serta Majlis Sukan Negeri Selangor. Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan memperoleh prestasi terbaik. Sementara itu, prestasi 7 Jabatan/Agensi Negeri yang lain mencatat penurunan berbanding tahun sebelum iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam, Majlis Perbandaran Klang, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor, Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor serta Perbadanan Wakaf Selangor. Prestasi Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan Perbadanan Wakaf Selangor merosot dengan ketara dalam aspek Pengurusan Aset Dan Stor. Kedudukan prestasi pengurusan kewangan tahun 2015 bagi 14 Jabatan/Agensi Negeri berbanding prestasi tertinggi tahun sebelum adalah seperti di **Carta 5.4**.

Carta 5.4
Kedudukan Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Tahun 2015 Berbanding Prestasi Tertinggi Tahun Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

5.8.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 42 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri yang mana 11 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan kewangan berkaitan seperti di **Jadual 5.4** dan 31 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri lain mempunyai kelemahan tertentu seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.4
Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri Yang Mematuhi Peraturan Kewangan

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri
1	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
2	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Sepang
3	Pejabat Pertanian Daerah Sabak Bernam
4	Jabatan Pengairan Dan Saliran Selangor
5	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Petaling
6	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Langat
7	Majlis Bandaraya Petaling Jaya Kaunter Bergerak
8	Majlis Perbandaran Kajang Cawangan Bandar Tun Hussein Onn
9	Majlis Daerah Sabak Bernam
10	Pejabat Agama Islam Gombak Timur
11	Lembaga Zakat Selangor Cawangan Bandar Baru Bangi

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 5.5
Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2015

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
1	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	i. Buku resit tidak dikeluarkan dari stok mengikut turutan nombor siri untuk digunakan.
2	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Subang Jaya	i. Notis pemberitahu awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan. ii. Daftar pembayaran wang untuk dibahagi-bahagikan tidak diperiksa oleh Ketua Pejabat/wakilnya sekali sebulan. iii. Baki stok fizikal setem tidak bersamaan dengan baki di Daftar Setem. iv. Bil yang diterima tidak dicap tarikh terima. v. Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia.
3	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Klang	i. Anak kunci dan kod kombinasi peti besi yang berasingan tidak dipegang oleh 2 orang pegawai yang diberi kuasa. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap.
4	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang	i. Buku Tunai PWR tidak kemas kini. ii. Daftar pembayaran wang untuk dibahagi-bahagikan tidak disediakan dan diperiksa oleh Ketua Pejabat/wakilnya sekali sebulan. iii. Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak merangkumi pemeriksaan setem.
5	Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling	i. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cop 'Telah Bayar'. iii. Bil yang diterima tidak dicop 'Tarikh Terima'.
6	Jabatan Kerja Raya Daerah Klang	i. Buku tunai tidak disemak setiap hari oleh pegawai penyelia. ii. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. iii. Pegawai yang meluluskan Pesanan Kerajaan tidak diberi kuasa. iv. Bil yang diterima tidak dicop 'Tarikh Terima'. v. Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia.
7	Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Langat	i. Perakuan resit tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. ii. Baki stok fizikal borang hasil tidak bersamaan dengan daftar. iii. Buku Tunai PWR tidak kemas kini.
8	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	i. Penurunan kuasa secara bertulis tidak diberi kepada pegawai yang memegang anak kunci peti besi. ii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cop 'Telah Bayar'.

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
9	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Sebahagian buku resit tidak dibuat perakuan di belakang helaian pertama salinan pejabat.. ii. Jumlah wang kutipan di kaunter berbeza dengan <i>Audit Roll</i> sebanyak RM3.20.
10	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera.
11	Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang	<ul style="list-style-type: none"> i. Kata laluan bagi pegawai yang bertukar belum dibatalkan. ii. Daftar Setem tidak diselenggarakan. iii. Anak kunci dan kod kombinasi peti besi yang berasingan tidak dipegang oleh 2 orang pegawai yang diberi kuasa.
12	Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Sebahagian buku resit tidak dibuat perakuan di belakang helaian pertama salinan pejabat.
13	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Gombak	<ul style="list-style-type: none"> i. Perakuan resit dibuat di belakang kulit buku resit dan bukan di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit.
14	Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Buku Tunai PWR tidak kemas kini. iii. Kata laluan bagi pegawai yang bertukar belum dibatalkan. iv. Anak kunci dan kod kombinasi peti besi yang berasingan tidak dipegang oleh 2 orang pegawai yang diberi kuasa. v. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. vi. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cop 'Telah Bayar'.
15	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Petaling	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. ii. Kunci bilik kebal telah hilang semasa kes kecurian pada tahun 2013. Pihak mahkamah masih dalam proses memohon kunci bilik kebal dan kod kombinasi dari Ibu Pejabat.
16	Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
17	Majlis Sukan Negeri Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di <i>bank in slip</i> dengan penyata pemungut. ii. Daftar Pelaburan tidak diselenggarakan. iii. Dokumen sokongan kepada baucar bayaran tidak ditebuk/cop 'Telah Bayar'. iv. Daftar Bil tidak kemas kini. v. Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia.
18	Perbadanan Wakaf Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Perakuan resit dibuat di belakang helaian terakhir dan bukan helaian pertama salinan pejabat buku resit. iii. Tuntutan rekupmen PWR belum diterima. iv. Buku Vot tidak diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia.
19	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Mel tidak diselenggarakan. ii. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di <i>bank in slip</i> dengan penyata pemungut. iii. Perakuan resit tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. iv. Daftar kad kredit tidak diselenggarakan. v. Daftar bayaran komisen kepada syarikat kad kredit tidak diselenggarakan. vi. Pegawai yang sama membuat penaksiran dan mengutip hasil melalui mesin <i>franking</i>. vii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cop 'Telah Bayar'.
20	Majlis Bandaraya Shah Alam Cawangan Sungai Buloh	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi tidak diberi surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Agensi. ii. Peti besi berada di kaunter bayaran dan kedudukan tidak selamat. iii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
		iv. kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan dengan lengkap dalam daftar.
21	Majlis Bandaraya Petaling Jaya Cawangan Bandar Sri Damansara	i. Notis pemberitahu awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan. ii. Logo kad kredit tidak dipaparkan di kaunter Ezpay.
22	Majlis Perbandaran Kajang	i. Surat penurunan kuasa secara bertulis untuk memungut hasil, memegang kunci/kod kombinasi peti besi dan menjalankan pemeriksaan mengejut tidak dikemaskinikan selepas pertukaran Ketua Agensi.
23	Majlis Perbandaran Klang	i. Semakan tidak dibuat ke atas cetakan bank di <i>bank in slip</i> dengan penyata pemungut. ii. Perakuan resit dibuat di belakang kulit buku resit dan bukan di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. iii. Sebahagian buku resit tidak dibuat perakuan di belakang helaian pertama salinan pejabat. iv. Rekod mesin <i>franking</i> tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. v. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
24	Majlis Perbandaran Klang Cawangan Pasar Meru	i. Perakuan resit tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. ii. Pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Agensi. iii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
25	Majlis Perbandaran Subang Jaya Cawangan Puchong	i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. ii. Perakuan resit tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit. iii. Penurunan kuasa secara bertulis tidak diberi kepada pegawai yang memungut hasil. iv. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan. v. Penurunan kuasa secara bertulis tidak diberi kepada pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal.
26	Majlis Daerah Hulu Selangor	i. Pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi bilik kebal tidak diberi kuasa secara bertulis.
27	Majlis Daerah Hulu Selangor Cawangan Bukit Sentosa	i. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
28	Majlis Daerah Kuala Langat Cawangan Bandar Saujana Putra	i. Notis pemberitahu awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan.
29	Pejabat Agama Islam Daerah Gombak Cawangan Kuang	i. Wang kutipan berjumlah RM2,420 lewat dibankkan 2 hingga 3 hari. ii. Anak kunci dan kod kombinasi peti besi yang berasingan tidak dipegang oleh 2 orang pegawai yang diberi kuasa. iii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. iv. Bil yang diterima tidak di cop 'Tarikh Terima'.
30	Lembaga Zakat Selangor Cawangan Bandar Baru Salak Tinggi	i. Daftar Setem tidak diselenggarakan.
31	Lembaga Zakat Selangor Cawangan Sungai Besar	i. Baki wang tunai Panjar Wang Runcit (PWR) dalam tangan tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR. ii. Pendahuluan dibuat melalui PWR bagi penyenggaraan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.8.2. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan tentang kelemahan yang diperhatikan dan diminta mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

5.9. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan dan pemeriksaan mengejut, adalah disyorkan supaya Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

5.9.1. Ketua Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit berbincang secara terperinci isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

5.9.2. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan aspek pengurusan kewangan yang penting sahaja, Ketua Jabatan/Agensi hendaklah mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan secara menyeluruh terhadap aspek pengurusan kewangan lain di semua PTJ khususnya di PTJ lain yang tidak diaudit, untuk memastikan peraturan kewangan dipatuhi dengan sewajarnya dan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

5.9.3. Penglibatan/penyeliaan oleh Ketua Jabatan/Agensi Negeri perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan berkaitan dan membuat pemeriksaan berkala dari semasa ke semasa.

5.9.4. Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap pegawai yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur/tidak menyelenggarakan rekod kewangan dengan lengkap dan kemas kini. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

5.9.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam Pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

18 Mac 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA